

91 - 5541

# SELAMAT TINGGAL

ANGKATAN PERPADUAN UMMAH



46

GAGASAN RAKYAT MALAYSIA

Ruhanie Haji Ahmad

# **SELAMAT TINGGAL**

---

**ANGKATAN PERPADUAN UMMAH**



**GAGASAN RAKYAT MALAYSIA**

**157497 \***

**24 JUL 1995**

**NASKHAR PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

Ruhanie Haji Ahmad  
Kuala Lumpur  
1995

# **SELAMAT TINGGAL**

---

**ANGKATAN PERPADUAN UMMAH**



**GAGASAN RAKYAT MALAYSIA**

**TITIAN KLASIK SDN. BHD.**

Cetakan Pertama ..... Mac 1995

Hakcipta © RUHANIE HAJI AHMAD

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotostat, mekanik rakaman atau lain-lainnya sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis dan penerbit.

**Perpustakaan Negara Malaysia**

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**ISBN: 983-9785-04-4**

Ruhanie Haji Ahmad, 1947-

Selamat Tinggal 46 / Ruhanie Haji Ahmad

Bibliografi: ms 139

Mengandungi indeks

ISBN 983-9785-04-4

1. Malaysia - Politics and government 2. Political parties - Malaysia

3. Semangat 46 4. PBS 5. DAP. 1. Judul.

324.2595

*Design Kulit*

Suzlee Ibrahim

*Penerbit*

Titian Klasik Sdn. Bhd.

Lot 1.37, Kompleks Wilayah

Jalan Dang Wangi

50100 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2915291 Telefax: 03-2988557

*Pencetak*

PERCETAKAN POLYGRAPHIC (M) SDN. BHD.

Lot 21, Jalan 3A, Kawasan Perusahaan Cheras Jaya,

Balakong Batu 11, 43200 Cheras,

Selangor Darul Ehsan.

**Harga: RM 10.00**

## **KANDUNGAN**

Penghargaan	
Kebijaksanaan	
Kunci Kecemerlangan	
Glosari	
Piagam Barisan Nasional	
Barisan Nasional	
Diiktiraf Dunia	
Pembunuhan UMNO	1
Himpunan Melayu	7
UMNO Bukan 46	15
Barisan Serpihan	21
Semangat DAP	33
Angkatan Pecah	43
PBS Belot	49
Dilanda Krisis	55
Sepanjang Zaman	61
Perjuangan Layu	67
Hilang Haluan	73
Mungkiri Ikrar	79
Angkatan Digegar	85
Gagasan Berkecai	93
Selamat Tinggal	99
Diari Razaleigh	111
Tunjang Wawasan	121
Malaysia Dan Susunan Baru	129
Dunia Islam	
Bibliografi	139
Indeks	143

## **PENGHARGAAN**

BUKU ini adalah catatan waktu yang menjelaki liku-liku perkembangan siasah pembangkang tanahair, khususnya Semangat 46, PAS serta DAP, dalam konteks Gagasan dan Angkatan, sejak Pilihanraya Umum 1990 hingga ke tempoh pra Pilihanraya Umum 1995.

Ia merupakan susulan kepada buku-buku saya sebelum ini - Melayu Lawan Melayu dan DAP Bukan Anti Melayu? - yang diterbitkan menjelang Pilihanraya Umum 1990.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengizinkan sedutan ucapannya di Konvensyen BN pada 25 Mac 1995, dimuatkan ke dalam buku ini. Ia menjadikan buku ini lebih mampat dan berwibawa.

Saya amat terhutang budi kepada staf Backbench - Misrom Matleham, Rusilawati Kamarudin, Khusairie Talib, Mohd. Sazali Kamilan, Dzulkaffli Haji Mohd. Sharif, Norul 'Ashikin Abdullah dan Suzlee Ibrahim - yang membantu dalam kerja-kerja penyelidikan dan editorial.

Terima kasih juga saya abadikan untuk Puan Maimunah Abdul Rashid di Perpustakaan Kumpulan Utusan, kakitangan Perpustakaan Negara dan juga kakitangan Perpustakaan Parlimen Malaysia yang sentiasa memberi kerjasama di dalam proses penyelidikan.

**Ruhanie Haji Ahmad**

Kuala Lumpur

1 Mac 1995

## **KEBIJAKSANAAN KUNCI KECEMERLANGAN**

MATLAMAT utama perjuangan Semangat 46 adalah menghidupkan semula UMNO. Biarpun aneh, matlamat ini sahih dan menarik. Hakikat ini sering dinyatakan oleh pucuk kepemimpinan parti berkenaan. Ia menyebabkan segolongan orang Melayu yang mahu terus menggantungkan harapan kepada perjuangan parti terbabit hingga ke hari ini.

Jika matlamat ini dihalusi, dituntasi dan dirincikan secara rasional dan bijaksana, ia hanya merupakan matlamat yang emosi dan sia-sia. Anggapan ini mungkin keterlaluan. Tetapi, inilah hakikat yang sebenar-benarnya. Ini kerana perjuangan Semangat 46 kini lebih diwarnai oleh kedolak-dalikan, oleh kata-kata yang tidak konsisten dan oleh perbuatan yang mencanggahi aspirasi menjunjung serta mengangkat martabat bangsa, agama dan tanahair.

Kedolak-dalikan dalam konteks ini jelas tercermin menerusi kerjasama siasah Semangat 46 dengan PAS, musuh tradisi UMNO, dan juga menerusi pakatan siasah parti tersebut dengan DAP, seterus ketat orang Melayu. Adakah parti berkenaan benar-benar mahu menghidupkan semula UMNO bila ia sudah menyimpang jauh dari matlamat asalnya dan sudah pun melakoni perjuangan yang melemahkan ketahanan politik Melayu seluruhnya? Mudahnya, jika mahu hidupkan UMNO asal, kenapa berbaik-baik dengan musuh-musuh UMNO?

Seperti kata Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, sedarkan para pendukung Semangat 46 bahawa "UMNO tidak mati. UMNO yang wujud hari ini, daripada segi semangatnya, daripada segi perjuangannya, daripada segi perlumbagaannya dan daripada segi keahliannya, adalah UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei

1946, di Istana Besar, Johor Bahru"? Jadi, mengapakah orang Melayu harus diheret ke arah perpecahan jika UMNO itu adalah wadah siasah untuk orang Melayu bersatupadu?

Atas hakikat inilah saya menyediakan buku ini kerana saya dapat segala perkembangan yang melingkari detik-detik perjuangan Semangat 46 sekarang adalah perkembangan yang nampaknya menafikan kebijaksanaan orang Melayu dalam bersiasah dan juga perkembangan yang akan hanya merugikan orang Melayu dalam jangka panjangnya.

Dalamilah kata-kata Presiden UMNO mutakhir bahawa "UMNO ini ialah UMNO, parti yang mewakili orang-orang Melayu semenjak tahun 1946, yang berjuang melawan Malayan Union, yang berjuang mencapai kemerdekaan, yang berjuang untuk mengisi kemerdekaan dengan semua keperluan dan hak satu bangsa yang merdeka, yang berjuang untuk meletakkan orang-orang Melayu khususnya sebagai Bumiputera yang mempunyai tempat tertentu dalam negara Malaya dan kemudiannya Malaysia. UMNOlah yang menjadi tulang belakang Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional."

Bertindaklah secara bijaksana. Belum terlewat jika semua pendukung dan penyokong Semangat 46 mahu mengucapkan selamat tinggal kepada PAS, kepada DAP, kepada Angkatan dan kepada Gagasan. Tindakan inilah sebaik-baik tindakan yang perlu dilakukan menjelang Pilihanraya Umum 1995 kerana dalam menghadapi cabaran abad ke 21, hanya kebijaksanaan sahajalah yang akan memandu orang Melayu menempah survival dan kecemerlangan.

**RUHANIE HAJI AHMAD**

Kuala Lumpur

1 Mac 1995

## **GLOSARI**

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
Angkatan	Angkatan Perpaduan Ummah
BN	Barisan Nasional
Berjaya	Bersatu Rakyat Jelata Sabah
Berjasa	Barisan Jemaah Islamiah Se Malaysia
DAP	Democratic Action Party
DUN	Dewan Undangan Negeri
Gagasan	Gagasan Rakyat Malaysia
Gerakan	Gerakan Rakyat Malaysia
Hamim	Hisbul Muslimin
IPF	Indian Progressive Front
KIMMA	Kesatuan Indian Muslim Malaysia
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
PAP	People's Action Party
PAS	Partai Islam Se Malaysia
PBS	Parti Bersatu Sabah
PERMAS	Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak
PPP	People's Progressive Party
PRM	Partai Rakyat Malaysia
SUPP	Sarawak United People's Party
UMNO	United Malays National Organisation
Semangat 46	Parti Melayu Semangat 46



## PIAGAM BARISAN NASIONAL DAN PERSYIARHAN RAKYAT

*LEBIH setengah abad yang lalu, ibu-ibu dan bapa-bapa kita semua telah bermuafakat untuk menujuhkan sebuah negara berdaulat dan merdeka. Mereka menerima hakikai masyarakat berbilang agama, kaum dan kebudayaan. Mereka yakin bahawa daya hidup negara bergantung kepada kesederhanaan dan kerjasama semua kaum yang berteraskan keadilan, demokrasi dan musyawarah.*

*SEMANGAT itulah yang melahirkan Parti PERIKATAN sebagai wadah bagi rakyat mencapai kemerdekaan dan membentuk serta membangunkan Malaysia.*

Kami, Barisan Nasional sebagai waris kepada muafakat tersebut, berhimpun di sini untuk memperbaharui ikrar Untuk meneruskan usaha membina sebuah negara bersatu, bebas, dan berdaulat, bernafaskan keadilan, demokrasi dan musyawarah; dan terus memakmurkan negara dengan ketekunan bekerja, dedikasi dan keberanian menghadapi cabaran perubahan.

### KITA MENEGASKAN BAHAWA:

**BARISAN NASIONAL** adalah satu-satunya wadah muafakat rakyat Malaysia, wadah yang mampu mengerakkan cita-cita rakyat mencapai keadilan dan kesejahteraan bersama, membela yang dhaif, memperkayakan budaya, menyajikan sistem ekonomi dan politik yang dinamis dan mantap.

**BARISAN NASIONAL** menentang sebarang bentuk gagasan dan gerakan pelampau perkauman dan agama, fahaman politik dan kedaraahan yang sempit yang boleh menggoncang kerukunan hidup bermasyarakat. Percayalah, bahawa mereka yang menyemai benih perkauman akan menuai taufan kehancuran.

**BARISAN NASIONAL** bertekad menjadikan Malaysia negara maju yang memiliki kekuatan moral, kehebatan industri dan kesuburan budaya. WAWASAN 2020 adalah pernyataan hasrat rakyat Malaysia dalam menghadapi cabaran masakini dan obor yang menyuluh kemaraan kita ke abad ke 21 dengan penuh yakin. Ia menzhirkir iluziam untuk mengangkat martabat bangsa dan negara, menjadi warga yang berjaya dan dihormati di tengah-tengah masyarakat sejagat.

**BARISAN NASIONAL** berpegang teguh kepada perjuangan yang mengimbangi ketangkasan ekonomi dan kekuatan moral, pertumbuhan dan keadilan sosial, kebebasan individu dan kestabilan masyarakat.

Dengan itu **BARISAN NASIONAL** menegaskan keazamannya untuk terus:

- Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara, mendukung Perlembagaan dan Institusi Raja Berperlembagaan serta mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara.
- Menegakkan Islam sebagai agama rasmi negara sambil mempertahu dan menghormati hak dan amalan agama-agama lain. Kita percaya bahawa kehidupan beragama sebagai asas kekuatan moral, tunjang kebaikan dan nilai murni, serta asas keutuhan keluarga dan masyarakat penyayang.
- Menjamin kedaulatan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia) sebagai bahasa rasmi negara, serta memperluaskan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.
- Menyuburkan pertumbuhan budaya dan kesegaran dayacipta ke arah pembentukan Kebudayaan Nasional.
- Memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan, menjamin pengagihan kekayaan kepada semua lapisan rakyat, dan merangka pembangunan yang mesra alam.
- Memekarkan ilmu, membudayakan sains dan teknologi dalam kehidupan rakyat, serta meningkatkan ketrampilan dalam menangani segala cabaran global.
- Memperjuangkan keadilan, demokrasi dan hak-hak asasi manusia di pentas antarabangsa, menyuarakan pendirian tegas dalam persoalan kemanusiaan sejagat, membantu mencorakkan tata dunia yang lebih adil dan meranggang kriteria moral yang tuntas.

*INILAH ikrar kita semua. Demi kesejahteraan kita dan anak cucu kita semua, kita akan perjuangkan dengan gugah sehingga mencapai kejayaan yang lebih gemilang*



## *PLAGAM BARISAN NASIONAL DAN PERISYI HARAN RAKYAT*

**LEBIH** setengah abad yang lalu, ibu-ibu dan bapa-bapa kita semua telah bermuafakat untuk menubuhkan sebuah negara berdaulat dan merdeka. Mereka menerima hakikat masyarakat berbilang agama, kaum dan kebudayaan. Mereka yakin bahawa daya hidup negara bergantung kepada kesederhanaan dan kerjasama semua kaum yang berteraskan keadilan, demokrasi dan musyawarah.

**SEMANGAT** itulah yang melahirkan Parti PERIKATAN sebagai wadah bagi rakyat mencapai kemerdekaan dan membentuk serta membangunkan Malaysia.

Kami, Barisan Nasional sebagai waris kepada muafakat tersebut, berhimpun di sini untuk memperbaharui ikrar. Untuk meneruskan usaha membina sebuah negara bersatu, bebas, dan berdaulat, bemaafaskan keadilan, demokrasi dan musyawarah; dan terus memakmurkan negara dengan ketekunan bekerja, dedikasi dan keberanian menghadapi cabaran perubahan.

## **BARISAN NASIONAL DIKTIRAF DUNIA**

*Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad  
Perdana Menteri Malaysia*

BARISAN NASIONAL ditubuhkan pada 1974. Tetapi, konsep kerjasama politik antara kaum yang mendasari kewujudan Perikatan, dan kemudiannya BN, di negara berbilang kaum ini bermula pada 1951. Pada tahun itu, UMNO dan MCA mewujudkan kerjasama untuk bertanding menentang IMP dan beberapa parti sosialis untuk kerusi Majlis Bandaran Kuala Lumpur.

Kerjasama di atas dilaksanakan secara mudah sahaja. Ia berasaskan kepada persetujuan supaya MCA tidak meletakkan calon di mana UMNO bertanding, dan UMNO pula tidak meletakkan calon di mana MCA bertanding. Penyokong kedua-dua parti ini dikehendaki menyokong calon-calon gabungan tersebut. Kerjasama seperti ini menjanjikan kemenangan yang lebih terjamin bagi calon-calon parti gabungan UMNO-MCA.

Dengan itu **BARISAN NASIONAL** menegaskan keazamannya untuk terus :

*Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara, mendukung Perlembagaan dan Institusi Raja Berperlembagaan serta mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara.*

*Menegakkan Islam sebagai agama rasmi negara sambil memperaku dan menghormati hak dan amalan agama-agama lain. Kita percaya bahawa kehidupan beragama sebagai asas kekuatan moral, tunjang kebaikan dan nilai murni, serta asas keutuhan keluarga dan masyarakat penyayang.*

*Menjamin kedaulatan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia) sebagai bahasa rasmi negara, serta memperluaskan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.*

*Menyuburkan pertumbuhan budaya dan kesegaran dayacipta ke arah pembentukan Kebudayaan Nasional.*

*Memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan, menjamin pengagihan kekayaan kepada semua lapisan rakyat, dan merangka pembangunan yang mesra alam.*

*Memekarkan ilmu, membudayakan sains dan teknologi dalam kehidupan rakyat, serta meningkatkan ketramplian dalam menangani segala cabaran global.*

*Memperjuangkan keadilan, demokrasi dan hak-hak asasi manusia di pentas antarabangsa, menyuarakan pendirian tegas dalam persoalan kemanusiaan sejagat, membantu mencorakkan tata dunia yang lebih adil dan merangsang kriteria moral yang tunas.*

*INILAH ikrar kita semua. Demi kesejahteraan kita dan anak cucu kita semua, kita akan memperjuangkan dengan gigih sehingga mencapai kejayaan yang lebih gemilang.*

Hasilnya jelas membuktikan bahawa kerjasama sedemikian rupa adalah lebih baik daripada permusuhan. Sebab itulah kerjasama UMNO-MCA pada tahun 1951 itu menerima sokongan penuh dari rakyat jelata. Sebab itulah juga gabungan MCA dan UMNO itu mencatatkan kemenangan besar.

Dari sinilah bermulanya konsep Perikatan yang beberapa tahun berikutnya menjelma sebagai BN. Kita yang mewarisi konsep ini tidak harus lupa dengan permulaan yang kecil ini. Hasil dari kerjasama UMNO dan MCA di Kuala Lumpur pada tahun 1951 itu, kini terbentuk satu gabungan parti-parti politik Malaysia yang besar sehingga mempunyai 14 anggota komponen dengan lebih empat juta ahli.

Begitulah pesatnya pertumbuhan BN. Gabungan siasah yang lahir daripada suatu pakatan siasah yang kecil, terhad kepada Kuala Lumpur, terhad kepada UMNO dan MCA, dan dengan ahli serta penyokong yang tidak ramai, hari ini menjadi sebuah gabungan yang mewakili majoriti kumpulan etnik Malaysia, bercorak nasional, mempunyai 14 keluarga komponen dengan ahli seramai empat juta orang.

Ini adalah satu pencapaian yang luar biasa dalam perkembangan parti politik di seluruh dunia. Biasanya, parti politik di mana-mana sekalipun, semakin lama ia wujud, semakin berpecah; bukannya semakin lama, semakin bergabung dan bertambah gagah.

Sesuatu parti yang tidak bergabung dengan mana-mana pihak sekalipun biasanya berpecah kerana perbezaan pendapat di antara beberapa puak di dalam parti itu sendiri. Akibatnya, parti berkenaan akan mela-

hirkan dua atau tiga parti baru yang sentiasa bertentangan di antara satu sama lain. Lambat laun, permusuhan politik ini akan jadi lebih serius dan runcing.

Akhirnya, tidak ada sesiapa pun dari kalangan parti yang bermusuhan itu yang berjaya menguasai keadaan politik dalam negara terbabit. Tidak ada satu pun dari kalangan mereka yang boleh menubuhkan Kerajaan yang berwibawa. Dengan itu, negara berkenaan jadi kucar-kacir dan sukar untuk ditadbir.

Tetapi, perkembangan negatif seperti ini tidak terjadi di Malaysia. Sebaliknya, dengan permulaan yang kecil pada tahun 1951, BN tidak berpecah-belah dan melahirkan lebih banyak parti yang semakin kecil jumlah anggota serta penyokongnya. Di Malaysia, parti-parti politik kecil yang bergabung sejak 44 tahun lalu kini menjadi satu pakatan yang gagah. Mula-mula mereka bergabung di dalam Perikatan. Mulai 1974, mereka bergabung di dalam BN. Gabungan ini menjelma sebagai parti gergasi yang sebenar-benarnya.

Namun begitu, walaupun gabungan yang lahir sejak 1951 itu masih merupakan satu gabungan antara parti politik yang sehaluan hingga ke hari ini, pada hakikatnya BN tetap bertindak dan bergerak sebagai sebuah parti. Di dalam mana-mana pilihanraya, keluarga BN tidak pernah meletakkan sebarang calon untuk menentang calon parti komponennya. Sebaliknya, calon-calon parti komponen yang diketengahkan akan bertanding sebagai calon BN.

Semua pemimpin dan anggota parti komponen BN memberi sokongan padu kepada calon BN. Kerjasama dan sokongan seperti ini sentiasa wujud dan amat

ditiitikberatkan oleh semua anggota komponen BN. Kerjasama ini telah membolehkan Malaysia membentuk Kerajaan yang berwibawa hingga ke hari ini.

Bagaimanapun, usaha mewujudkan sebuah Kerajaan berwibawa seperti yang diperjuangkan oleh BN ini bercanggah dengan amalan sesetengah golongan politik di Barat. Golongan berkenaan beranggapan bahawa perjuangan mewujudkan sebuah Kerajaan berwibawa adalah tidak perlu. Hakikat ini sungguh aneh. Setelah golongan berkenaan bersusah payah dan membelanjakan wang yang banyak untuk sesuatu pilihanraya umum, dan selepas sesuatu Kerajaan dibentuk, golongan berkenaan akan terus menghentam Kerajaannya habis-habisan. Mereka juga akan menyekat Kerajaan yang ditubuhkan dari melaksanakan apa jua dasar yang didapati berfaedah untuk majoriti rakyat jelatanya.

Amalan seperti ini berlaku di Barat yang kononnya canggih dalam politik. Mereka berpendapat, sesebuah Kerajaan bukan diperlukan untuk menguasai keadaan dalam negara. Mereka juga berpendapat, sesebuah Kerajaan tidak harus campur tangan dalam apa juga perkara.

Aneh sungguh amalan dan pendapat seperti ini. Kenapakah mereka masih mempunyai Kerajaan dan kenapakah mereka bersusah payah memilih Kerajaan, kalau mereka tidak mahu Kerajaan mempunyai kuasa. Tanpa kuasa, Kerajaan tidak boleh bertindak. Akibat amalan seperti ini, kebanyakan negara maju sekarang mempunyai Kerajaan yang lemah dan Kerajaan yang tidak dapat membentuk ataupun melaksanakan sesuatu dasar yang bermanfaat kepada rakyatnya. Minat go-

longan politik di negara-negara berkenaan hanya untuk mengadakan pilihanraya. Tetapi, entah untuk apa.

Amalan Barat ini nampaknya telah menjangkiti pemikiran sesetengah golongan politik di Malaysia. Sebab itulah setiap kali menjelang pilihanraya umum, ada sesetengah golongan menyebarkan pendapat bahawa sesuatu parti itu perlu dihadkan untuk mewujudkan Kerajaan hanya untuk satu atau dua penggal sahaja. Mereka berpendapat, kononnya menerusi cara ini tidak akan wujud Kerajaan yang menjadi begitu kuat kerana mereka begitu takut kepada Kerajaan yang berkuasa. Mereka berpendapat sedemikian walaupun mereka sedar bahawa sesuatu Kerajaan yang tidak mempunyai kuasa tidak boleh bertindak, dan Kerajaan hanya boleh bertindak jika berkuasa. Oleh itu, berwaspada dan bertindaklah secara bijaksana untuk menghindari tanggapan serta amalan negatif ini.

Malaysia memang mengamalkan sistem demokrasi. Sebab itu dibenarkan wujud seberapa banyak parti politik yang mungkin di negara ini. Dua orang individu pun boleh menubuhkan sebuah parti politik. Jadi, jika prinsip-prinsip demokrasi dalam menubuhkan parti politik ini diamalkan sepenuhnya, Malaysia yang mempunyai 19 juta penduduk boleh mempunyai jumlah maksimum sebanyak 9.5 juta parti politik.

Tetapi, kalau hakikat amalan demokrasi seperti ini diteliti sehalus-halusnya, sudah tentu tidak akan wujud satu pun parti politik yang mendapat sokongan majoriti besar dari rakyat untuk menubuhkan Kerajaan berwibawa di negara ini. Ini bererti tidak akan wujud satu pun parti politik yang akan mendapat kerusi lebih 50

peratus di dalam Parlimen. Dengan itu, tidak akan wujud siapa pun yang mampu membentuk Kerajaan.

Memang benar, kalaularah Malaysia mempunyai 40 parti politik dan semuanya memenangi jumlah kerusi yang kecil menerusi pilihanraya umum, mereka boleh mengadakan gabungan selepas pilihanraya umum tersebut untuk membentuk sebuah Kerajaan. Tetapi, gabungan sedemikian tentunya tidak kuat kerana "*it is a coalition of convenient*" ataupun "*a marriage of convenient*". Ia hanya merupakan satu perkahwinan tanpa persefahaman - satu perkahwinan mutaah semata-mata untuk membentuk Kerajaan.

Gabungan seperti ini selalunya tidak kekal, tidak mantap, tidak mempunyai persefahaman yang abadi dan sentiasa dalam keadaan terancam. Apabila manapun anggota gabungannya menarik diri, Kerajaan yang diwujudkannya tentu akan jatuh. Kadang-kadang, sesebuah parti akan keluar dari gabungannya dengan alasan yang kecil dan sempit. Misalnya, semata-mata kerana permohonannya mendapatkan kuota menteri gagal dipenuhi, anggota berkenaan pun berpecah dari gabungannya. Ia tidak peduli sama ada Kerajaan gabungannya akan runtuh akibat tindakan sedemikian rupa.

Di samping pendapat seperti di atas, ada juga kalangan politik setempat dan di Barat yang beranggapan sepatutnya hanya dua parti politik sahaja diizinkan wujud di dalam sesuatu negara. Mereka tidak peduli kalau dua parti sahaja diizinkan wujud di dalam sesebuah negara, sudah tentu Kerajaan di negara berkenaan akan dituduh tidak mengamalkan demokrasi dan

tidak memberi kebebasan kepada rakyatnya untuk membentuk parti politik.

Sebab itulah terdapat beberapa negara Barat yang mempunyai sistem dua parti, kononnya kerana sistem tersebutlah yang terbaik sekali. Ia disifatkan terbaik kerana ia diamalkan oleh pihak Barat. Beginilah karenah Barat. Apa yang mereka buat semuanya baik. Tidak ada satu pun yang tidak baik.

Tetapi, sama-samalah teliti sistem dua parti ini dan apakah masalahnya. Kemenangan bagi sesuatu parti di dalam sistem sedemikian biasanya amat tipis. Satu dari parti dalam sistem tersebut mungkin hanya menangi 51 peratus sahaja dari keseluruhan kerusi Parlimen dan yang satu lagi memperolehi 49 peratus. Dalam keadaan seperti ini, tentulah parti yang menguasai Parlimen itu tidak kukuh dan tidak boleh mewujudkan Kerajaan yang stabil. Jika ada dua orang sahaja dari parti yang berkuasa melompat ke parti yang jadi pembangkang, maka jatuhiyah Kerajaan yang ditubuhkan oleh parti yang menang.

Amalan sistem dua parti adalah tidak praktikal. Buktinya, ada sebuah negara yang sentiasa dirundung masalah kerana amalan ini. Kerajaan di negara tersebut mempunyai majoriti kerusi yang terlalu kecil di Parlimen. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan tersebut sentiasa diperkotak-katikkan oleh semua pihak, termasuklah Ahli Parlimen dari parti yang memerintah.

Contohnya, ada Ahli Parlimen parti pemerintah di negara berkenaan yang sanggup melompat ke parti pembangkang semata-mata kerana tuntutannya mendapatkan AP membeli Pajero tidak dipenuhi oleh parti-

nya sendiri. Karenah seperti ini mencerminkan bahawa nasib Kerajaan di negara berkenaan seolah-olah bergantung kepada sebuah Pajero.

Ini membuktikan bahawa politik di negara itu bukan dijadikan penyalur minat untuk membentuk Kerajaan, mentadbir negara, berkhidmat demi kepentingan rakyat serta pembangunan tanahair. Sebaliknya, politik di negara itu hanya diperolok-lok dan dipermain-mainkan. Inilah di antara kelemahan utama di dalam sesuatu sistem dua parti.

Malaysia memang tidak mengamalkan sistem perintahan dua parti. Namun begitu, amalan lompat-melompat parti juga terdapat di negara ini. Ia terbukti sebagai satu masalah. Perlembagaan Malaysia tidak boleh menghalang amalan ini. Jadi, janganlah Malaysia dijadikan gelanggang amalan demokrasi seperti ini. Sebaliknya, semua pihak yang cintakan demokrasi di negara ini wajar menghindarinya demi kewujudan sebuah Kerajaan yang mantap dan berwibawa.

Selain dari amalan dan tanggapan politik seperti di atas, kadang-kadang terdapat pula kecenderungan serta amalan menukar Kerajaan di sesebuah negara menerusi setiap kali pilihanraya umum yang dijalankan di negara berkenaan. Ini memberi gambaran seolah-olah politik dan pilihanraya umum di negara itu hanya seperti suatu bentuk permainan.

Menerusi amalan seperti ini, setiap kali sebuah parti baru berjaya menubuhkan Kerajaan, ia akan membuat perubahan yang radikal tanpa persambungan kepada apa yang telah diamalkan oleh Kerajaan sebelumnya. Contohnya, parti yang berjaya membentuk Kerajaan

baru akan melaksanakan dasar nasionalisasi. Segalanya dilaksanakan kerana parti berkenaan mendukung prinsip-prinsip sosialisme.

Lima tahun berikutnya, satu parti lagi akan diberi mandat oleh rakyat di negara berkenaan. Kali ini, Kerajaan yang baru, contohnya, akan melaksanakan dasar penswastaan. Maka segala organisasi yang telah dimilik-negarakan oleh Kerajaan sebelum itu pun dijual kembali kepada pihak swasta.

Lima tahun lepas itu, akibat selera yang sentiasa bertukar mengikut setiap kali diadakan pilihanraya umum, Kerajaan negara berkenaan juga turut bertukar kepada parti lain. Maka, dasar kerajaannya juga turut berubah. Amalan seperti ini amat merugikan.

Menerusi amalan ini, setelah sekian kali Kerajaan di negara tersebut diubah dan ditukar, maka tidak ada sesiapa lagi yang mahu memikirkan apa yang harus dilaksanakan demi manfaat bersama. Selera rakyat di negara tersebut hanya tertumpu kepada parti manakah di dalam sistem dua parti itu yang akan diberi sokongan dalam pilihanraya umum yang akan datang kelak. Amalan seperti ini tidak mahu mengakui hakikat bahawa tidak ada sebuah pun Kerajaan di dunia ini yang boleh memuaskan hati seluruh rakyatnya sepanjang masa.

Amalan seperti ini juga tidak mengambilkira bahawa sesebuah parti politik hanya mampu bertindak dan berjuang demi manfaat rakyatnya apabila parti tersebut diberi mandat untuk memerintah. Dan, apa dasar dan rancangan sekalipun pasti menerima sokongan dan bangkangan. Sebab itulah terdapat sesebuah Kerajaan yang hilang sokongan sewaktu pemerintahannya.

Akibat kehilangan sokongan, di dalam pilihanraya umum yang akan datang, Kerajaan tersebut pun dijatuahkan dan Kerajaan baru memerintah negara berkenaan. Dan bila parti baru memerintah, walaupun semasa menjadi pembangkang parti tersebut begitu kuat bercakap tentang kelemahan Kerajaan, keadaannya tetap berbeza bila ia menjadi Kerajaan. Apa juga tindakannya tetap mendapat sokongan ataupun tentangan. Ini hakikat kerana sudah tentu penyokong parti yang dijatuhkannya tidak menyokongnya. Dengan itu, apabila diadakan pilihanraya umum sekali lagi, pasti parti yang menubuhkan Kerajaan itu akan jatuh.

Jadi, mana-mana negara yang mengamalkan sistem dua parti tentunya tidak dapat diuruskan secara licin dan berkesan. Kerajaannya akan sentiasa berubah-ubah. Dasar-dasarnya juga sentiasa bertukar ganti. Kadang-kadang ia diuruskan oleh sebuah Kerajaan sosialis. Kadang-kadang ia ditadbirkan oleh Kerajaan konservatif. Begitulah di antara masalah di dalam sesuatu negara yang mengamalkan sistem dua parti.

Bagaimanapun, berbagai masalah juga akan wujud di dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem pelbagai parti ataupun "*multi party*." Sistem ini, biarpun demokratik, jika terlampau keterlaluan pun menyebabkan sesebuah Kerajaan yang mantap dan berwibawa sukar untuk dibentuk.

Namun begitu, Malaysia tetap berpegang kuat kepada demokrasi. Rakyat perlu diberi kebebasan untuk menentukan siapakah yang hendak diberi mandat memerintah negara. Amalan ini dilaksanakan kerana rakyat pastinya bijak di dalam membuat pilihan ini.

Tetapi, kadang-kadang terdapat juga kalangan rakyat yang kurang bijaksana di dalam melaksanakan hak-hak demokrasinya menerusi pilihanraya. Terdapat di kalangan mereka yang berpandangan sempit dan terhad. Ada golongan rakyat yang menolak Kerajaan yang sedang memerintah negara ini semata-mata kerana Kerajaan gagal membina jalan tar di kampungnya.

Golongan rakyat seperti ini enggan mengambil-kira perjuangan Kerajaan memajukan negara dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat pada setiap tahun. Mereka sanggup menolak Kerajaan yang ada kerana kampungnya tidak mempunyai jalan tar. Adakah amalan demokrasi seperti ini sesuatu yang bijaksana?

Kerajaan telah memberikan bermacam-macam pembelaan kepada rakyat di seluruh negara. Di Kedah contohnya, tempat menjemur padi pun disediakan oleh Kerajaan. Tetapi, menjelang sesuatu pilihanraya, Kerajaan akan didesak memasang lampu elektrik di jalan yang belum berlampaunya elektrik. Menjelang satu lagi pilihanraya, Kerajaan akan didesak membekalkan air bersih ke kawasan yang belum menikmati bekalan tersebut. Lepas itu, berbagai-bagai lagi desakan. Sediakan bekalan elektrik, membina sekolah berhampiran dengan sesebuah kampung dan sebagainya. Adakah desakan demi desakan seperti ini patut dilakukan setiap kali menjelang Pilihanraya Umum semata-mata kerana ianya demokratik?

Jadi, rakyat Malaysia walaupun bijak di dalam melaksanakan hak masing-masing di dalam sesuatu pilihanraya, kadang-kadang terdapat golongan yang melaksanakan hak tersebut dan membuat pilihan tidak bijak kerana pilihan itu diasaskan kepada perkara titik

bengik. Dan dalam pilihanraya umum yang akan datang ini juga Kerajaan akan berhadapan dengan masalah semacam ini. Tetapi, inilah demokrasi. Jadi, bertindaklah secara bijaksana di dalam melaksanakan hak demokrasi di dalam sesuatu pilihanraya.

Memang mana-mana Kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi bersetuju bahawa kewujudan pembangkang adalah penting. Tetapi, pembangkang jenis apa? Macam DAP? Parti ini bukan pembangkang. Sesuatu pembangkangan mesti ada asas. Sesuatu pembangkangan mestilah membina. Di sesebuah negara memang mesti ada parti pembangkang. Tetapi, pilihlah orang yang betul-betul ikhlas muhimbina negara. Bukan golongan yang hanya membangkang sepanjang masa. Sebab itulah wajar bertindak secara bijaksana di dalam melaksanakan hak-hak demokrasi.

Dalam pada itu, ada pula orang yang menggunakan sentimen fanatik. Bila diterangkan apa sebenarnya yang dituntut dan diajar oleh Islam, golongan ini akan mengatakan bahawa ketua mereka tidak mengajar seperti yang cuba diterangkan kepada mereka. Golongan ini bersandarkan Quran. Tetapi, hanya menurut apa yang ditafsirkan oleh ketuanya. Inilah yang dikatakan fanatik. Mereka akan menafikan kebenaran Quran selagi ketuanya tidak berkata apa-apa. Kononnya, Quran hanya boleh dibaca dan ditafsir oleh ketuanya. Golongan semacam ini terlalu fanatik sehingga orang yang melakukan maksiat pun, asalkan pakai kopiah putih, akan naik markah. Jika orang itu memakai jubah, lagi tinggi markahnya. Jika dia menyimpan janggut, semakin banyaklah markahnya. Golongan lain yang berpakaian

seperti mereka diketepikan tanpa sebarang alasan. Begitulah bila sudah fanatik. Pandangan kebenaran dari pihak lain diketepikan begitu sahaja. Golongan seperti inilah yang boleh mencetuskan huru-hara. Bagaimanapun, Alhamdulillah, Malaysia belum sampai ke tahap itu.

Di negara lain, golongan fanatik seperti ini memegang Quran sambil bertempur dengan pihak polis. Itu bukan caranya. Quran dibaca untuk mendapatkan panduan hidup dari isi kandungannya. Tetapi, kepada golongan yang fanatik, Quran cuma dijadikan alat. Samalah seperti golongan fanatik di Malaysia yang menggunakan agama untuk kepentingan politik. Sebab itulah golongan tersebut sanggup mengkafirkan orang lain, kononnya perbuatan itu disuruh oleh Islam. Jika amalan ini dituntut oleh Islam, maka semakin lama semakin kuranglah orang Islam di Malaysia. Semuanya telah dikafirkan oleh golongan ini.

Lebih serius lagi, ibu bapa golongan ini pun turut dikafirkan. Ini berlaku sebab mereka mengatakan bahawa sesiapa yang tidak menganggotai parti politik golongan tersebut adalah tidak Islam. Jadi, bapa mereka, ibu mereka dan nenek mereka dulu yang tidak pernah menjadi ahli parti tersebut, tidak Islamlah. Jadi, kalau begitulah hakikatnya, golongan yang mendakwa orang lain bukan Islam ini juga dilahirkan dari kalangan bukan Islam.

Sebab itu, bertindaklah secara bijaksana. Sementara Malaysia memang memerlukan pembangkang, rakyat jelata hendaklah memahami bahawa peranan pembangkang bukan hanya untuk membangkang, biarpun dengan menggunakan maki hamun, semata-mata kerana mereka dilindungi oleh keistimewaan di dalam Parli-

men. Rakyat tidak harus memilih pembangkang seperti ini.

Rakyat jelata juga tidak harus menolak parti Kerajaan semata-mata kerana belum dibina jalan tar di kampung masing-masing. Walaupun memang diakui bahawa di dalam sesuatu sistem demokrasi rakyat dianggap sebagai bijaksana bagi membentuk Kerajaan, tetapi kadang-kadang perkara titik bengik dan kurang kefahaman terhadap politik telah menyebabkan mereka membuat pilihan yang tidak bijak menerusi pilihanraya.

Insaflah. Malaysia menerima demokrasi bukan secara buta tuli dan tanpa mengambil kira kelemahannya. Demokrasi bukan seratus peratus baik, walaupun orang Barat mengatakan tidak ada sistem lain lebih baik. Demokrasi adalah ciptaan manusia dan demokrasi juga mempunyai kelemahannya. Oleh itu, manusia akan dipertobohkan kalau tidak mengambil kira kelemahan yang ada dalam demokrasi. Waspadalah, demokrasi yang diamalkan secara tidak baik pasti akan membawakan hasil yang juga tidak baik. Beringat-ingatlah, sistem demokrasi bukannya untuk demokrasi. Demokrasi adalah untuk membentuk Kerajaan berwibawa, boleh membangunkan negara supaya rakyat jelata beroleh manfaat yang penuh dari Kerajaan yang berkuasa.

Alhamdulillah cara demokrasi di Malaysia adalah unik. Baru-baru ini seorang pemimpin Barat bertanyakan tentang sistem Kerajaan di Malaysia. Saya memberitahu pemimpin tersebut bahawa Malaysia mempunyai 14 parti politik yang bergabung dengan BN. Pemimpin tersebut berkata, negaranya hanya mempunyai dua sahaja parti politik dan kedua-duanya pun tidak boleh bekerjasama. Dia hairan, bagaimanakah agaknya Malaysia boleh

menggabungkan 14 buah parti politik. Begitulah hakikatnya. Biar apa pun yang terjadi di negara lain, sistem gabungan 14 buah parti politik di negara ini telah terbukti sebagai satu sistem yang telah membawa kejayaan kepada Malaysia.

Inilah keistimewaan BN. Gabungan ini menentukan bahawa setiap calon parti komponennya yang bertanding di dalam sesuatu pilihanraya akan menggunakan simbol BN. Setiap calon BN juga disokong oleh semua parti komponennya. Sistem BN juga memberikan tempat kepada semua parti komponen. Setiap keluarga komponen mempunyai tiga ahli dalam Majlis Tertinggi. Dengan itu tidak wujud keadaan di mana suara parti yang terkecil di dalam BN tidak didengari oleh Majlis Tertinggi BN.

Menerusi BN, semua anggota komponennya mempunyai tempat di mana-mana jua. Kalau tidak pun beroleh tempat di dalam pilihanraya, mereka akan diberi tempat di Dewan Negara, di Majlis-Majlis Tempatan dan sebagainya. Semua keluarga komponen BN mendapat layanan secukupnya. Mereka berhak menyuarakan sebarang perkara yang berkaitan dengan kepentingan kaum yang diwakilinya.

Parti yang kecil yakin suaranya akan didengar. Sebab itu Malaysia masih mengekalkan sistem gabungan BN. Gabungan ini tidak akan cemas kalau ada komponennya yang menarik diri dari BN. Gabungan ini, akan terus menjadi Kerajaan sebab banyak yang mahu masuk BN dan bukannya keluar.

Lantaran itulah maka Kerajaan BN mesti diberi mandat untuk terus melaksanakan segala rancangan

dan projeknya. Tempoh lima tahun tidak mencukupi untuk Kerajaan BN melaksanakan semua dasarnya. Sebab itu Kerajaan BN harus dipilih dan dipilih semula. Kerajaan BN di Malaysia tidak wajar dihadkan tempoh perkhidmatannya kepada rakyat jelata.

BN berhasrat akan terus memerintah Malaysia, bukan kerana ingin kedudukan, taraf, pangkat dan sebagainya. Tetapi, semata-mata demi manfaat warga-negaranya. Semua ahli BN mesti faham hakikat ini. Sebab itulah semua keluarga BN menandatangani suatu piagam yang merupakan suatu pengisyiharan supaya rakyat tahu bahawa BN mahu terus mengabdikan diri kepada negara, bangsa dan rakyat jelata.

Kewujudan Kerajaan BN hingga ke hari ini pun kerana sokongan serta mandat yang sentiasa diberikan oleh rakyat jelata. Mereka menyokong BN kerana gabungan siasah ini berkhidmat kepada rakyat. BN telah membuktikan kebolehannya membangunkan negara. BN insaf bahawa rusuhan kaum 1969 membuktikan bahawa konfrantasi antara satu sama lain akan hanya menghancurkan Kerajaan.

BN selalu menyebut tentang kegagahan ekonomi negara supayakekayaan ekonomi itu dapat diagihkan dengan cara yang lebih saksama - bukan dengan cara mengambil dari satu pihak untuk diberikan kepada satu pihak yang lain. Dalam sistem sosialis ataupun sistem komunis, orang yang kaya akan dirampas hartanya untuk diberikan pada golongan yang miskin. Sistem ini tidak wajar. Jika harta sikaya dirampas, maka hanya sekali sahajalah yang boleh dirampas. Lepas itu, yang miskin pun tidak tahu bagaimanakah hendak mengu-

ruskan kekayaan yang diberikan kepadanya. Akibatnya, semakin lama negara akan jadi semakin merosot.

Di Malaysia ini wujud dua-tiga kerat golongan sosialis. Golongan ini berpendapat kononnya tindakan merampas kekayaan orang yang berada dan diberikan kepada golongan yang miskin adalah suatu keadilan. Fahaman sosialis seperti ini sama macam tindakan Robinhood. Mereka lupa bahawa orang kaya yang di-rampas hartanya juga akan kelak menjadi orang yang miskin.

Sebab itulah kita wajar berbangga dengan apa yang kita nikmati sekarang. Hari ini rakyat Malaysia tidak perlu lagi bersusah payah menerangkan kepada orang luar tentang di manakah Malaysia. Rakyat Malaysia, di mana sahaja mereka berada, akan mengaku dengan bangganya bahawa mereka orang Malaysia. Hakikat ini dengan serta merta menukar pandangan orang asing terhadap negara ini dengan menghormati rakyat Malaysia di mana sahaja mereka berada. Sebab itulah orang asing, sama ada di Latin Amerika, Chile, Uzbekistan dan Kazakstan, kesemuanya ingin datang dan melihat sendiri pembangunan di Malaysia.

Kerajaan BN bertekad meneruskan usaha pembangunan ini supaya Malaysia menjadi lebih maju. Tekad dan komitmen ini menjadi lebih penting dengan adanya Wawasan 2020 yang menggariskan segala cabaran ke arah kecemerlangan negara dan bangsa Malaysia di Abad ke-21 kelak. Inilah tekad perjuangan BN kerana Wawasan 2020 adalah rancangan Kerajaan BN dan BN tahu bagaimana hendak menjayakannya. Sebab itulah seluruh ahli serta pemimpin BN mesti lebih

berdedikasi dan mempunyai perasaan kerendahan diri untuk mengabdikan diri kepada perjuangan membangunkan Malaysia. Sebab itulah piagam yang ditandatangani adalah penting kepada seluruh kepemimpinan BN. Piagam ini bukan untuk menarik sokongan dalam pilihanraya. Piagam ini adalah untuk mengingatkan semua pemimpin BN terhadap tanggungjawabnya kepada kaum, bangsa dan agama.

Hari ini Malaysia diiktiraf sebagai negara membangun paling utama di dunia. Tidak ada negara membangun lain yang menikmati pertumbuhan ekonomi lanjut peratus, selama tujuh tahun berturut-turut, dengan mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Ini adalah kejayaan luar biasa. Ia menyebabkan orang asing tertanya-tanya, bagaimanakah Kerajaan BN membangunkan negara ini tanpa kadar inflasi yang tinggi.

Keadaan ini tidak menjadikan Kerajaan BN takbur. Malahan BN sentiasa merendah diri dan sanggup bertukar-tukar pendapat dengan mereka yang mengakumi pencapaian luar biasa ini. Negara-negara berkenaan boleh tiru apa yang Kerajaan BN laksanakan kerana segala-galanya dilakukan oleh BN secara terbuka.

Bagaimanapun, janganlah kejayaan ini dianggap boleh berterusan selama-lamanya. Semua pihak wajar berhati-hati. Jika tidak, Malaysia jadi seperti Mexico. Jika tidak berhati-hati, negara ini mungkin berhadapan dengan banyak kerosakan, perpaduan kaum mungkin musnah dan rakyat negara ini mungkin jadi pengemis. Jika ini terjadi, penghormatan pihak asing kepada Malaysia dan rakyat Malaysia akan hilang. Negara Malaysia dan rakyat Malaysia akan dipandang hina.

Jadi, kalau pemimpin dan penyokong BN berhasrat menjaga maruah bangsa dan negara, janganlah lupakan isi kandungan Piagam BN yang mengandungi pengisytiharan parti ini kepada rakyat. Piagam ini juga merupakan ikrar BN untuk meneruskan cara-cara berjuang dalam politik Malaysia yang sekian lama membawa kejayaan demi kemajuan.

Janganlah Piagam BN dipandang ringan. Janganlah lupa untuk bekerja keras demi kejayaan BN. Ingatlah bahawa BN sahajalah yang boleh membangunkan Malaysia. Teruskanlah usaha gigih seperti hari ini semoga rakyat akan memberi BN tempoh 25 tahun lagi untuk melaksanakan semua rancangan dan program perjuangannya agar pada tahun 2020, Malaysia benar-benar menjadi negara yang maju. Pada ketika itulah negara Malaysia dan bangsa Malaysia akan berdiri sama tinggi dan sama rendah dengan semua bangsa lain di dunia. Mungkin ketika itu saya tidak ada lagi, tetapi perjuangan ini bukanlah perjuangan diri sendiri. Perjuangan ini adalah untuk negara Malaysia, bangsa Malaysia serta anak, cucu dan cicit warisan bersama. Oleh itu, tingkatkanlah kerjasama dan berjuanglah dengan penuh disiplin, dedikasi dan tanggungjawab kepada masyarakat.

Sekali lagi, insaallah bahawa daripada kerjasama yang bermula pada 1951, BN kini menjadi sebuah gabungan parti gergasi yang tidak ada tolok bandingnya di dunia. Negara lain berkunjung ke Malaysia untuk mempelajari sistem BN ini. Mereka kagum kerana walaupun Malaysia berbilang kaum dan berbilang budaya, Malaysia terus membangun di bawah kepemimpinan Kerajaan BN.

Inilah BN. Inilah berkat kebijaksanaan sistem gabungan dan muafakat siasah yang berlandaskan tolak ansur yang amat abadi di antara seluruh kaum di Malaysia.

*(Sedutan dari ucapan merasmikan Konvensyen BN, di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, pada 25 Mac 1995.)*

## **PEMBUNUH UMNO**

4 FEBRUARI 1988: Kematian UMNO adalah satu sejarah yang amat hitam kepada orang Melayu. Ia menimbulkan proses tuduh menuduh yang berpanjangan di kalangan penyokong dan pemimpin UMNO. Satu pihak menuduh, UMNO terkubur akibat permainan politik kumpulan "pengkhianat bangsa." Pihak yang satu lagi mendakwa, UMNO binasa akibat percaturan politik golongan yang "tamak kuasa."

Proses tuduh menuduh ini berpanjangan hingga ke hari ini. Ia aktif dijalankan oleh Semangat 46. Masalah kehancuran UMNO sentiasa dijadikan topik politik yang segar dan hangat. Ia mencetuskan gerakan-gerakan yang agresif, melulu dan mungkin juga semberono. Gerakan-gerakan tersebut menjelma dalam berbagai bentuk. Yang popular sekali ialah ceramah-ceramah politik secara sensasi.

Cetusan-cetusan dalam bentuk buku juga menjadi begitu ghairah dan ada kalanya liar lagi tidak bertang-

gungjawab. Menerusi buku-buku serta makalah, segala bentuk keghairahan dan keliaran proses tuduh-menuduh diabadikan secara hitam dan putih.

Maka wujudlah golongan orang Melayu yang teracun mindanya hingga ke hari ini. Golongan ini pun secara terang-terang bangkit melawan majoriti orang Melayu yang menyokong serta mendukung pemerintahan negara. Situasi keracunan minda ini menjadikan segolongan orang Melayu bertindak mengikut hati dan perasaan. Bukannya mengikut kematangan, ketenangan dan kebijaksanaan pemikiran serta keputusan.

Jadi, wajarlah dipastikan sama ada memang benar Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan orang yang bertanggungjawab membunuh UMNO sebagaimana yang didakwa Semangat 46. Jika bukan beliau, siapakah sebenarnya pembunuh UMNO?

Kamarazaman Yacob, (dulu aktif dalam Semangat 46 dan kini berada di dalam UMNO), dalam bukunya, Politik Malaysia - Rumusan, yang diterbitkan pada tahun 1988, berpendapat bahawa UMNO telah dibunuh oleh Dato Seri Dr. Mahathir.

Beliau menulis bahawa "benarlah UMNO telah mati. Benarlah Dr. Mahathir pembunuhnya. Malangnya nasib UMNO. Dia dibunuh oleh Presidennya." Dalam sebuah lagi bukunya, Mahathir Menuju Diktator?, Kamarazaman juga menulis bahawa "kematian ini dibuat oleh mahkamah atas tuntutan peguam bagi pihak UMNO yang dipimpin oleh Dato Seri Dr. Mahathir."

Sementara itu, Abdullah Khir pula merumuskan dalam bukunya, Siapa Bunuh UMNO, bahawa Tengku Raza-

leighlah satu-satunya pemimpin Melayu yang sebenarnya membunuh UMNO. Katanya, "sekarang UMNO sudah dibunuh oleh Tengku Razaleigh dan ahli-ahli UMNO dibahagi dua olehnya. Sepatutnya Tengku Razaleigh kesal akan akibat tindakannya. Tetapi jelas baginya ini adalah peluang untuk merebut kuasa. Dengan sengaja beliau berusaha untuk mengekalkan perpecahan yang dilakukan olehnya. Kononnya orang yang membunuh UMNO ini mahu menghidupkan UMNO yang asal dan menolak UMNO Baru."

Jadi, mana satu yang betul? Dato Seri Dr. Mahathir ataupun Tengku Razaleigh yang membunuh UMNO? Untuk itu, analisalah beberapa kenyataan yang ada hubung kaitnya dengan masalah ini.

Dalam satu sidang akhbar pada 15 Februari 1988, Tengku Razaleigh, antara lainnya dilaporkan sebagai berkata bahawa "adalah tidak masuk akal bahawa pucuk pimpinan tidak sedar tentang pelanggaran undang-undang yang serius yang mengakibatkan UMNO diisyiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang haram. Tidakkah ini menakjubkan hingga orang lain pula yang disalahkan?"

Di satu perjumpaan di Subang Jaya, Selangor, pada 11 Jun 1988, Tengku Razaleigh menegaskan bahawa "pihak-pihak yang sedang berkuasa tidak membuat sebarang usaha untuk menyelamatkan parti kita daripada dibunuh. Sebaliknya mereka sendiri melalui peguam yang mereka upah dengan sengaja telah mengemukakan hujah-hujah yang mahukan keseluruhan parti kita diisyiharkan tidak sah di sisi undang-undang."

Benarkah "pihak-pihak yang sedang berkuasa", iaitu UMNO, tidak pernah berusaha untuk menyelamatkan UMNO?

Sedarkan bahawa ahli-ahli Kumpulan 11 pernah diajak bermuzakarah dengan wakil Majlis Tertinggi UMNO supaya menarik balik usaha mengheret UMNO ke mahkamah?

Bagaimanapun, kenyataan di atas jelas mencerminkan yang Tengku Razaleigh tidak langsung muh ber tanggungjawab terhadap pembunuhan UMNO. Di Perhimpunan Agung partinya pada 12 Oktober 1989, Tengku Razaleigh berkata bahawa "tidak dapat dinafikan lagi, puncak kemungkarang politik yang mereka lakukan ialah membunuh parti yang kita cintai, iaitu UMNO, yang telah demikian banyak jasanya kepada bangsa Melayu dan Malaysia."

Kenyataan di atas juga menunjukkan bahawa Tengku Razaleigh memang tidak mengakui bahawa beliaulah di sebalik Kumpulan 11 yang membunuh UMNO. Sungguh ironis sekali kerana tuduhan di atas dilafazkan di hadapan musuh-musuh UMNO, termasuk PAS dan DAP.

Jadi, siapakah pembunuhan UMNO? Menurut Dato Seri Dr. Mahathir di Perhimpunan Agung UMNO 1988, "keputusan mahkamah yang menyatakan bahawa UMNO tidak sah adalah perkara yang terasing daripada UMNO. Ia bukan pilihan UMNO. Ia bukanlah hajat UMNO walaupun ia mungkin menjadi niat segelintir ahli-ahli UMNO yang mempunyai kepentingan peribadi."

Siapa agaknya yang tergolong sebagai "segelintir ahli-ahli UMNO yang mempunyai kepentingan peribadi" seperti yang ditegaskan oleh Dato Seri Dr. Mahathir? Bukanakah Tengku Razaleigh tergolong di dalam kalangan orang sedemikian?

Selanjutnya, Dato Seri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa UMNO sememangnya mempunyai cawangan yang tidak sah daripada segi undang-undang semenjak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946. Tetapi, kata beliau, keadaan tersebut tidak menimbulkan masalah kerana ahli-ahli UMNO setia kepada parti dan perjuangannya. Mereka tidak bertindak di luar UMNO kerana ini akan memburukkan UMNO.

Beliau juga berkata bahawa "pembatalan pendafataran UMNO bukanlah kerana wujudnya cawangan-cawangan yang tidak berdaftar, tetapi kerana ianya dibawa ke mahkamah." Bukanakah Kumpulan 11 yang terdiri dari orang-orang Tengku Razaleigh yang mengheret UMNO ke mahkamah? Hakikat ini adalah satu bukti yang hidup.

Jika hakikat di atas bukan satu bukti yang hidup, tidak mungkin Dato Seri Dr. Mahathir berkata bahawa "bukan ada atau tidaknya cawangan yang tidak berdaftar yang menjadikan UMNO tidak sah, tetapi ada atau tidaknya orang-orang yang tidak sayangkan UMNO dan sanggup membawa UMNO ke mahkamahlah menyebabkan kematian UMNO.

Maka terbuktilah dari rangkaian kenyataan di atas bahawa memang UMNO tidak mati kalau tidak diheret ke mahkamah oleh orang-orang Tengku Razaleigh. Dengan itu, Tengku Razaleighlah yang bertanggungjawab membunuh UMNO. Sebab itulah Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa kumpulan yang mengheret UMNO ke mahkamah itu sebagai pihak "yang membelakangkan parti kerana keutamaan dan kepentingan politik diri dan peribadi." Perkiraan bahawa UMNO mungkin jadi haram dan Melayu akan porak-peranda jika UMNO diheret ke mahkamah tidak langsung dihiraukan.

Kesimpulannya, benarkah UMNO sudah mati dan pembunuohnya adalah Dato Seri Dr. Mahathir seperti yang didakwa oleh pihak Semangat 46, ataupun tidakkah kematian UMNO adalah angkara Tengku Razaleigh dan konco-konconya? Persoalan-persoalan ini akan terjawab sendiri jika seluruh orang Melayu sanggup berfikiran tenang, rasional dan bijaksana.

## **PERHIMPUNAN MELAYU**

KEKALAHAN merangkul jawatan tertinggi UMNO dalam tahun 1987 dan kematian parti tersebut pada tahun 1988 seolah-olah memberi nafas baru kepada gerakan siasah Tengku Razaleigh Hamzah. Kedua-dua peristiwa itu kelihatannya dijadikan senjatanya untuk menyerang Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan UMNO. Sebagaimana yang telah dihuraikan dalam bab pertama, Tengku Razaleigh mendapat sokongan segolongan orang Melayu kerana kononnya beliau mahu menghidupkan semula UMNO asal.

Dengan kuasa Tuhan, negeri pertama yang dilanda Semangat 46 ciptaan Tengku Razaleigh Hamzah ialah Johor. Gerakan tersebut telah menghuru-harakan politik BN dan UMNO Johor menerusi tiga pilihanraya kecil - Parlimen Johor Bahru pada 25 Ogos 1988, DUN Parit Raja pada 20 Oktober 1988 dan DUN Tambatan pada 5 Ogos 1989. BN memenangi dua dari pertarungan yang amat hebat dalam sejarah siasah tanahair itu. Semangat 46, lebih tepat lagi Bebas 46, hanya memenangi kerusi Parlimen Johor Bahru.

Akibat kedua-dua pilihanraya kecil yang diadakan pada 1988, politik Melayu Johor dan politik Melayu di seluruh negara jadi semakin tenat, seolah-olah kehilangan maruah dan kelihatannya macam menuju kehancuran yang amat dahsyat. Segala-galanya akibat Semangat 46 rekaan Tengku Razaleigh.

Sebab itulah, selepas kedua-dua pilihanraya kecil berkenaan, pemimpin UMNO Johor pun berikhtiar mengatasi kegawatan politik tersebut. Ini dilakukan menerusi proses muzakarah sesama Melayu Johor yang mewakili pertubuhan siasah dan sukarela dari seluruh negeri.

Maka, pada 18 Disember 1988, sebilangan besar keluarga perjuangan politik Melayu Johor dari seluruh pelosok tanahair pun berkampung di Kompleks Islam Johor Bahru. Pangkat dan darjat diketepikan. Prasangka dan sengketa dilontarkan. Mereka pulang dengan satu cita-cita murni, untuk memerangi persengketaan dan konfrantasi.

Mereka mewakili ulamak, cendekiawan, ahli ekonomi, sasterawan, wartawan, tokoh Pasukan Keselamatan, usahawan, profesional, tokoh perkhidmatan awam, pendidik, penghulu, ketua kampung, imam, petani, penarik beca, nelayan, penjaja kecil dan lain-lainnya. Mereka menghadiri Perhimpunan Melayu Johor (PMJ) dengan matlamat "mengelepsikan kepentingan peribadi dan kepentingan mana-mana golongan bagi memadukan hasrat ke arah perjuangan memelihara dan mempertingkat martabat serta kesejahteraan bersama."

Perhimpunan tersebut diadakan di saat-saat kegawatan politik Melayu atas keinsafan bahawa "bibit-bibit keretakan dalam kebulatan tekad dan perpaduan tenaga

orang Melayu kelihatan telah menular ke tahap yang melemahkan orang Melayu seluruhnya."

Begitulah sejarah PMJ - satu perhimpunan mencari serapah mentera untuk mententeramkan haru-biru, ribut taufan dan badai gelora yang menggugat keharmonian iklim politik Melayu hampir setahun sebelumnya, dan satu perhimpunan mengungkapkan doa restu untuk mentalqini seluruh calar-balar, parut luka dan rasa sengketa sesama Melayu sewaktu bumi Johor dan bumi Malaysia dilanda Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh.

Perhimpunan tersebut mencetuskan keinsafan terhadap nasib UMNO yang telah mati dan UMNO yang baru dipulihkan pada pertengahan Februari 1988. Di jiwa pesertanya terpahat kesedaran bahawa "proses pemulihan dalam kegiatan manusia tidak dapat dilakukan dengan serta-merta, tetapi memerlukan masa, sama ada singkat atau lama berdasarkan kepada masalah peralihan itu sendiri."

Oleh kerana itu, seluruh peserta dan pemerhati PMJ pun sebulat suara bersetuju bahawa "kebijaksanaan dan kesungguhan mengambil langkah dan tindakan amat perlu, supaya semua usaha yang baik sama ada yang di Selatan mahupun di Utara hendaknya diterima dengan keikhlasan dan pengiktirafan yang membina."

Perhimpunan itu mengambil enam resolusi ke arah perpaduan dan perdamaian Melayu yang sebelum itu dilanda keghairahan Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh. Di akhir perhimpunan itu, masing-masing berpeluk-pelukan. Sesetengahnya melinangkan airmata gembira. Jeritan kata-kata "Hidup Melayu" menggema. Dan, luka di Johor Bahru pun ditemui ubatnya, parut di Parit Raja pun hilang kesan-

nya, kiambang dijangka kembali bertaut, air terus mengalir tanpa putus-putus.

Dari perhimpunan berkenaan, orang Melayu sedar bahawa UMNO yang wujud hari ini, lama barunya bukan lagi isu. Mereka sekata bahawa UMNO yang wujud sekarang adalah "kesinambungan siasah Melayu yang sah dan yang diterima oleh masyarakat Melayu". Mereka senada untuk mengiktiraf bahawa perpaduan Melayu hanya dapat diwujudkan menerusi UMNO.

Sebenarnya, PMJ telah didahului oleh beberapa run-dingan sulit di antara kepemimpinan UMNO Johor dengan golongan bebas Semangat 46 di Johor. Ketika itu DUN Parit Raja sedang dilanda "ikan". Ada taufan "makyong", ada taufan "barongan" dan ada taufan "naga". Suhu dan iklim politik amat tinggi dan membahang. Saudara-mara berpecah hala. Sahabat-handai berbeza cerita. Anak-beranak beraneka karenah. Suami isteri berlainan langkah. Mereka riuh-rendah dan hinggar-binggar dengan perang mulut. Mereka kelam-kabut dan haru-biru dengan perang poster.

Kejayaan BN di Parit Raja menebus martabat perjuangan UMNO yang "terkunci" kaku di Johor Bahru menjadikan usaha-usaha PMJ semakin giat dan rancak. Tokoh-tokoh politik Melayu Johor bertambah konfiden bahawa perpaduan yang terpahat di jiwa masing-masing mesti dijeremahkan kepada gerak muafakat yang sewajarnya.

Begitulah rentetan detik dan peristiwa yang menunjangi hari keramat 18 Disember 1988. Maka, luka pun terubat dan parut tiada lagi kesannya. Kiambang turut bertaut dan air mengalir tiada putusnya. Melayu Johor berikrar bahawa UMNO tetap UMNO.

Semua detik peristiwa ini tidak akan terjadi jika Tengku Razaleigh menerima kekalahannya pada tahun 1987 secara gentleman.

Segala-galanya dilaksanakan untuk memerangi Tengku Razaleigh yang galak mahu mengharu-birukan politik Melayu di seluruh tanahair.

Maka, tidak hairanlah bila PMJ telah menerima reaksi positif dari berbagai pihak. Terdapat kumpulan yang menyifatkannya sebagai bayangan perpaduan yang sangat dirindui. Allahyarham Tun Hussein Onn, dengan bangganya menyifatkan perhimpunan itu sebagai " suatu usaha tulen menyatupadukan orang Melayu."

Dua hari setelah perhimpunan tersebut, Tun Hussein telah menawarkan diri untuk menjadi orang tengah memulihkan perpaduan Melayu di seluruh negara menerusi usaha membawa Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh untuk bersemuka dengan seberapa segera.

Begitulah rantai-kesan PMJ. Walaupun skop penganjurannya cuma khusus untuk Johor, implikasinya terus merebak luas ke seluruh negara. Segala-galanya dilakukan untuk mengelakkan Tengku Razaleigh dari terus memporak-perandakan politik Melayu di seluruh negara.

Utusan Malaysia berkata, PMJ adalah "sumbangan positif" dalam usaha mengembalikan perpaduan Melayu dalam UMNO. Ia berharap agar "semangat perpaduan Melayu dalam UMNO yang disemai di Johor hendaklah terus dinyalakan di negeri-negeri lain di mana perpaduan Melayu dalam UMNO menghadapi masalah terutamanya di Kelantan, Perak dan Negeri Sembilan."

Berita Harian berkata: "Sesungguhnya PMJ bolehlah dianggap sebagai langkah bijak ke arah membalut luka perpecahan dalam perpaduan Melayu. Ini kerana usaha itu mendapat sokongan pelbagai pihak yang bertikai. Kita memandang natijah perhimpunan itu sebagai suatu usaha sungguh-sungguh menghimpun tenaga Melayu untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar dan untuk menjadikan Melayu bangsa bermaruah dan bermartabat tinggi."

Riak kesan PMJ tidak berakhir di situ sahaja. Beberapa pemerhati politik menyorotnya menerusi Watan. Mereka tidak mempertikaikan faedah dan kebaikannya. Mereka berpendapat, memang wajar perhimpunan tersebut dianjurkan di Johor - bukan atas semangat kedaerahan ataupun kenegerian, tetapi kerana Johorlah satu-satunya negeri yang paling teruk dilanda gelora Semangat 46 berikut Pilihanraya Kecil Parlimen Johor Bahru dan DUN Parti Raja.

Watan optimis terhadap PMJ yang disifatkannya sebagai "bayangan perpaduan Melayu" seluruhnya. Perhimpunan tersebut "benar-benar berjaya mendukung matlamatnya untuk menyatupadukan semula masyarakat Melayu.

Watan juga berpendapat, adalah jelas bahawa keinginan umat Melayu untuk bersatu semula dan melupakan persengketaan yang lalu telah mula bercambah. Dan, "di tengah arus keinginan untuk berpadu dan menyelesaikan masalah seperti yang terbayang sekarang, barang siapa yang terus ingin menentangnya akan menjadi golongan terpencil."

Semangat 46 enggan mendengar nasihat Watan bahawa "barang siapa yang terus menentang (perpaduan) akan menjadi golongan terpencil." Sebaliknya Semangat 46

pun mempolitikkan PMJ untuk mendapatkan publisiti murahan. Contohnya, Watan 22 Disember 1988 memberi prominen kepada reaksi seorang tokoh yang mendakwa kononnya PMJ adalah "wadah" untuk melumpuhkan Tengku Razaleigh dan seluruh kumpulannya.

Secara tersiratnya, kenyataan tersebut lebih men-cerminkan sikap cemburu dan sikap cemas. Semangat 46 jelas menafikan bahawa UMNO sahajalah wadah politik Melayu yang mampu menjamin kesejahteraan seluruh warganegara berbilang bangsa di tanahair ini.

Mungkin ekoran kenyataan di ataslah maka seorang pembaca yang menggelarkan dirinya sebagai "Anak Bangsar, KL" telah menulis kepada Mingguan Kota 8 Januari 1989, untuk melahirkan kehairanannya mengapakah sege-lintir tokoh Semangat 46 Johor enggan menerima PMJ.

"Anak Bangsar" menyimpulkan warkahnya dengan satu pengamatan bahawa dari apa yang diperhatikannya "nyata sekali bukanlah hasrat pemimpin Semangat 46 un-tuk melihat UMNO asal dipulihkan. Tetapi, kalangan me-reka ingin melihat Dato Seri Dr. Mahathir turun dari jawa-tan Perdana Menteri dan sekaligus melepaskan jawa-tan Presiden UMNO. Orang Melayu harus sedar. Peranan yang dimainkan oleh Tengku Razaleigh bukanlah lagi ke-rana UMNO. Yang jelas, beliau telah berjuang dan akan terus berjuang untuk kepentingan politik peribadi dan kepuakan."

Cetusan rasa "Anak Bangsar" seperti di atas adalah manifestasi bahawa PMJ dan resolusinya memang mene-rokai kesedaran ramai orang Melayu di negara ini. Lebih jauh dari itu, PMJ juga telah merangsang kesedaran serta ke-

insafan tentang pentingnya perpaduan dan tentang sempitnya rasional perjuangan Semangat 46.

Alhamdulillah! Berikutan PMJ, beribu-ribu penyokong Semangat 46 di Johor dan di seluruh negara kembali ke pangkuhan UMNO. Mereka termasuklah tokoh-tokoh besar dan kecil. Mereka hilang kepercayaan kepada Semangat 46. Mereka kembali kepada UMNO dan mengucapkan selamat tinggal kepada Semangat 46 ciptaan Tengku Razaleigh.

## **UMNO BUKAN 46**

SETELAH UMNO mati dan hidup semula, Tengku Razaleigh kelihatan semakin giat menyusun gerakan anti Mahathirnya. Gerakan tersebut dihalalkan oleh satu perjuangan yang kononnya bermatlamat menghidupkan semula UMNO asal. Sebab itulah Semangat 46 sentiasa mendakwa bahawa perjuangannya sama dengan UMNO dan berjuang untuk menghidupkan semula UMNO asal. Dakwaan sedemikian cuma satu propaganda. UMNO tidak kembar dan UMNO tidak mempunyai galang gantinya. UMNO tetap UMNO. Penubuhannya dalam tahun 1946 adalah mercu kebulatan tekad perjuangan Melayu pra merdeka. Pendeknya, kelahiran UMNO adalah lambang kejituan tekad perjuangan seluruh umat Melayu yang dahagakan pembelaan dan keadilan di zaman kolonial.

**Dalam keadaan masyarakat Melayu berada di ambang kehilangan martabat dan terputus akar keperibadian bangsanya turun temurun, Datuk Onn tampil ke hadapan menerokai usaha raksasa menyatupadu-**

kan umat Melayu dalam satu panji-panji politik yang gagah yang dikenali dengan nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Ini menjadi lambang manifestasi kebulatan tekad seluruh perjuangan Melayu sepanjang zaman" - (Perhimpunan Melayu Johor, 18 Disember 1988).

Rumusan di atas jelas membuktikan bahawa UMNO itu lahir setelah Melayu bersatupadu, setelah Melayu benar-benar mahukan satu rupa bangsa yang kuat dan satu negara yang selamat. UMNO lahir sebagai pembela kepada martabat Melayu yang hampir dihapuskan oleh penjajah.

Sejarah kelahiran Semangat 46 tidak sama dengan sejarah kelahiran UMNO. Parti tersebut muncul dalam keadaan orang Melayu bermaruah dan bermartabat. Ia lahir untuk menggugat UMNO dan orang Melayu. Biarpun tindakan ini demokratik, apalah gunanya amalan sedemokratik itu jika hanya untuk mencipta perbalahan dan persengketaan?

Menurut pengasas dan Presiden UMNO yang pertama, Allahyarham Datuk Onn Jaafar, sewaktu Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 Mac 1946, "UMNO ditubuhkan kerana hendak meninggikan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita, kita berkehendak supaya tanahair dan bangsa kita ini terselamat dan kuat. Kedua-duanya itu hanyalah boleh kuat jika kita bersatupadu."

Dalam ertikata yang lain, UMNO lahir setelah bangsa Melayu mampu menilai erti dan hikmah perpaduan - bersatu teguh, bercerai roboh - dan juga kerana Melayu mahukan kesejahteraan dan ketenteraman sesuai dengan bangsa

yang mempunyai tradisi dan tamadun yang lengkap berakar umbi di bumi ini.

Prinsip perpaduan serta hidup berbudaya yang disaingi oleh semangat cintakan bangsa dan tanahair, semangat cintakan kesejahteraan dan kedamaian serta semangat cintakan kedaulatan dan keunggulan bangsa Melayu inilah yang dikatakan sebagai Semangat 46 yang tulen - satu semangat keramat yang penuh hikmah dan satu semangat yang mendorong kelahiran UMNO.

Oleh itu, kalaularah Perlembagaan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor - satu-satunya persatuan Melayu yang aktif di zaman pra penubuhan UMNO dan satu-satunya persatuan yang komited dengan penubuhan UMNO - boleh dijadikan rujukan, maka Semangat 46 yang tulen adalah seperti berikut:

**Perasaan dan semangat bersatupadu.**

**Perasaan dan semangat kasihkan serta gemarkan bangsa, tanahair dan pergerakan.**

**Perasaan dan semangat bersetia kepada bangsa, pemerintah, negeri serta pergerakan.**

**Perasaan dan semangat bekerjasama dan berkhidmat.**

Jadi, intisari kepada Semangat 46 tulen yang melandasi perjuangan melahirkan UMNO adalah semangat bersatupadu, cintakan negara dan bangsa, cintakan pertubuhan yang dianggotai seperti UMNO, semangat bersetia kepada bangsa, pemerintah dan organisasi serta semangat bekerjasama dan sedia berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Berdasarkan semangat yang tulen inilah maka UMNO bercogankatakan Bersatu-Bersetia-Berkhidmat. Cogankata ini termaktub dalam Perlembagaan UMNO yang mati dari segi undang-undang dan juga termaktub dalam Perlembagaan UMNO yang dipulihkan semula menurut kehendak undang-undang.

Justeru itu, jelaslah bahawa semangat 46 yang tulen, semangat yang melahirkan UMNO, bukannya satu semangat yang mananamkan bibit-bibit kebencian kepada bangsa, apatah lagi memupuk sikap berkonfrantasi di antara Melayu sesama Melayu.

Mereka yang berpegang teguh kepada semangat 46 tulen adalah orang berjiwa nasionalis. Golongan seperti ini tidak akan tergamak memfitnah kaum sebangsanya, tidak akan tergamak merosakkan organisasi yang dianggotainya, dan jauh sekali dari melancarkan tindak-tanduk yang boleh menggugat ketenteraman serta kesejahteraan bangsa, agama serta tanahair.

Ciri-ciri kepentingan diri tidak langsung mempunyai ruang dalam perjuangan semangat 46 yang tulen, setulennya. Kekecewaan peribadi juga tidak langsung tergaris sebagai sesuatu yang harus disalurkan sebagai perjuangan parti UMNO yang berfalsafahkan semangat 46 tulen.

Oleh kerana tiadanya ruang-ruang peribadi dalam perjuangan UMNO, maka parti tersebut pun menjelma sebagai wadah perjuangan yang mewakili satu masyarakat yang lengkap, masyarakat ibu ataupun masyarakat induk. Dan, masyarakat ini adalah masyarakat Melayu yang menjadi teras masyarakat Malaysia moden.

Sebab itulah Semangat 46 tidak menawan minat majoriti orang Melayu. Sebab itulah parti tersebut gagal dalam Pilihanraya Umum 1990. Sebab itulah Semangat 46 hanya melakukan propaganda kosong bila ia mendakwa bahawa perjuangannya sama dengan perjuangan UMNO. Sebab itulah juga maka Semangat 46 menjadi sebuah pertubuhan siasah yang sia-sia.

Berdasarkan fakta-fakta ini, apakah sebaik-baik pilihan yang ada untuk Semangat 46 hari ini jika tidak kembali ke pangkuan UMNO. Maksudnya, Semangat 46 hendaklah kembali kepada realiti. Jangan terus-menerus berada di awang-awangan. Berpijaklah kepada kenyataan.

Tengku Razaleigh Hamzah hendaklah ikhlas kepada dirinya dan berani mengatakan kepada seluruh umat Melayu bahawa beliau telah tersilap menyusun langkah perjuangannya. Beliau wajar menerima hakikat bahawa apa gunanya Semangat 46 terus diberi semangat yang songsang ataupun menjawai perjuangan yang tempang.

Tengku Razaleigh juga mesti insaf bahawa pada Oktober 1989 beliau pernah dilaporkan oleh Watan sebagai berkata bahawa "perjuangan yang berdasarkan perasaan kecewa, dendam dan hawa nafsu semata-mata tidak mungkin dapat bertahan lama kerana mustahil rakyat tidak menyedarinya."

Keinsafan perlu mengetuk pintu kalbu Tengku Razaleigh sekarang. Beliau mungkin ikhlas dengan hasrat mahu mewujudkan semula UMNO asal. Tetapi, kenapakah kini ramai tokoh Semangat 46 yang telah kembali ke pangkuan UMNO asal? Adakah mereka meninggalkan Semangat 46 kerana mereka sedar bahawa perjuangan parti tersebut

"berdasarkan perasaan kecewa, dendam dan hawa nafsu semata-mata"? Tidak mungkinkah tokoh-tokoh Semangat 46 telah kembali ke pangkuhan UMNO kerana mereka menyedari hakikat bahawa Semangat 46 "tidak mungkin bertahan lama" kerana terbukti perjuangannya berdasarkan "perasaan kecewa, dendam dan hawa nafsu semata-mata"?

Insaflah. Seluruh optimisme Semangat 46 yang bercita-cita "bukan sekadar untuk menjadi pembangkang, tetapi untuk mengambil alih teraju pemerintahan negara ini kelak" seperti yang dilaung-laungkan menjelang Pilihanraya Umum 1990, kini terbukti hanya impian Mat Jenin belaka.

Memang Tengku Razaleigh pernah berkata pada 12 Oktober 1989 bahawa "bila tiba masanya nanti dan dengan izin Allah kita berkuasa, maka melalui proses demokrasi dan mengikut saluran halal dan sah, Semangat 46 akan menjelma menjadi UMNO asal, tulen dan sejati." Lupakanlah bahawa kata-kata itu pernah dilafazkan. Ia tidak membawa sebarang erti sekarang. Cita-cita tersebut kini ternyata tidak menjadi hakikat dan realiti.

Sedarlah, Tengku Razaleigh bukannya Mat Jenin dan umat Melayu bukannya Pak Kadok yang sanggup menang sorak dan akhirnya kampung halaman mereka habis tergadai. Renungkanlah kembali pertanyaan Dewan Masyarakat, Oktober 1988, "apakah orang Melayu memerlukan sebuah lagi parti pembangkang Melayu selain dari pada PAS?"

## **BARISAN SERPIHAN**

JALINAN kerjasama antara Semangat 46, sebagai gerakan bebas dan kemudiannya sebagai sebuah parti politik, dengan lain-lain parti pembangkang Malaysia jadi lebih erat dan intim menerusi beberapa siri pilihanraya kecil di Johor, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kedah dari tahun 1988 hingga menjelang Pilihanraya Umum 1990.

Mula-mula mereka bermuafakat secara longgar tanpa sebarang ikatan perjanjian rasmi. Lama kelamaan, Semangat 46 jadi semakin ghairah, lebih-lebih lagi bila gerakan mereka menang di Johor Bahru dan Teluk Pasu, Terengganu. Kejayaan-kejayaan itu kecil berbanding dengan yang diperolehi oleh BN. Tetapi, oleh kerana minat sebenar Semangat 46 adalah untuk menyingsirkan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, kemenangan kecil itu dijadikan asas untuk mengelirukan segolongan rakyat Malaysia kononnya pihak pembangkang boleh menumpaskan BN dalam Pilihanraya Umum 1990. Sebab itulah Semangat 46 berhempas pulas mewujudkan kerjasama dengan PAS

menerusi Angkatan bekerjasama dengan DAP serta lain-lain parti bukan Melayu menerusi Gagasan.

Bagaimanapun terbukti Gagasan dan Angkatan gagal menumpaskan BN dalam Pilihanraya Umum 1990. Ini kerana komponennya adalah parti-parti pembangkang yang tidak pernah membabitkan diri dalam perjuangan merdekaan tanahair, apatah lagi dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan. Majoriti keluarga pembangkang ini terdiri dari parti serpihan yang induknya adalah komponen BN.

Contoh paling klasik dan terbaru sekali ialah Semangat 46. Ia lahir akibat rentetan kekecewaan setelah Tengku Razaleigh Hamzah gagal merebut kerusi Presiden UMNO dari Dato Seri Dr. Mahathir dalam Perhimpunan Agung tahun 1987.

PAS yang menjadi sahabat utama Semangat 46 di dalam Angkatan merupakan parti serpihan dari UMNO. Pengasasnya meninggalkan UMNO dalam tahun 1953 oleh kerana kekecewaan merangkul jawatan parti. PAS juga ditubuhkan kerana kononnya UMNO tidak serius dalam memperjuangkan Islam dalam tahun-tahun 50-an.

DAP, sahabat terkanan Semangat 46 dalam Gagasan, merupakan serpihan kepada PAP yang kini memerintah Singapura. DAP wujud kerana PAP tidak boleh lagi bergerak di negara ini setelah Singapura dipisahkan dari Malaysia dalam tahun 1965. (*Parti ini telahpun secara rasmi keluar dari Gagasan Rakyat pada 25 Januari 1995*)

PBS wujud sebagai mercu kekecewaan Datuk Joseph Pairin Kitingan serta sahabat-sahabatnya terhadap Datuk Harris Salleh dan BERJAYA dalam tahun 1985 (*Parti*

*(ini juga telah keluar dari Gagasan selepas Pilihanraya Umum 1990. Kini PBS hanya merupakan sebuah parti pembangkang di DUN Sabah)*

PERMAS yang berkerjasama dengan Gagasan tetapi tidak menyertai pakatan tersebut selepas Pilihanraya Umum 1990, muncul sebagai manifestasi kepada siri persengketaan politik di Sarawak.

Parti ini merupakan serpihan kepada PBB yang lahir pada Mac 1987. Ia dijadikan "saluran menjatuhkan kepimpinan Tan Sri Abdul Taib Mahmud selaku Ketua Menteri Sarawak."

PERMAS yang diasaskan oleh bekas Ketua Menteri Sarawak, Tun Abdul Rahman Yaakub, telah pada awal 1995 diminta oleh pihak Pendaftar Pertubuhan untuk "memberi sebab kenapa pertubuhan tersebut tidak boleh dibubarkan" kerana gagal mengemukakan laporan tahunannya kepada pihak berkuasa seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

IPF ataupun Barisan India SeMalaysia telah ditubuhkan berikutan peristiwa "perang keranda", tuduh-menuduh serta perbalahan di antara G. Pandithan dengan Datuk Seri S. Samy Vellu selaku Presiden MIC. Pada awal 1990 parti ini keluar dari Gagasan.

Pada 19 Mac 1995, IPF telah mengadakan satu rapat raksasa menyokong perjuangan BN. Ini bermakna parti tersebut telah membuat undi tidak percaya kepada Gagasan yang pernah dianggotainya.

BERJASA telah dicipta oleh Tengku Razaleigh dari "rusuk kanan" PAS sewaktu Kelantan diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Gerakan Negara atau Mageran dalam

tahun 1978. Parti ini dijadikan senjata utama memusnahkan PAS dalam Pilihanraya Negeri Kelantan dalam tahun yang sama.

HAMIM pula muncul setelah kepimpinan Allahyarham Tan Sri Mohamad Asri Muda sebagai Presiden PAS dipertikai serta diperkecil-kecilkan oleh segolongan dalam PAS sendiri pada tahun-tahun 80-an. Bagaimanapun Tan Sri Mohamad Asri telah meninggal dunia sebagai seorang ahli UMNO.

PRM, (dulunya Parti Sosialis Rakyat Malaysia), mempunyai sejarah susur-galurnya yang tidak konsisten sejak tahun 1955. Ia adalah serpihan kepada Kesatuan Melayu SeMalaya. PRM pernah menganggotai satu barisan penentang UMNO yang dikenali sebagai Front Sosialis dalam tahun 1957.

Hanya Parti Solidariti Malaysia yang agak samar-samar sejarahnya. Bagaimanapun, kemungkinan besar parti ini adalah serpihan kepada salah satu pembangkang yang lahir sesudah zaman merdeka.

Bagaimanapun, landasan bersama kepada majoriti keluarga Gagasan dan Angkatan ini ialah, mereka lahir se-sudah negara merdeka dan sesudah Perlembagaan Persekutuan digubal serta dikuatkuasakan.

Maka, tanpa sebarang prasangka, Gagasan dan Angkatan adalah "Barisan Serpihan" yang cita-cita besarnya hanya untuk menumbangkan BN dan sekaligus memerintah Malaysia.

Latar belakang kewujudan kedua-dua pakatan di atas amat berbeza sekali dengan latar belakang kelahiran BN. Matlamatnya juga tidak serupa dengan matlamat BN yang murni.

Latar belakang kepada kelahiran BN ialah peristiwa 13 Mei 1969. BN lahir dengan matlamat mewujudkan satu konsensus politik negara yang luas untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan segala rancangan pembangunan negara.

Lebih penting lagi, BN lahir dengan cita-cita menjadikan dirinya sebagai teras kepada kewujudan satu bangsa Malaysia yang gagah, perkasa, cemerlang lagi bersatu padu.

Menurut Majalah Backbench Ogos 1994, "penubuhan BN pada 1 Jun 1974 adalah satu percaturan politik yang bijak. Usaha ini telah menghasilkan politik negara yang mantap dan mampan. Ia juga menjadi pemangkin kepada perjuangan memakmur, mensejahtera dan mencemerlangkan Malaysia serta warganegaranya."

Majalah Backbench juga berpendapat bahawa "tanpa BN tidak mungkin Malaysia berada di tahap kecemerlangan yang dinikmatinya hari ini. Tanpa BN, Malaysia mungkin huru-hara dan pemerintahan demokrasi berparlimen juga sudah menjadi satu sejarah silam."

Sementara itu, Dato Seri Dr. Mahathir dalam buku cenderamata sempena 20 Tahun BN, menegaskan:

**Penubuhan BN selepas rusuhan kaum 1969 mencerminkan kesedaran rakyat Malaysia. Sejak tarikh itu sifat toleransi semakin berkembang di kalangan rakyat Malaysia. BN menjadi simbol semangat dan kematangan rakyat. Kemenangan BN setiap kali pilihanraya diadakan membuktikan bahawa rakyat menerima konsep kerjasama dalam BN.**

Sebaliknya, latar belakang kepada kelahiran Gagasan dan Angkatan adalah siri kekecewaan demi kekecewaan di kalangan pemimpinnya yang terlalu ghairah untuk menewaskan BN dalam Pilihanraya Umum 1990.

Matlamat utama Barisan Serpihan ini ialah untuk menumbangkan BN dan Kerajaan yang difitnahkannya sebagai tidak demokratik, tidak adil dan tidak saksama, biarpun BN memaktubkan dalam perlembagaannya bahawa sebahagian dari tujuannya ialah berusaha mewujudkan satu masyarakat adil dan saksama!

Kalaularah Gagasan dan Angkatan mendakwa akan memperjuangkan demokrasi, menghapuskan kemungkarana serta menegakkan kebenaran, perkara-perkara ini bukanlah matlamat yang sebenar-benarnya.

Apa yang dikatakan sebagai matlamat cuma merupakan gara-gara dan cara-cara yang digunakan bagi menghalalkan cita-cita Gagasan dan Angkatan untuk bertakhta dan berkuasa tanpa sebarang perancangan teliti tentang kesejahteraan rakyat jelata.

Jadi, kalau Tengku Razaleigh mendakwa bahawa Gagasan itu hampir serupa dengan BN, hakikat ini serupalah juga dengan Semangat 46 yang mendakwa dirinya sama dengan UMNO.

Keserupaannya mungkin hanya pada bentuk perlembagaan sahaja. Bukan dari segi semangat tulen yang mahu memelihara kemerdekaan, kesejahteraan dan perpaduan dalam ertikata yang luas.

Penelitian terhadap kelahiran Gagasan dan Angkatan ini pasti akan membuktikan perbezaannya dengan BN. Gagasan tidak lahir atas kepentingan rakyat yang mahu memelihara kestabilan politik negara.

BN yang diilhamkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada awal tahun 70-an adalah lanjutan kepada satu entiti politik yang unggul, kuat lagi disegani, iaitu Perikatan - gabungan antara UMNO, MCA dan MIC.

Perikatan lahir di atas himpunan kesedaran rakyat Melayu, Cina dan India terhadap peri mustahaknya negara ini dibebaskan dari belenggu penjajah.

Perikatan melibatkan diri secara langsung dalam perjuangan memerdekakan tanahair. Perikatan juga bertanggungjawab secara total dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan yang penuh dengan proses "tawar-menawar", tolak-ansur, musyawarah, konsensus serta konsesi yang berlandaskan kepada hakikat sejarah, tuntutan serta sensitiviti ketiga-tiga kaum terbesar di negara ini, ketika itu.

Oleh itu, BN adalah satu parti politik yang bertunjangkan Perikatan, parti politik yang menghayati pahit-maungnya perjuangan kemerdekaan dan parti politik yang menginsafi segala sensitiviti, semangat dan inspirasi Perlembagaan Persekutuan.

Keunggulan komponen Perikatan dalam BN merupakan satu faktor terpenting sekali kerana ia menjamin kesinambungan semangat kemerdekaan dan semangat perlembagaan di dalam jiwa parti pemerintah demi keharmonian, perpaduan serta ketahanan nasional.

Semangat kemerdekaan dan semangat perlembagaan yang dihayati oleh Perikatan ini kemudiannya diterapkan ke dalam jiwa perjuangan parti-parti pasca merdeka yang menganggotai BN.

Penerapan inilah yang membolehkan BN kini sentiasa bergerak dan bertindak adil lagi saksama, selaras dengan aspirasi dan sensitiviti seluruh kaum di Malaysia. Lebih jauh dari itu, BN wujud setelah Kerajaan Perikatan berjaya menjalin kerjasama dengan keluarga barunya di peringkat negeri.

Contohnya, Perikatan Sarawak menubuhkan Kerajaan Campuran dengan SUPP di negeri itu pada 7 Julai 1970. Perikatan di Semenanjung mewujudkan Kerajaan Campuran dengan Gerakan di Pulau Pinang pada 13 Februari 1972. Kerajaan Campuran Perikatan-PPP ditubuhkan di Perak pada 1 Mei 1972. Akhir sekali, Kerajaan Campuran Perikatan-PAS muncul di Kelantan mulai 1 Januari 1973.

Kejayaan-kejayaan semangat kesetiakawanan Perikatan dengan SUPP di Sarawak, PPP di Perak, Gerakan di Pulau Pinang dan PAS di Kelantan inilah yang kemudiannya menjadi asas kelahiran BN pada 1 Jun 1974.

Ini membuktikan bahawa BN bukan lahir atas niat negatif. Ini juga membuktikan bahawa BN lahir sesudah tempoh percubaannya menerusi Kerajaan Campuran menghasilkan kejayaan sewajarnya.

Jadi, kalau latar belakang kelahiran BN seperti di atas diambil kira dalam konteks kelahiran Gagasan dan Angkatan, maka terbukti bahawa Gagasan dan Angkatan memang lahir dengan falsafah yang kurang murni serta matlamat yang tidak rasional.

Gagasan dan Angkatan lahir atas hasrat untuk "menawan" negara ini dari BN. Ia tidak lahir untuk memantapkan politik serta pemerintahan negara kerana kestabilan politik dan pemerintahan negara memang sudahpun wujud dan diwujudkan oleh BN.

Gagasan dan Angkatan lahir tanpa bukti rekod per-cubaan dan kejayaannya di mana-mana negeri. Kalaupun kerjasama Semangat 46 dengan PAS di Kelantan boleh diambil kira, persahabatan ini juga kelihatan rapuh, gonyeh dan mudah gagal.

Gagasan dan Angkatan bukan lahir dengan cita-cita besar untuk menjadi waris dan penjamin kepada ke-berkesanan pelaksanaan segala dasar yang membela kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat serta negara. Ga-gasan dan Angkatan lahir sebagai lanjutan kepada nafsu untuk berkuasa dan bertakhta.

Sejarah kebangkitan Gagasan dan Angkatan seperti di atas bolehlah dijadikan cermin dan bahan pengukur ke-pada hayat serta tempoh keberkesanan perjuangannya, jika ia diberi mandat untuk memerintah negara ini kelak.

Latar belakang ini juga bolehlah dijadikan ramalan kepada kekuatan, kematangan, kemantapan, kemuafakatan dan hidup-matinya Gagasan dan Angkatan di hari-hari mu-ka. Mahukah rakyat jelata Malaysia menyandarkan ha-rapan kepada pertubuhan yang sedemikian rupa?

Pada waktu yang sama, hakikat tiada satupun di kalangan keluarga Gagasan atau Angkatan yang mempu-nyai hubungan sentimental dan psikologikal terhadap per-juangan kemerdekaan dan juga terhadap proses penggu-balan Perlembagaan Persekutuan, perlu dihalusi sedalam-dalamnya.

Tidakkah ini akan bermakna bahawa komitmen dan kemampuan keluarga Gagasan dan Angkatan untuk me-ngekal serta mempertahankan segala peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan itu agak kurang terjamin dan kurang menyakinkan?

Hakikat komitmen serta kemampuan yang kurang terjamin ini amat membimbangkan. Hakikat ini wajar dicemburui, harus dikhawatir dan sepatutnya menginsafkan seluruh anggota Gagasan dan Angkatan, khususnya yang wujud sebagai serpihan kepada UMNO.

Halusi dan perdalamilah hakikat kebimbangan ini. Segala persoalan serta gambaran masa depan keindukan Melayu dalam politik dan pemerintah negara ini akan terserlah menerusi penghalusan serta keprihatinan bersama terhadap hakikat kebimbangan seperti di atas.

Seluruh anggota akar umbi Semangat 46 khususnya, perlu berfikiran rasional sebelum apa yang dicadangkan sebagai Gagasan dan Angkatan itu disokong serta dijulang. Tepuk dada tanya selera, mampukah Gagasan atau Angkatan menangani satu perjuangan mengejar kecemerlangan?

Sesudah itu berilah pilihan sekali lagi kepada hati dan sanubari masing-masing, atas nama maruah, atas nama martabat, atas nama UMNO dan atas nama Melayu, bukanakah sudah sampai masanya untuk Melayu bersatu padu semula di bawah UMNO?

Pembukaan hati dan jiwa yang perlu dijalankan dalam ketenangan ini amat penting. Seluruh ahli Semangat 46 harus membuat tindakan sedemikian jika tidak mahu Melayu tergugat, jika tidak rela Melayu tercabar, jika tidak rela Melayu dijahahi politiknya oleh satu "penjajah politik" yang sedang menunggu peluang untuk bertakhta menerusi kehancuran Melayu.

Namun begitu, Tengku Razaleigh terus berjuang di dalam Semangat 46. Beliau terus membina impian. Beliau masih mahu menghidupkan walau UMNO asal, walaupun majoriti orang Melayu telah menerima hakikat bahawa UMNO yang wujud hari ini adalah UMNO yang asal.

## **POLITIK BARISAN POLITIK SEDERHANA**

*POLITIK Barisan Nasional adalah politik kesederhanaan. Semua kaum dan parti mempunyai kedudukan yang sama dalam Dewan Tertinggi BN. UMNO kerana saiznya dijadikan teras untuk menentukan BN tidak mudah dipecah-pecahkan. Tetapi UMNO juga menghormati pendapat parti-parti yang kecil sama seperti parti-parti lain menghormati masing-masing. Dengan menggunakan keputusan secara 'concensus' kepentingan parti atau kaum yang kecil tidak diketepikan.*

*Walaupun BN adalah parti gabungan tetapi ia bertindak sebagai sebuah parti yang tulen. Parti-parti komponen tidak bertanding antara satu dengan yang lain dalam pilihanraya. Sebaliknya calon-calon daripada parti komponen bertindak sebagai calon BN dan disokong oleh semua ahli parti-parti komponen.*

*Oleh kerana BN adalah parti gabungan sebelum pilihanraya, ia tidak lemah seperti parti gabungan selepas pilihanraya yang dibentuk kerana tidak ada parti yang mempunyai cukup kerusi untuk membentuk Kerajaan. Sementara parti gabungan selepas pilihanraya mudah ditumbang dengan penarikan diri hanya satu rakan, penarikan diri mana-mana parti komponen BN tidak menjaskan majoriti BN dan ia terus menjadi Kerajaan. Inilah keistimewaan BN.*

*Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad  
20 September 1994*

## **SEMANGAT DAP**

KEPUTUSAN Pilihanraya Umum 1990 seharusnya telah menyedarkan Semangat 46 bahawa DAP tidak membantu Angkatan ataupun Gagasan yang bercita-cita menggulingkan BN. Sebaliknya, Angkatan dan Gagasan yang membantu DAP untuk merangkul kejayaan.

Oleh itu, ahli-ahli Semangat 46 harus menafikan sekeras-kerasnya satu propaganda partinya yang mendakwa bahawa DAP telah mengiktiraf ketuanan Melayu serta hak-hak keistimewaan yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Mereka juga harus mengutuk DAP kerana parti tersebut tidak menepati propaganda Semangat 46 yang mengatakan kononnya DAP bukan anti Melayu dan DAP tidak pernah memperkecilkan orang Melayu. Mereka hendaklah bertanya kepada Tengku Razaleigh Hamzah, kenapakah Semangat 46 dalam Pilihanraya Umum 1995 ini tidak lagi bekerjasama dengan DAP dan juga kenapakah DAP keluar dari Gagasan pada 25 Januari 1995?

Ahli-ahli Semangat 46 harus sedar bahawa beberapa rekod Penyata Rasmi Parlimen atau Hansard terbukti mengandungi beberapa kenyataan DAP yang bercanggah dengan Perkara 153 Perlombagaan Persekutuan.

Contohnya, pada 5 Mac 1990, Lim Guan Eng, Ahli Parlimen DAP dari Kota Melaka, sewaktu membahaskan Usul Titah Diraja di Dewan Rakyat, telah mengeluarkan ungkapan seperti berikut :

**Parti DAP menolak sama sekali konsep ketuanan sesuatu kaum atau suku kaum sebagai lunas menggubal dasar-dasar sosio-ekonomi, pendidikan dan kebudayaan kebangsaan.**

**Dasar-dasar ketuanan atau "dominancy" kaum sebegini bukan sahaja akan menghindari usaha mencapai perpaduan kebangsaan tetapi membuktikan ia mungkin tidak boleh dicapai langsung dalam masyarakat berbilang kaum kita.**

Setelah menghuraikan kenyataan di atas, Lim Guan Eng, anak kepada Lim Kit Siang, pun membuat kesimpulannya seperti berikut:

**Justeru itu, parti DAP menolak konsep dominasi Melayu, Cina atau India. DAP juga menolak Dasar Ekonomi Baru kerana ia hanya merupakan satu alat menjadi kaya oleh pemimpin-pemimpin BN.**

Kenyataan seperti di atas, secara jelas mempersoalkan masalah dominan Melayu seperti yang tercermin dalam Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan serta Dasar Kebudayaan Nasional.

Apabila Lim Guan Eng berkata bahawa "Parti DAP menolak Dasar Ekonomi Baru", ini bermakna parti tersebut seolah-olah mempersoalkan kewujudan Perkara 153 Per-

lembagaan Persekutuan. Ini jelas kerana semua pihak politik di negara ini insaf dan sedar bahawa "semangat" Perkara 153 itulah yang mengasaskan penggubalan Dasar Ekonomi Baru.

Adakah Semangat 46 menyifatkan kenyataan di atas tidak memperkecilkan orang Melayu? Sebaliknya, tidakkah mana-mana kenyataan yang menolak Dasar Ekonomi Baru dan Perkara 153 Perlombagaan Persekutuan merupakan sesuatu yang tidak wajar dan nakal?

Bagaimanakah dalam tempoh dua tahun, Semangat 46 tidak dapat mengesan "ungkapan sebenar DAP" seperti di atas seperti yang terkandung di dalam Penyata Rasmi Parlimen ataupun Hansard?

Mengapakah kenyataan seperti di atas tidak diberitahu kepada ahli-ahli dan pemimpin Semangat 46 di semua peringkat? Tidak penting dan tidak seriuskah kenyataan DAP seperti di atas?

Pada 16 November 1989, Ting Chek Ming, Ahli Parlimen DAP dari Batu Gajah, mengeluarkan satu soalan di Dewan Rakyat mengenai Bumiputera seperti berikut:

**Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menghapuskan perbezaan warganegara di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dan mengubah polisi-polisi nisbah (ratio) yang diamalkan oleh BN supaya dapat menggalakkan perpaduan dalam pembangunan negara Malaysia.**

Memang soalan di atas kelihatannya mudah dan selamba. Tetapi, secara tidak langsung, ia menggarisbawahkan pendirian sebenar DAP mengenai Perkara 153 dalam Perlombagaan Persekutuan. Memang pokok soalan itu kononnya adalah perpaduan negara. Tetapi, naluri ingin

tahu sama ada taraf Bumiputera akan dihapuskan oleh Kerajaan adalah sesuatu yang boleh disifatkan berniat jahat.

Jawapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (ketika itu) Dato' Dr. Siti Zaharah Haji Sulaiman, seperti berikut, mengenai soalan di atas jelas membuktikan bahawa ianya memang berkaitan dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

**Kerajaan tidak pernah membeza-bezakan warganegara sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera. Keistimewaan yang berbentuk kuota dalam Perkhidmatan Awam, biasiswa dan permit seperti yang termaktub dalam Perlembagaan itu bertujuan untuk mengimbangkan ketidaksamarataan taraf sosio-ekonomi di kalangan rakyat. Ia sekali-kali tidak menghalang perpaduan, malah di atas kepentingan perpaduanlah maka peruntukan Perlembagaan itu dipatuhi.**

Adalah mustahil kalau pihak DAP tidak mengetahui latar belakang kepada Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dijelaskan oleh Dato' Siti Zaharah dalam jawapan di atas.

Jika demikian, tidakkah soalan seperti di atas bertentangan dengan DAKYAH 100 ISU Semangat 46 bahawa kononnya "DAP menerima taraf dan hak-hak keistimewaan orang Melayu seperti yang terjamin di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan"?

Buku DAKYAH 100 ISU Semangat 46 terbitan 1990 itu juga telah menegaskan bahawa kononnya "DAP menerima ketuanan politik tanahair terletak pada orang Melayu." Jika begitulah hakikatnya, kenapakah Lim Guan Eng mempersoalkan dan menolak dominasi kaum?

Pada 2 Januari 1991, Penyata Rasmi Parlimen merekodkan Ahli DAP Bukit Mertajam, Chian Heng Kai, mengeluarkan kenyataan mengenai hak-hak keistimewaan orang Melayu. Kenyataan beliau mengenai perkara tersebut seperti berikut, jelas dibuat tanpa mengira sensitiviti terhadap hak-hak keistimewaan tersebut.

**...Saya mengesyorkan sebagai langkah pertama, menyingkirkan dasar perkauman, hak keistimewaan ini dibuka kepada semua orang Malaysia yang datang dari keluarga yang pendapatan mereka tidak lebih dari RM500 sebulan, tanpa mengira kaum.**

Ada dua muslihat di sebalik kenyataan di atas. Pertamanya, DAP cuba membentuk imej kononnya parti tersebutlah jaguh pembela orang Melayu. Ini cuma satu gimik ataupun satu sandiwara.

Keduanya, dan yang terpenting sekali, DAP mahu hak-hak keistimewaan Melayu dikongsikan dengan "lain-lain rakyat Malaysia" tanpa mengira kaum. Ini bermakna DAP mahukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dimansuhkan ataupun dipinda.

Istilah "tanpa mengira kaum" di sini digunakan tanpa mengambil kira latar belakang sejarah keindukan Melayu sejak zaman berzaman. Istilah itu sama dengan ungkapan "sama rata, sama rasa" yang menjadi intisari konsep Malaysian Malaysia.

Istilah kegemaran DAP ini juga sealiran dengan apa yang dikatakan sebagai pendemokrasian kuasa dan peluang di Malaysia, sekali lagi, tanpa sebarang pertimbangan terhadap keunggulan Melayu sebagai teras dan induknya.

Beginikah caranya DAP menghormati persahabatannya dengan Semangat 46 dan begini jugakah caranya DAP menghormati Perlembagaan Persekutuan?

Jika begitulah caranya, maka adalah satu dosa kepada orang Melayu jika Semangat 46 menyatakan dalam buku DAKYAH IOO ISU bahawa "DAP menerima Perlembagaan Persekutuan seperti yang berkuatkuasa pada hari ini".

Tidak sedarkah DAP bahawa segala perkara mengenai keistimewaan Melayu itu telah digubal dan dimaktubkan di dalam Perlembagaan Persekutuan setelah ianya dikaji dan dihalusi oleh semua kaum di Malaysia yang pada peringkat awalnya diwakili oleh UMNO, MCA serta MIC yang bergabung di dalam Perikatan?

Cubalah teliti maksud kenyataan seorang pemimpin ulung MCA, Mendiang Khaw Kai Boh, dalam Berita Harian 1965, seperti berikut:

**Sikap DAP yang anti-Melayu dengan sendirinya akan merosakkan kepentingan seluruh orang Cina di masa depan. Kalau DAP meneruskan dasarnya yang anti-Melayu itu, tidak syak lagi huru-hara dan pergaduhan kaum akan berlaku di negara ini.**

Mendiang Tun Tan Siew Sin, seorang pemimpin MCA yang sangat-sangat dihormati, juga pernah mengingatkan keturunan Cina di Malaysia tentang bahaya DAP dan konsep Malaysian Malaysianya terhadap keharmonian kaum di negara ini.

Tun Tan pernah meminta kaum Cina supaya berwaspada terhadap tindak tanduk DAP yang disifatkannya sebagai berpura-pura untuk menjadi juara kaum Cina dengan meniupkan isu-isu perkauman.

Kenyataan dua pemimpin ulung MCA itu sepatutnya bukan sahaja menginsafkan masyarakat Cina yang memimpin DAP tentang bahaya perkauman, malahan harus juga membuka hati pemimpin Semangat 46 bahawa sokongan-nya kepada DAP adalah melanggar etika moral perjuangan orang Melayu seluruhnya.

Kesedaran dan keinsafan mengenai DAP yang sebenarnya, perlu lahir di jiwa setiap ahli dan pemimpin Semangat 46 kerana berdasarkan ketiga-tiga kenyataan yang tercatat di dalam Penyata Rasmi Parlimen pada 16 November 1989, 5 Mac 1990 dan 2 Januari 1991, terbukti bahawa DAP itu memang masih memperjuangkan konsep Malaysian Malaysia.

Ini bertentangan dengan pendapat Semangat 46 bahawa "slogan Malaysian Malaysia yang pada satu ketika dahulu tidak menyenangkan orang Melayu sudah tidak membawa apa-apa implikasi negatif".

Sebenarnya, segala dakyah Semangat 46 mengenai DAP dan juga kenyataan-kenyataan DAP seperti di atas membuktikan bagaimanakah parti itu melupakan sejarah perkembangan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Satu tinjauan umum mengenai perubahan Perlembagaan di Malaysia tulisan R.H. Hickling yang terkandung dalam buku "Perlembagaan Malaysia, Perkembangan 1957-1977" suntingan Tun Mohamed Suffian, menggariskan antara latar belakang Perkara 153 itu seperti berikut:  
**Kewujudan keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara orang Melayu dengan kaum-kaum lain adalah satu hakikat yang sememangnya diketahui umum. Selagi ketidakseimbangan ekonomi itu dapat diseimbangkan**

dengan adanya kuasa politik, keadaannya tidaklah begitu ketara. Kemudianya, apabila diberi pula evolusi kerakyatan dan pencapaian hak demokrasi imbangan masyarakat pun mula berubah dan ramai pemerhati berpendapat bahawa orang Melayu yang miskin akan menjadi lebih miskin lagi. Berbangkit dari perkembangan ini maka Perkara 153 telah diadakan.

Bagaimanapun, segala kenyataan DAP seperti di atas mungkin relevan dengan pandangan R.H. Hickling berikutnya:

**Adalah terbukti kini bahawa keistimewaan menimbulkan perasaan iri hati dan rasa iri hati itu adalah punca kebencian dan keganasan. Konsep hak-hak istimewa bagi orang Melayu dan Bumiputera Borneo ini sudah tentulah menyebabkan rakyat dari kaum-kaum lain yang miskin dan tidak berada menyimpan suara bantahan di dalam hati. Ahli politik yang tidak berperikemanusiaan juga boleh mengeksplot suara bantahan itu untuk faedah dirinya sendiri.**

Jadi, berdasarkan tiga kenyataan yang tercatat dalam Penyata Rasmi Parlimen seperti di atas, terbuktilah bahawa Semangat 46 memang tidak ikhlas terhadap dakyah-dakyah yang dikeluarkan sebagai senjata memusnahkan BN.

Justeru itu, setelah Pilihanraya Umum 1990 mengiktiraf bahawa BN masih lagi dikehendaki oleh rakyat jelata dan UMNO yang wujud hari ini merupakan persambungan kepada yang lama, wajarlah bagi seluruh anggota Semangat 46 menyedari akan ketidakikhlasan pucuk pimpinan partinya mengenai beberapa dakyah tentang DAP.

Maka wajar bagi seluruh anggota Semangat 46 bangkit dan mengatakan kepada pucuk pimpinannya bahawa "pembohongan" telah digunakan sebagai senjata menentang BN dan UMNO.

Lantaran itu, kalau ketidakikhlasan telah dijadikan senjata menentang BN dan UMNO, ahli-ahli Semangat 46 wajar meninggalkan ketidakikhlasan itu dengan segera. Mereka perlu kembali kepada wadah perjuangan yang disediakan atas lunas-lunas keikhlasan, iaitu BN yang berteraskan UMNO.

Kesedaran serta keinsafan terhadap hal-hal ini amat dituntut kerana pada perkiraan akhirnya, sokongan kepada DAP serta kerjasama dengan DAP akan merugikan orang Melayu dan Bumiputera seluruhnya.

Sebagai kesimpulannya, renungkanlah kata-kata R.H. Hickling bahawa "**adalah jelas prinsip-prinsip Perkara 153 tidak boleh diabaikan: peruntukan yang dimenangi dengan bersusah payah itu tidak boleh diserahkan begitu sahaja, tetapi bagaimanakah untuk memastikan ia tidak digugat?**"

Oleh itu, Semangat 46 perlu berhati-hati dengan propaganda yang dikeluarkannya. Jangan sampai senjata makan tuan. Jangan sampai sokong yang diharapkan adalah sokong yang membawa rebah. Janganlah terlalu mengharap kepada pagar, jika sudah terbukti bahawa pagar itulah yang memakan padi.

## **GAGASAN PECAH**

*PADA 18 Mac 1995, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, "Semangat 46, DAP dan PAS akan bergerak secara bersendirian tanpa sebarang ikatan" dalam Pilihanraya Umum 1995.*

*Ini adalah bukti perpecahan Gagasan yang hanya berumur dua tahun sebelas bulan dan kini hanya mempunyai lima anggota komponen - Semangat 46, PRM, Hamim, Kimma dan Berjasa.*

*Komponen Gagasan yang kelihatan berpengaruh seperti DAP, PBS, dan IPF telahpun mengucapkan selamat tinggal kepada pakatan siasah ini.*

*PBS meninggalkan Gagasan pada 2 April 1991. Menjelang Pilihanraya Umum 1990, PBS telah dijadikan senjata oleh Gagasan dalam percubaannya menumbangkan BN.*

*DAP pula keluar dari pakatan siasah ini pada 25 Januari 1995. Ini adalah satu kekecewaan yang paling besar kepada Semangat 46.*

*IPF yang mewakili keturunan India dalam Gagasan keluar dari pakatan tersebut pada pertengahan Februari 1995. Pada 19 Mac 1995, IPF berikrar menyokong BN.*

*Sementara itu, Semangat 46 juga berpisah dengan PAS dalam Angkatan bila parti tersebut menggunakan manifesto yang berasingan daripada PAS dalam Pilihanraya Umum 1995. Inilah bukti bahawa Semangat 46 mengucapkan selamat tinggal kepada PAS.*

*Hakikat ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan Ketua Penerangan Semangat 46 dalam Harian Watan 23 Mac 1995, bahawa parti tersebut "tidak akan menumpukan perhatiannya di negeri Kelantan seperti pilihanraya umum yang lalu sebaliknya memberikan perhatian ke negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sebagai kubu terbarunya".*

## BIBIT PERPECAHAN

JANUARI 1990: Cerita-cerita indah dan kisah-kisah gem-bira mengenai Angkatan yang dihebohkan sewaktu Pili-hanraya Umum 1990, rupa-rupanya hanya indah khabar dari rupa. Kerajaan Angkatan di Kelantan sejak awal-awal lagi nampaknya sudah mula bermasalah. Sudah mula berkrisis. Mula retak dan mula "mencuci daki di khalayak ramai".

Begitulah perkembangannya. Ini jelas terbukti dengan tersiamnya sebuah berita yang mengatakan bahawa "**kesemua 14 ADUN Semangat 46 Kelantan rela jadi pembangkang dalam Kerajaan Negeri jika krisis pengisian jawatan penting dalam pentadbiran negeri tidak dapat diselesaikan**".

Berita utama yang menghiasi muka depan **WATAN 8 Januari 1991** itu sungguh memerlukan. Amat meng-gemparkan. Dan, lebih dari itu, penuh dengan tanda tanya, penuh dengan nada ugutan serta penuh dengan implikasi seribu satu hala.

Beginikah bentuknya jalinan "kasih sayang" antara Semangat 46 dengan PAS yang menubuhkan Kerajaan Angkatan di Kelantan? Mengapakah ugutan seperti di atas boleh tercetus? Adakah ugutan seperti itu membuktikan bahawa tempoh "berbulan madu" antara Laila (Semangat 46) dan Majnun (PAS) di Kelantan sudah selesai dan yang tinggal cuma mimpi di siang hari?

Jika apa yang diberitakan oleh WATAN adalah benar, tidaklah boleh dituduh BN sebagai tukang fitnah apabila akhbar-akhbar yang sering dikatakan pro Kerajaan seperti BERITA HARIAN dan UTUSAN MALAYSIA sering membuat laporan mengenai desas-desus perpecahan Angkatan di Kelantan.

Oleh itu, kenyataan jurucakap rasmi Penyelaras Angkatan Kelantan, Saudara Yaakub Mohammad, bahawa pihaknya akan "**mengarahkan ADUN Semangat 46 menjadi pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan**" jika PAS enggan bertolak ansur dalam tindak-tanduknya, adalah benar, adalah hakikat, bukannya fitnah.

Kalau terminologi "mustadh'afin" yang dipopularkan oleh PAS boleh dipinjam dalam konteks ini, salahkah kalau suara Semangat 46 Kelantan seperti di atas ditafsirkan sebagai suara golongan MUSTADH'AFIN — golongan yang tertindas, golongan yang dilanda diskriminasi dan golongan yang berhadapan dengan ketidakadilan, akibat angkara PAS?

Mungkin juga tidak salah kalau dikatakan bahawa PAS yang sering mendakwa dirinya sebagai mustadh'afin akibat pemerintahan BN yang kononnya menindas, sebenarnya kini sedang melakukan suatu penindasan sehingga

melahirkan satu golongan mustadh'afin yang baru, iaitu mustadh'afin Semangat 46.

Kalau inilah hakikatnya, tidakkah ini ironis? Lidah rasmi PAS — HARAKAH — terbitan 7 Januari 1991 memaparkan hampir satu muka penuh cerita mengenai golongan yang tertindas. Tulisan Baharum M. Zain itu cuba memberi gambaran bahawa golongan yang tertindas adalah PAS, dan penindasnya, kononnya adalah pihak perintah.

Menurut penulis simpatisan PAS itu, golongan tertindas "yang beriman dan berjihad" perlu wujud dalam PAS kononnya "kerana kezaliman dan penindasan yang terpaksa diharungi oleh PAS kini, hanya mampu dihadapi dan ditangani oleh jiwa-jiwa mustadh'afin yang benar-benar yakin dan teguh dengan perjuangan Islam."

Pokoknya di sini ialah, kalau yang tertindas hari ini adalah Semangat 46 dan yang menindas adalah PAS, benarkah PAS terdiri dari golongan "beriman dan berjihad" yang berjuang dalam suatu gerakan Islam?

Jika sudah jelas dan nyata (berdasarkan perkembangan seperti di atas) bahawa yang tertindas adalah Semangat 46 dan yang menindas adalah PAS, benarkah PAS merupakan insan-insan kamil "yang benar-benar yakin dan teguh dengan perjuangan Islam"?

Kalau PAS masih mendakwa dirinya sebagai juara perjuangan Islam, kenapakah muncul suara-suara bangkangan dan suara-suara ketidakadilan seperti yang dilaporan dalam WATAN 8 Januari 1991?

Apa agaknya komen HARAKAH dan pucuk pimpinan PAS, khususnya Haji Nik Aziz Nik Mat, Menteri Besar

Kelantan merangkap Ketua Dewan Ulamak, mengenai golongan mustadh'afin Semangat 46 di Kelantan? Komen Haji Nik Aziz mengenai golongan mustadh'afin ciptaan PAS ini, seharusnya amat dinanti-nantikan oleh seluruh ahli-ahli PAS dan keseluruhan anggota Semangat 46.

Sekaligus dengan penantian itu, seluruh ahli-ahli PAS dan juga Semangat 46 perlu sedar dan insaf bahawa kenyataan-kenyataan selama ini kononnya BN adalah penindas, dan pihak pembangkang, termasuk DAP serta PBS, adalah golongan mustadh'afin di negara ini, adalah fitnah, adalah tidak benar.

Namun demikian, pastinya hakikat Semangat 46 Kelantan yang sentiasa ditindas ini akan dinafikan, akan cuba ditutup dengan alasan-alasan seribu satu cerita. Penafian demi penafian pastinya datang dari pucuk pimpinan tertinggi PAS dan Semangat 46 yang sedang mencari-cari formula dan "fatwa" untuk memantapkan jalinan Angkatan yang sentiasa rapuh.

Soalnya di sini, mampukah pucuk pimpinan tertinggi Semangat 46 menyekat kemaraan golongan mustadh'afin dari kalangannya sendiri di Kelantan yang didakwa seramai 180,000 orang, untuk tidak memusuhi PAS?

Beranakah Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, menyekat kemaraan Bahagian Penerangan Semangat 46 Negeri Kelantan yang akan mengadakan kempen penerangan secara besar-besaran di kesemua 13 bahagian di Kelantan, termasuk Bahagian Gua Musang, untuk menjelaskan kedudukan sebenar krisis pembahagian kuota mengisi jawatan dalam pentadbiran Kerajaan Angkatan Negeri Kelantan?

Apakah tuntutan golongan mustadh'afin Semangat 46 Kelantan ini akan dipenuhi oleh PAS? Kalau tidak, di manakah keadilan yang kononnya sentiasa diperjuangkan oleh PAS?

Apakah pula tindakbalas PAS jika benar sebagaimana yang dilaporkan oleh WATAN bahawa "kesemua anggota Majlis Daerah dari Semangat 46 yang telahpun dilantik akan meletakkan jawatan masing-masing kerana mematuhi keputusan parti"?

Bagaimanapun, soalan yang penting di sini ialah, beranikah Haji Nik Aziz menafikan kemunculan golongan mustadh'afin yang terdiri dari Semangat 46 Kelantan ini? Dan, apakah pula komen Tengku Razaleigh mengenainya?

Tetapi, soalan yang lebih penting dan menarik ialah, ke manakah Semangat 46 hendak dibawa oleh Tengku Razaleigh jika "wira-wiranya" memilih untuk menjadi pembangkang kepada PAS di Kelantan? (Dua Ahli Dewan Undangan Negeri Parti Melayu Semangat 46 di Kelantan - Wan Mohd. Najib Wan Mohamad dan Nordin Salleh kini menganggotai Barisan Nasional. Ketua Penerangan Semangat 46 Kassim Ahmad pun begitu juga).

Apakah yang akan Tengku Razaleigh lakukan? Bubarkan parti dan kembali ke pangkuan UMNO? Cuba-cuba memohon masuk BN? Bergabung dengan DAP dan PBS di bawah Gagasan? Berjuang secara bersendirian? Ataupun, terus berkorban apa sahaja sementara menanti detik-detik "persaraannya" dari arena politik negara?

## **AMALAN PAS PECAHKAN MELAYU**

*PAS menuduh orang Melayu yang tidak menganggotai parti tersebut sebagai tidak Islamik. Adakah amalan seperti ini Islamik?*

*Orang UMNO dan PAS adalah ahli Sunnah Wal Jamaah dan berimam dengan Imam Syafie. Tidak ada kepercayaan atau ibadat orang UMNO yang berbeza atau bertentangan dengan ajaran Sunnah. Orang PAS pun demikian. Tokoh-tokoh agama UMNO tidak kurang terpelajar dalam agama Islam daripada tokoh-tokoh agama dan tok-tok guru PAS. Kepercayaan dan ibadat orang UMNO dan orang PAS adalah sama.*

*Tetapi, PAS tidak mengakui kelslaman orang UMNO sehingga sanggup menolak imam yang bukan daripada PAS, sanggup memisahkan jemaah di dalam satu kariah, sanggup mengasingkan kubur, menolak mayat orang UMNO dan berbagai-bagai lagi amalan yang menidakkann persaudaraan dalam Islam.*

*Apakah perbuatan seumpama ini wujud sebelum PAS menjadi parti politik? Kita tahu, orang Melayu di zaman British dan sebelum itu tidak berpecah kerana agama. Tiada orang Melayu yang mengikut mazhab yang berbeza-beza, jauh sekali yang bertentangan. Tiada orang Melayu yang menganuti fahaman syiah, atau yang mengikuti imam-imam yang lain daripada Imam Syafie. Semua orang Melayu, Alhamdulillah, adalah ahli Sunnah Wal Jamaah.*

*Amatlah malang kerana politik PAS, orang Melayu/Islam yang bersatu padu dan bersaudara, yang semuanya daripada puak Sunnah Wal Jamaah telah dipecah dan diasingkan.*

*PAS menolak perpaduan dan persaudaraan dalam Islam hanya kerana kepentingan politik. Tindakan ini sedikitpun tidak berasaskan kepada Islam atau mazhab dalam Islam.*

## PBS BELOT

2 APRIL 1991: PBS mengumumkan ia tidak akan menganggotai Gagasan pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Sebaliknya, PBS berura-ura mewujudkan sebuah Kerajaan Campuran dengan BN di Sabah. Kepada Tengku Razaleigh, kenyataan tersebut amat memeranjat lagi mengecewakan. Kepada Gagasan, kenyataan itu adalah pengkhianatan kepada pakatan politik pembangkang yang terjalin menjelang Pilihanraya Umum 1990.

PBS menghimpun tenaga untuk menguasai Kerajaan Negeri Sabah dalam tahun 1985 dari longgokan kelemahan Berjaya dan frustrasi rakyat terhadap pemerintah negeri. Berjaya ditumbangkan oleh PBS menerusi kepintarannya menggerakkan sentimen "keagungan" Kadazan berikutan kemenangan Datuk Joseph Pairin Kitingan dalam Pilihanraya Kecil DUN Tambunan.

Sesudah berkuasa, Datuk Pairin sebagai "Huguan-siau" ataupun "Pemimpin Besar" pun mula mengorak langkah demi langkah mengikut gendang-tari sumazau yang lemah

lembut dan mengasyikkan, tetapi mengelirukan. PBS membentuk sebuah Kerajaan Negeri yang bertaraf pembangkang kepada pemerintahan pusat.

Kemudiannya, PBS pun melamar masuk BN. PBS diterima sebagai anggota keluarga parti pemerintah. Maka, rentak gendang dan tarian politik PBS jadi lebih bersemangat dan rancak, tetapi masih dan tetap mengelirukan. Dalam pada itu, kalau dulu PBS menjadikan isu kemungkaran sebagai modal untuk menumbangkan Kerajaan Berjaya, rentak tari yang dikatakan sumbang dan songsang itu nampaknya masih juga diwarisi oleh PBS sendiri.

Namun begitu, apabila rentak politik PBS jadi semakin sumbang dan semakin canggung, tidak sealiran dengan rentak politik Kuala Lumpur, PBS nampaknya enggan memperbaiki segala kesumbangan dan kecanggungan itu. Sebaliknya, menjelang hari pembuangan undi dalam Pilihanraya Umum 1990 lalu, PBS pun meloncat ke gelanggang politik baru yang disediakan oleh Semangat 46 dan DAP. Maka, tonggang terbaliklah tarian sumazau yang dijogetkan mengikut iringan rentak Mak Yong dan Wayang Pekji.

Setelah berada di gelanggang Gagasan, penari-penari utama PBS kelihatannya berkhayal. Mereka seolah-olah tidak lagi berpijak di bumi nyata. Ada kalanya PBS yakin bahawa penari-penari sumazaunya boleh terbang bagaikan "superman" jika mereka terus bersumazau dengan rentak Mak Yong dan Wayang Pekji.

Oleh kerana Tengku Razaleigh terlalu terhibur dengan tarian sumazau persembahan PBS, beliau pun yakin kononnya penari-penari PBS itu akan menerangkan keseluruhan kerabat Gagasan ke mercu takhta kekuasaan negara menerusi Pilihanraya Umum 1990.

Maka, Tengku Razaleigh pun marah-marah kepada keluarga wartawan apabila ditanya sama ada Gagasan akan berjaya menafikan dua pertiga majoriti BN di Parlimen menerusi Pilihanraya Umum 1990. Pertanyaan itu ditempelak dengan jawapan yang benar-benar angkuh. Kononnya soalan itu soalan bodoh dan basi. Kononnya Gagasan akan menyelamatkan Malaysia.

Maka, bahagialah Tengku Razaleigh dengan sumazau serta tengkoloknya. Kerlingannya kepada Datuk Pairin pun penuh seribu satu rahsia, penuh harapan setinggi Kinabalu mencecah mega, kononnya Gagasan akan bertakhta sesudah Pilihanraya Umum 1990.

Bagaimanapun, "superman" PBS gagal menerbangkan "Raja Gagasan" serta wira dan bala tenteranya ke mercu takhta. Maka berderailah seribu harapan. Baik harapan Datuk Pairin, baik harapan Tengku Razaleigh, mahupun harapan Lim Kit Siang.

Keunggulan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan BN tetap dan terus terpelihara sesudah Pilihanraya Umum 1990. Gagasan gagal menyelamatkan dirinya. Setelah berada di Parlimen, penari-penari sumazau PBS cuba bersuara sebagai pembangkang. Tetapi, dalam proses pembangkangan itu mereka seolah-olah masih berada di dalam BN. Mereka seolah-olah kekok berada di pihak yang kontra kepada pemerintah pusat.

Pada waktu yang sama, beberapa bomoh PBS pula mencanggahi undang-undang menerusi gerak tari yang membahayakan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Mereka pun terpaksa diundang untuk "berehat sambil berfikir". Walaupun undangan itu bukan mainan politik,

Lim Kit Siang yang gagal dengan projek Tanjung II di Pulau Pinang pun mengeluarkan taringnya dengan emosi serta nafsu. Dia pun menuduh bahawa Kerajaan BN kononnya zalim.

Tengku Razaleigh juga turut bersuara. Tetapi di luar. Tidak di dalam Dewan Rakyat. Berbagai tuduhan dilemparkan kepada Kerajaan BN yang kononnya menggunakan berbagai strategi kotor untuk menumbangkan Kerajaan Angkatan di Kelantan serta Kerajaan PBS di Sabah.

Kini apa jadi kepada Tengku Razaleigh dan Lim Kit Siang yang membela PBS, Datuk Pairin dan Kerajaan Sabah? Apa jadi kepada suara-suara melulu itu bila Datuk Pairin sendiri sudah melamar untuk mengajak USNO berkongsi Kerajaan di Sabah.

Tidakkah lamaran itu, walaupun masih tanpa kesudahan, boleh ditafsirkan sebagai "undi tidak percaya" keseluruhan penari-penari sumazau PBS yang terkehil kaki dan hati kerana terlalu diperdayakan kononnya tarian sumazau boleh dijogetkan mengikut rentak Mak Yong dan Wayang Pekji. (Kasihan PBS. Perkembangan politik Sabah dalam tahun 1994 menjadikannya pecah belah dan kini menunggu detik-detik untuk...)

Tetapi, tidakkah undi tidak percaya menerusi lamaran PBS kepada USNO bermakna bahawa Gagasan akan lenyap dihebus bayu di Negeri Bawah Bayu? Tidakkah ini bermakna PBS tidak akan menyertai Gagasan dan menolak Gagasan?

Pada waktu yang sama, kenapakah lamaran PBS itu disusuli oleh PAS yang mengatakan ia tidak akan menyertai Gagasan dengan alasan banyak kerabat Gagasan tidak mengiktiraf perjuangan menegakkan Islam sebagai 'addin?

Jadi, tidakkah Semangat 46 mahu bertengang sejenak dan mencari jawapan kenapakah PBS melamar USNO walaupun sebilangan besar pemimpin USNO sudah memutuskan untuk menganggotai UMNO? Tidakkah ini boleh ditafsirkan bahawa UMNO itu lebih unggul dari Semangat 46?

Jadi, apakah pilihan yang terbuka kepada Semangat 46 sekarang? Bagaimanapun, Alhamdulillah. Kini ramai pemimpin serta ahli Semangat 46 yang telah sedar dan insaf akan perjuangan parti tersebut. Mereka telah kembali ke pangkuan UMNO. Mereka insaf kerana opsyen yang terbuka kepada Semangat 46 hari ini hanyalah pembubaran-nya.

Mereka sedar bahawa jika perjuangan Semangat 46 adalah umpama satu ekspedisi pelayaran, destinasi yang dijanjikan oleh nakhodanya hanyalah sebuah pulau ilusi, pulau khayalan, sebuah pulau yang wujud di dalam mimpi!

Insaflah, apa faedahnya membina istana pasir di persisiran sebuah pulau ilusi? Insaflah, apa gunanya dinikmati deruan dan deburan gelombang yang kuning di sebuah pulau ilusi? Segala-galanya tidak harmonis dengan hakikat perjuangan Melayu.

Oleh itu, gunakanlah kewarasan dan pragmatisme sewaktu di dalam krisis. Kembalilah ke pangkal jalan. Baliklah semula ke pangkuan UMNO. Insaflah, Dato Seri Dr. Mahathir sentiasa berkata, pintu UMNO tetap dan terus terbuka.

## **TOKOH PENTING TINGGALKAN 46**

*SEBELUM Pilihanraya Umum 1990, Tengku Razaleigh Hamzah, pernah berjanji bahawa partinya akan dibubar jika gagal membentuk Kerajaan. Sekaligus pucuk pimpinan dan ahli-ahli Semangat 46 akan kembali ke pangkuaan UMNO. Jika berjaya, Semangat 46 akan mengambil masuk semua ahli-ahli UMNO Baru ke pangkuannya.*

*Semangat 46 gagal memenangi pilihanraya tersebut dan gagal membentuk Kerajaan. Tetapi ia enggan kembali kepada UMNO. Ia terus berjuang menentang UMNO dan BN. Hakikat ini menyebabkan empat tokoh utamanya kembali ke pangkuaan UMNO.*

*Ahli Majlis Tertinggi Semangat 46, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, keluar dari parti itu dan kembali ke pangkuaan UMNO pada 17 Mac 1991. Katanya, "UMNO yang ada sekarang inilah UMNO yang mampu memperjuangkan nasib orang Melayu."*

*Ketua Pemuda Semangat 46, Datuk Haji Ibrahim Ali, mengucapkan selamat tinggal kepada parti tersebut pada 22 Mac 1991 kerana "Semangat 46 sudah habis."*

*Ketua Wanita Semangat 46, Datin Paduka Hajah Rahmah Osman, keluar dari parti itu pada 1 Februari 1994 kerana "parti itu tidak melakukan sebarang perubahan untuk kepentingan orang Melayu."*

*Naib Presiden Semangat 46, Hajah Marina Yusoff, mengumumkan secara rasmi pada 27 September 1994, beliau telah menganggotai semula UMNO sebulan sesudah Pilihanraya Umum 1990.*

*Tindakan tokoh-tokoh Semangat 46 ini adalah bukti bahawa mereka hilang kepercayaan terhadap parti tersebut. Mereka mengiktiraf UMNO sahajalah wadah perjuangan yang serasi dengan orang Melayu.*

## **DILANDA KRISIS**

APRIL 1991: Pilihanraya Umum 1990 baru enam bulan berlalu. Namun begitu Semangat 46, Angkatan dan Gagasan sudah mulai dilanda krisis keyakinan yang serius. Tengku Razaleigh Hamzah yang menjadi tulang belakang kepada ketiga-tiga organisasi politik tersebut kelihatannya seolah-olah kehilangan maya, arah dan punca.

Semangat 46 jadi porak-peranda, haru-biru dan di-cengkam kehancuran. Hari demi hari, ramai pemimpin dan ahlinya di seluruh negara mulai kembali ke pangkuan UMNO. Mereka meninggalkan Semangat 46 kerana mereka insaf bahawa UMNOlah sahaja payung dan wadah perjuangan Melayu yang sebenar-benarnya di negara ini.

Tindakan beberapa pemimpin tertinggi Semangat 46, termasuk Puan Marina Yusof dan Datuk Wira Ahmad Nordin, keluar parti adalah "undi tidak percaya" kepada parti berkenaan.

Keputusan Datuk Radzi Sheikh Ahmad dan Datuk Haji Ibrahim Ali kembali ke pangkuan UMNO adalah "undi tidak percaya" kepada Semangat 46.

Tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang, Kelantan, Nordin Salleh dan ADUN Limbungan, Wan Mohd Najib Mohamad, mengucapkan selamat tinggal merupakan "undi tidak percaya" kepada Semangat 46.

Ucapan "sayonara" beramai-ramai oleh lebih 21,000 orang ahli yang menganggotai semula UMNO di Kelantan adalah "undi tidak percaya" yang terbesar sekali kepada Semangat 46 sesudah Pilihanraya Umum 1990.

Pada waktu yang sama, parti berkenaan berkrisis pula dengan beberapa komponen Angkatan. Sebilangan besar anggota pakatan tersebut telahpun mengkritik pentadbiran Kerajaan Angkatan di Kelantan. Ini menyebabkan pergeseran yang amat jelas di antara Semangat 46 dengan PAS.

Kenyataan Tengku Razaleigh bahawa Kerajaan Kelantan dimiliki oleh PAS adalah "undi tidak percaya" beliau dan partinya kepada Angkatan. Tindakan PAS menganaktirikan Semangat 46 di Kelantan adalah "undi tidak percaya" PAS kepada Semangat 46 serta Angkatan. Kritikan ahli Semangat 46 kepada PAS Kelantan adalah "undi tidak percaya" kepada PAS dan juga Angkatan.

Sementara itu, Gagasan yang telah digerakkan sejak Pilihanraya Umum 1990 kelihatannya gagal. Tengku Razaleigh yang mendakwa sebagai Presiden Gagasan tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya di Parlimen. Beliau tidak memegang jawatan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat. Sebaliknya, jawatan itu disandang oleh Lim Kit Siang selaku Setiausaha Agung DAP.

Hakikat di atas merupakan satu tamparan hebat kepada kepemimpinan Tengku Razaleigh dalam Gagasan.

Jika DAP merupakan anggota Gagasan yang setia, (parti ini meninggalkan Gagasan pada 25 Januari 1995), parti tersebut patut memberikan jawatan Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat kepada Tengku Razaleigh, bukannya kepada Lim Kit Siang.

Malang sungguh nasib Tengku Razaleigh! Kepe-mimpinannya dalam Gagasan terus-menerus diremeh-temehkan oleh komponen gagasan tersebut. Tidakkah ini bukti bahawa DAP adalah lebih besar dari Semangat 46? Tidakkah ini satu hakikat yang menolak dakwaan kononnya Semangat 46 itu lebih supreme dari DAP?

Dalam situasi dan dilema yang menyelubungi Semangat 46 ini, PAS pula menyatakan dengan rasminya bahawa ia tidak akan menyertai Gagasan. Kononnya kerana banyak kerabat Gagasan tidak mengiktiraf perjuangan menegakkan Islam sebagai 'addin yang dilaksanakan oleh PAS.

Keengganan PAS membabitkan diri dalam Gagasan adalah satu lagi tamparan kepada Tengku Razaleigh dan Semangat 46. Keengganan tersebut merupakan satu "undi tidak percaya" PAS kepada Gagasan, kepada DAP dan sekaligus kepada Semangat 46. Keputusan PAS ini juga merupakan lanjutan "undi tidak percaya" parti tersebut kepada Semangat 46 di dalam Angkatan.

Sesudah Pilihanraya Umum 1990, persahabatan Semangat 46 dengan PBS juga jadi semakin renggang. PBS telah mengumumkan pada 2 April 1991, untuk tidak menganggotai Gagasan.

Tengku Razaleigh terkejut dengan pendirian PBS ini. Beliau agak kurang percaya bahawa Datuk Joseph

Pairin Kitingan yang sanggup "menikam Barisan Nasional dari hadapan" dalam Pilihanraya Umum 1990, telah mengambil keputusan yang anti-klimaks.

Bagaimanapun, keputusan ini adalah satu tampanan kepada kepemimpinan Tengku Razaleigh dalam Gagasan. Keputusan ini juga merupakan satu "undi tidak percaya" PBS kepada Semangat 46 dan juga Gagasan.

Keputusan PAS dan PBS untuk tidak bersama-sama Gagasan setelah Pilihanraya Umum 1990 tentu menimbulkan implikasi besar kepada survival dan maruah Semangat 46 yang berusaha bermati-matian untuk menghidupkan kedua-dua pakatan berkenaan.

Implikasinya besar kerana PAS dan PBS adalah sahabat karib Semangat 46 yang telahpun berjaya menguasai dua Kerajaan Negeri - Kelantan dan Sabah - menerusi Pilihanraya Umum 1990. (Setelah Pilihanraya DUN pada 1994, Sabah dikuasai Kerajaan BN)

Keputusan PAS dan PBS menolak Gagasan bermakna Parti Melayu Semangat 46 akan kehilangan kubu yang diharapkan menjadi sumber kekuatannya dalam menentang BN dalam Pilihanraya Umum 1995 ini.

Berasaskan huraihan di atas, janganlah hendaknya terdapat pihak yang cuba menafikan bahawa Semangat 46, Angkatan dan juga Gagasan mulai dilanda keadaan runting, umpama telur di hujung tanduk, bagaikan retak menjanti belah, hanya beberapa bulan sahaja sesudah Pilihanraya Umum 1990.

Keruncingan tersebut wujud kerana Semangat 46 gagal menonjolkan dirinya sebagai sebuah parti politik yang bermaruah dan juga gagal mempertahankan tarafnya sebagai induk kepada Angkatan dan Gagasan.

Fenomena ini berlaku kerana Semangat 46 lahir bukan kerana perjuangan rakyat. Ia diwujudkan demi perjuangan sebuah cita-cita yang emosi lagi peribadi! Krisis keyakinan ini timbul kerana orang Melayu telah sedar dan insaf bahawa Semangat 46 itu memang bukannya UMNO, walaupun cuba bergerak seperti UMNO dan menggunakan-pakai Perlembagaan UMNO.

Krisis ini juga muncul kerana Pilihanraya Umum 1990 telahpun memutuskan bahawa Parti Melayu Semangat 46 tidak sekali-kali akan diterima oleh majoriti orang Melayu sebagai pejuang dan pembela seluruh rakyat Malaysia.

Jadi, apakah segala "undi tidak percaya" terhadap Semangat 46 ini boleh membantu parti berkenaan meneruskan azam dan cita-cita perjuangannya untuk memperkuuh dan mencemerlangkan bangsa Melayu di tahun-tahun 2020? Ataupun, tidakkah krisis keyakinan itu merupakan amaran supaya seluruh orang Melayu yang berada dalam Semangat 46 wajar kembali ke pangkuan UMNO dengan seberapa segera dan secara beramai-ramai?

Dari segi Angkatan, akan mampukah pakatan ini hidup dengan cergas bila komponennya sentiasa bertelagah sesama sendiri seperti yang dihuraikan di atas? Tidakkah sudah sampai masanya bagi Angkatan dibubarkan dan Hamim serta Berjasa kembali semula ke pangkuan BN seperti era pra-1987?

Dari sudut Gagasan juga, apakah akan terjadi apabila dua komponen kuatnya - PAS dan PBS - sudah mengambil keputusan tidak akan menyertai gagasan tersebut? Mampukah Semangat 46 menjadi paksi, teras dan nadi Gagasan? Mampukah Semangat 46 mempertahankan keindukan Melayu dalam Gagasan?

Jadi, apakah pilihan yang terbuka kepada Semangat 46 sesudah Pilihanraya Umum 1990? Bergerak sementara menunggu kehancuran? Atau perlu segera dibubarkan?

Memang Semangat 46 mungkin mengamalkan prinsip lama, iaitu "berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak". Namun begitu, waspadalah, jangan sampai jagung yang ditanam tidak menjadi dan bendar padi pula gagal untuk ditenggala!

## **SE PANJANG ZAMAN**

PILIHANRAYA Umum 1990 telah membuktikan bahawa UMNO yang wujud hari ini adalah UMNO asal. Sama seperti UMNO yang telah dibunuh oleh "kumpulan Ku Li" di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988, tetap menjadi wadah utama kepada perjuangan Melayu dan berterusan menjadi teras serta induk kepada perjuangan BN.

Begitulah intisari kenyataan Datuk Radzi Sheikh Ahmad, bekas Ahli Majlis Tertinggi Semangat 46, sewaktu mengumumkan kepulangannya ke pangkuhan UMNO dan mengucapkan selamat tinggal kepada Semangat 46 pada 17 Mac 1991.

Kemasukan semula Datuk Radzi ke dalam UMNO adalah satu tamparan hebat kepada Tengku Razaleigh Hamzah selaku Presiden Semangat 46. Biarpun Datuk Radzi hanya mulai rapat dengan Tengku Razaleigh sejak 1987, beliau tetap komited dan lantang menyokong gerakan menentang BN.

Bagaimanapun, Datuk Radzi tidak bertanding di dalam Pilihanraya Umum 1990 walaupun sewaktu berada di dalam BN beliau pernah memperolehi majoriti 13,385 dengan mengalahkan calon PAS di kawasan Parlimen Kangar dalam tahun 1982, dan dengan majoriti 13,066 mengalahkan calon PAS dalam tahun 1986.

Sebab-sebab beliau tidak bertanding adalah tidak jelas. Tidak dapat dipastikan sama ada beliau tidak diberi mandat oleh Semangat 46 ataupun beliau sendiri sengaja memilih untuk tidak bertanding dalam Pilihanraya Umum 1990 kerana mulai kurang yakin dengan perjuangan parti tersebut.

Namun begitu, syukur Alhamdulillah. Akhirnya kembali juga seorang anak pejuang ke wadah politik yang turut diasas serta diperjuangkan oleh Allahyarham orang tuanya berpuluhan tahun yang silam.

Intisari kenyataan Datuk Radzi seperti di atas amat bertepatan dengan kenyataan Presiden UMNO, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, sewaktu merasmikan Perhimpunan Agung UMNO pada 28 Oktober 1988, iaitu perhimpunan pertama UMNO setelah diharamkan oleh mahkamah dan dihidupkan semula. Dato Seri Dr. Mahathir berkata:

**UMNO tidak mati. UMNO yang wujud hari ini, daripada segi semangatnya, daripada segi perjuangannya, daripada segi perlumbagaannya dan daripada segi keahliannya adalah UMNO yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946, di Istana Besar, Johor Bahru.**

**UMNO ini ialah UMNO, parti yang mewakili orang-orang Melayu semenjak tahun 1946, yang berjuang melawan Malayan Union, yang berjuang mencapai kemerdekaan,**

yang berjuang untuk mengisi kemerdekaan dengan semua keperluan dan hak satu bangsa yang merdeka, yang berjuang untuk meletakkan orang-orang Melayu khususnya sebagai Bumiputera yang mempunyai tempat tertentu dalam negara Malaya dan kemudiannya Malaysia. UMNOlah yang menjadi tulang belakang Perikatan dan kemudiannya BN.

Hukuman bahawa UMNO tidak sah adalah perkara teknikal. Pembatalan pendaftaran UMNO juga adalah teknikal. Dan pendaftarannya semula menjadi perkara teknikal juga. UMNO sebagai instrumen perjuangan orang-orang Melayu tidak pernah tidak wujud...

Seruan Datuk Radzi kepada rakan-rakannya yang masih berada dalam Semangat 46 supaya "kalau ada apa-apa cacat cela yang mereka lihat pada UMNO, marilah sama-sama kita betulkan supaya perjuangan UMNO asal terus kekal", adalah amat relevan sekali untuk diambil iktibar secara ikhlas dan jujur oleh semua orang Melayu.

Sebagai seorang anak bekas pejuang, Datuk Radzi memang sedar dan insaf akan hakikat UMNO yang sebenarnya. Beliau juga insaf lagi sedar terhadap kata-kata murni Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Presiden UMNO Kedua, seperti berikut:

**UMNO merupakan sebuah parti politik yang dasar dan tugasnya adalah sesuai dengan aliran zaman. UMNO juga sesuai dengan kemahuan orang-orang Melayu khasnya dan warganegara Malaysia umumnya. Sesia-pa yang berniat merosakkan UMNO akan merosakkan diri mereka sendiri.**

Datuk Radzi juga sedar akan kata-kata Almarhum Tunku Abdul Rahman yang terkandung di dalam buku cenderamata UMNO 20 Tahun, terbitan UMNO Malaysia tahun 1966 seperti berikut:

**UMNO ialah Badan Bangsa Melayu yang ditubuhkan dengan baik tujuannya... Segala niat dan cita-cita UMNO itu Tuhan telah kabulkan... Allah izinkan UMNO ditubuhkan dan Allah akan menyelamatkan UMNO... Saya berseru kepada ahli-ahli UMNO supaya mereka terus menerus berjuang di dalam UMNO... Apabila lenyapnya saya daripada muka bumi, maka saya perca-ya UMNO akan terus berjalan dengan kuatnya.**

Kata-kata Almarhum Tunku Abdul Rahman seperti di atas adalah di antara barisan "kata-kata keramat" mengenai UMNO yang masih sesuai dan masih relevan dengan perkembangan politik Malaysia hari ini. Sebab itu, walaupun UMNO telah dibunuhi pada 4 Februari 1988, ia berjaya dihidupkan semula seminggu sesudah itu.

Sebab itu juga, rakyat jelata memberikan mandat besar kepada UMNO, menerusi BN, dalam Pilihanraya Umum 1990 di mana BN memperolehi 127 kerusi Parlimen berbanding dengan DAP 20 kerusi, PBS 14 kerusi, Semangat 46 lapan kerusi (kini tinggal enam), PAS tujuh kerusi dan Bebas empat kerusi (kini semua berada dalam BN).

Oleh itu, adalah kurang bijaksana bagi golongan mana jua untuk berjuang menentang UMNO dan berjuang kononnya untuk menghidupkan semula UMNO asal. Usaha menentang UMNO adalah pengkhianatan. Usaha menghidupkan semula UMNO adalah sia-sia belaka.

Kalau masih ada pihak yang tidak yakin bahawa UMNO yang wujud hari ini adalah UMNO asal, dan kononnya pihak inilah yang paling layak untuk berjuang menghidupkan UMNO asal, maka pihak sedemikian bolehlah disifatkan sebagai sedang bergerak ke arah kehancuran orang Melayu dan bangsa Malaysia seluruhnya.

Tiada gunanya Melayu berlawan sesama Melayu. Tiada gunanya Islam memusuhi Islam. Jika Melayu terus-terusan bertentangan sesama Melayu, Melayulah yang akan rugi dan Melayu jugalah yang akan terkorban.

Situasi begini tidak harus berlaku. Ia perlu dielakan. Apa yang telah berlaku di kalangan Arab sesama Arab sewaktu Perang Teluk seharusnya menjadi penghalang kepada pertentangan Melayu sesama Melayu hari ini.

Semua orang Melayu dan umat Islam di Malaysia harus sentiasa berwaspada terhadap masalah perpaduan sesama bangsa dan agama. Dato Seri Dr. Mahathir berkali-kali mengingatkan bahawa perpaduan sesama bangsa dan agama adalah penting untuk dipelihara.

Sewaktu berucap di Perhimpunan Agung UMNO pada 4 November 1993, Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan seperti berikut:

**Dengan berakhirnya Perang Dingin dan dengan keruntuhan sistem komunisme, besar kemungkinan Barat akan mengalih perhatiannya kepada Islam. Sudah ada tanda-tanda bahawa Barat kini menganggap Islam sebagai satu ancaman kepada mereka. Ada kemungkinan kita akan menjadi sasaran serangan Barat secara langsung. Dengan kelemahan kita sekarang, serangan oleh Barat boleh menghancurkan kita sama sekali.**

Berasaskan kepada kenyataan di atas, tidak ada sebab mengapa semua orang Melayu dan umat Islam di Malaysia tidak bernaung di bawah UMNO yang menjadi teras pemerintahan negara.

Kepada mereka yang masih lagi disesatkan oleh perjuangan Semangat 46, wajar untuk mereka kembali ke pangkuan UMNO seperti yang dilakukan oleh Datuk Radzi.

## **PERJUANGAN LAYU**

MAC 1991: Pilihanraya Umum 1990 baru lima bulan berlalu. Namun begitu, kepemimpinan Semangat 46 sudah mula haru-biru. Ketua Pergerakan Pemudanya, Datuk Haji Ibrahim Ali, meletakkan semua jawatannya dan sekaligus mengucapkan "sayonara" kepada parti tersebut pada 22 Mac 1991.

Dalam surat peletakan jawatannya yang diserahkan sendiri kepada Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Haji Ibrahim berkata bahawa tindakannya keluar dari Semangat 46 adalah bagi membolehkannya mencorak perjuangan politik yang beliau kira wajar selepas Pilihanraya Umum 1990.

Berikut adalah kandungan penuh surat perletakan jawatan tersebut:

**Dengan perasaan dan hati yang berat, setelah memikir secara halus semua aspek, patik dengan rendah diri memohon meletakkan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Semangat 46 Malaysia dan Tim-**

balan Ketua Bahagian Semangat 46 Pasir Mas serta lain-lain jawatan yang berkaitan dan juga mengundur diri sebagai ahli Semangat 46 Malaysia.

Patik sedar keputusan yang patik lakukan ini mengejutkan dan mengecewakan YBM Tengku Presiden, Ahli-Ahli Majlis Kerja Tertinggi, Exco Pemuda, Exco Wanita dan juga ahli-ahli Semangat 46 seluruh negara. Langkah patik ini jauh sekali dari menderhaka kepada YBM Tengku. Patik lakukan ini adalah untuk kebaikan bagi mencorak perjuangan politik yang patik kira wajar sesudah pilihanraya umum baru-baru ini.

Pada patik, hubungan peribadi dengan YBM Tengku dan rakan-rakan dalam perjuangan Semangat 46 Malaysia tidak akan putus buat bila-bila. Patik akan terus berhubung dengan YBM Tengku, jika diizinkan seperti biasa.

Patik sememangnya amat terhutang budi kepada YBM Tengku yang membimbang patik dalam politik dan membantu patik dalam kesusahan. Patik juga bangga kerana dapat berjuang serta berkorban membantu perjuangan yang dipimpin oleh YBM Tengku kurang lebih hampir 10 tahun dengan berbagai cabaran dan penderitaan serta pengalaman yang sangat bermakna.

Patik akan terus berjuang membawa falsafah dan kepercayaan perjuangan yang dipimpin oleh YBM Tengku, tetapi dalam suasana dan gelanggang yang berbeza. Masa dan ketika akan membuktikan kebenaran ini, Insya-Allah. Pada patik, YBM Tengku adalah pemimpin, bapa dan segala-galanya. Janganlah sekali-kali menyalahafsirkan keputusan patik ini. Patik akan te-

rus berikrar berjuang seperti biasa untuk agama, bangsa dan negara.

**Sekali lagi patik menjunjung kasih dan ampun di atas keputusan yang patik buat ini. Pada Allah jua patik berserah.**

Begitulah tertib dan berjurusnya lenguk bahasa Datuk Haji Ibrahim sewaktu mengucapkan selamat tinggal kepada Semangat 46. Keberanian serta kesanggupannya meninggalkan Tengku Razaleigh yang disifatkannya sebagai "pemimpin, bapa dan segala-galanya" itu amat dikagumi ramai.

Keputusan Datuk Haji Ibrahim ini memeranjatkan majoriti pemimpin Semangat 46 kerana beliau yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas adalah "panglima" utama Tengku Razaleigh. Biarpun Datuk Haji Ibrahim adalah di antara tokoh yang menaja kelahiran parti berkenaan, beliau mengambil tindakan yang drastik ini kerana katanya "Semangat 46 sudah habis." Semangat perjuangannya terkulai layu di pertengahan jalan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa perjuangan Tengku Razaleigh selaku Presiden Semangat 46 "belum berakhir kerana ia berjuang menentang Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad." Sebaliknya, kata beliau, majoriti ahli Semangat 46 pula berjuang untuk memulihkan kembali UMNO lama.

Oleh kerana Semangat 46 kecundang dalam Pilihanraya Umum 1990, Datuk Haji Ibrahim telah mendesak Majlis Tertinggi partinya untuk mengiktiraf kemenangan UMNO. Desakannya tidak diendahkan. Inilah pendorong utama beliau kembali ke pangkuhan UMNO.

Datuk Haji Ibrahim juga mendakwa bahawa beliau tidak boleh meneruskan perjuangan dalam Semangat 46 kerana terdapat kalangan pemimpin parti tersebut “**yang serba salah dalam menentukan masa depan politik masing-masing setelah Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh UMNO mencapai kejayaan dalam Pilihanraya Umum 1990.** Malah ada Ahli Majlis Tertinggi Semangat 46 yang mencadangkan supaya parti itu dibubarkan.”

Beliau juga mengatakan bahawa PAS tidak patuh kepada perjanjian yang dimeterai menerusi Angkatan sebelum Pilihanraya Umum 1990. Beliau kesal terhadap hakikat ini, khususnya mengenai perlantikan dua Menteri Besar Kelantan. Pelanggaran perjanjian oleh pihak PAS disifatkannya sebagai “**paling memalukan rakyat Kelantan.**”

Walaupun Datuk Haji Ibrahim tidak berterus terang mengatakan yang beliau akan rujuk semula kepada UMNO, semua pihak yakin beliau akan berbuat demikian. Spekulasi ini terbukti benar.

Majlis Tertinggi UMNO yang bersidang pada 30 Mac 1991 meluluskan permohonan Datuk Haji Ibrahim menyertai semula UMNO bersama ADUN Kelantan Kawasan Sungai Pinang, Nordin Salleh, Azmi Ali (adiknya) selaku Pemangku Ketua Bahagian Parti Melayu Semangat 46 Tumpat, Encik Abdullah Nor selaku Ahli Jawatankuasa Semangat 46 dari bahagian yang sama.

Dengan kemasukan Datuk Haji Ibrahim ke dalam UMNO secara rasmi, BN mempunyai 128 kerusi di Dewan Rakyat sementara kerusi Semangat 46 merosot kepada tujuh sahaja. Perkembangan tersebut juga membolehkan

BN mempunyai sebuah kerusi di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Kembalinya Datuk Ibrahim ke pangkuan UMNO dan BN diterima baik oleh semua pihak. Beliau menjadi seorang ahli Backbencher Barisan Nasional yang aktif dan efektif. Berkat kesungguhannya, beliau pun dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada Februari 1995.

Banyak iktibar yang tercetus dari tindakan Datuk Haji Ibrahim yang meninggalkan Semangat 46. Pertama, parti tersebut semakin kehilangan pengaruh. Kedua, ia tidak sesuai dengan citarasa perjuangan orang Melayu. Ketiga, parti berkenaan tidak pasti akan berjaya menumpaskan BN dalam pilihanraya umum akan datang.

Oleh itu, memang wajarlah sekiranya hari demi hari semakin ramai ahli-ahli serta tokoh-tokoh besar parti tersebut mengucapkan "sayonara" kepada Parti Melayu Semangat 46 dan kembali semula ke pangkuan perjuangan UMNO serta BN.

## **ANGKATAN / GAGASAN BERPECAH BELAH**

*PADA 24 Disember 1988, Tengku Razaleigh Hamzah telah mengumumkan bahawa beliau dan Semangat 46 bekerjasama dengan PAS. Pengumuman tersebut yang dilaporkan oleh Berita Harian keesokannya, menjadi hakikat dengan kewujudan Angkatan Perpaduan Ummah.*

*Menurut Watan 8 Disember 1988 Tengku Razaleigh menegaskan, "DAP bukanlah sebuah parti yang anti Melayu sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak."*

*Kenyataan tersebut mendorong kewujudan Gagasan Rakyat Malaysia yang dipelopori oleh Semangat 46 dan DAP menjadi satu dari keluarga utamanya.*

*Maka Semangat 46, Angkatan dan Gagasan pun bersatu padulah di dalam Pilihanraya Umum 1990 dengan manifestonya "Selamatkan Malaysia".*

*Pakatan siasah seperti di atas tidak tahan lama. Menjelang Pilihanraya Umum 1995 ini, Angkatan dan Gagasan mula kelam-kabut dan dilatari bibit-bibit perpecahan.*

*Contohnya, Tengku Razaleigh berkata di Parit Sulong, Johor pada 18 Mac 1995, bahawa "dalam pilihanraya umum kali ini (1995), Semangat 46, DAP dan PAS akan bergerak secara bersendirian tanpa sebarang ikatan walaupun pada dasarnya hubungan ketiga-tiganya masih baik."*

*Kenyataan terbaru seperti yang dilaporkan oleh Utusan Malaysia 20 Mac 1995 ini adalah satu bukti yang Angkatan dan Gagasan adalah pakatan yang sementara dan tidak akan wujud lagi dalam Pilihanraya Umum 1995.*

## **HILANG HALUAN**

FEBRUARI 1994: Krisis kepemimpinan yang serius dalam Semangat 46 jadi semakin nyata. Inilah bukti bahawa parti tersebut memang sudah tidak berpengaruh. Ia hanya wujud untuk memenuhi kepentingan Tengku Razaleigh Hamzah. Ia hanya wujud untuk memenuhi kepentingan politik PAS yang menjadi sahabat karibnya dalam Angkatan. Ia juga wujud untuk berkhidmat kepada DAP yang menjadi rakan kongsi utamanya dalam Gagasan. (DAP telah meninggalkan Gagasan pada 25 Januari 1995).

Pada 1 Februari 1994, Ketua Pergerakan Wanita Semangat 46, Datin Paduka Hajah Rahmah Osman, bersama 482 orang pengikutnya telah mengucapkan selamat tinggal kepada parti tersebut. Beliau kembali ke pangkuhan UMNO yang mana suatu ketika dulu beliau menjadi Naib Ketua Pergerakan Wanitanya.

Dengan suasana terharu yang diiringi tangisan, Datin Paduka Hajah Rahmah menyerahkan borang memasuki semula UMNO kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Presiden UMNO. Datin Paduka Hajah

Rahmah menangis kerana terlalu gembira dapat kembali ke jemaah perjuangan UMNO. Majlis tersebut turut disaksikan oleh Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib selaku Pengurus Perhubungan UMNO Selangor merangkap Naib Presiden UMNO.

Datin Paduka Hajah Rahmah mengucapkan selamat tinggal kepada Semangat 46 kerana "parti itu tidak melakukan sebarang perubahan untuk kepentingan orang Melayu. Sebagai seorang ahli politik, saya ingin berjuang untuk kepentingan bangsa. Tetapi, ia tidak dapat dilakukan oleh Semangat 46. Dengan itu, saya memilih untuk kembali semula kepada UMNO yang benar-benar berjuang ke arah itu."

Datin Paduka Hajah Rahmah dianggap sebagai seorang pejuang kontroversial dan tidak takut untuk meluahkan teguran, baik kepada kawan atau lawan. Beliau mempunyai kelulusan kewartawanan dan pernah menjadi Ketua Satu Persatuan Wartawan Malaysia (Pertama) pada 1978, Setiausaha Agung Pertubuhan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) dan Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO).

Beliau memulakan kerjaya politiknya pada 1958 dengan mengetuai UMNO Cawangan Sungai Way dan menjadi Penolong Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO Malaysia selama lapan tahun sejak 1968. Beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada 1976 dan kemudian Ahli Parlimen Selayang daripada 1982 hingga 1986. Mulai 1986 hingga 1990 beliau menjadi Ahli Parlimen Shah Alam.

Datin Paduka Hajah Rahmah pernah memegang jawatan Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dari September 1986 hingga Jun 1988. Pada tahun 1982

beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Penerangan dan seterusnya Timbalan Menteri Pengangkutan dalam rombakan Kabinet 1984. Beliau dipecat daripada Kabinet pada 7 Mei 1987 selepas Perhimpunan Agung UMNO April tahun tersebut.

Datin Paduka Hajah Rahmah menyertai Semangat 46 sejak penubuhannya pada tahun 1989. Kemudian beliau menjadi Ketua Wanita parti berkenaan sehinggalah meletakkan semua jawatan yang dipegangnya pada Mac 1992.

Sewaktu Pilihanraya Umum 1990, Datin Paduka Hajah Rahmah bertanding atas tiket Semangat 46 di kawasan Parlimen lamanya, iaitu Shah Alam, Selangor. Beliau yang menentang Datin Paduka Hajah Rakibah Haji Abdul Manap dari BN hanya memperolehi 25,129 undi berbanding 41,767 yang diperolehi oleh lawannya. Dalam Pilihanraya Umum 1986, Datin Paduka Hajah Rahmah bertanding di kawasan Parlimen Shah Alam dan memperolehi 32,714 undi, iaitu dengan majoriti 24,835 undi.

Dalam wawancara dengan Pengarang Mingguan Malaysia, Saudara Ahmad Abdul Hamid, seperti yang disiarkan pada 14 Ogos 1994, Datin Paduka Hajah Rahmah telah menghuraikan berbagai aspek kepincangan Semangat 46.

Katanya: "Tengku Razaleigh dan pemimpin-pemimpin Semangat 46 yang lain mungkin masih menaruh harapan yang tinggi untuk memerintah, tetapi harapan itu tidak akan menjadi kenyataan. Harapan parti tersebut mendapat sokongan rakyat kian tipis kerana ternyata parti itu sudah hilang haluan dan menyimpang jauh daripada matlamat asal."

Katanya lagi: "Parti itu tidak berani tampil ke depan dalam isu-isu penting dibandingkan dengan DAP dan PAS yang menjadi rakannya dalam Gagasan dan Angkatan. Misalnya, tidak lama dahulu timbul dakwaan daripada Australia bahawa ahli-ahli politik pembangkang Malaysia menerima sogokan. DAP mengemukakan bantahan melalui kedutaan Australia. Tetapi, Semangat 46 tidak berbuat apa-apa. Jika usaha DAP itu berjaya, itu adalah kerana usaha sendiri, bukan kerana Gagasan."

"Selepas Pilihanraya Umum 1990, saya mengemukakan petisyen di Mahkamah Tinggi mencabar keputusan pilihanraya Parlimen Shah Alam di mana saya bertanding menentang calon BN. Tanpa pengetahuan saya, Tengku Razaleigh mengarahkan saman saya ditarik balik. Perkara ini diberitahu kepada saya oleh Setiausaha Agung, Datuk Suhaimi Kamaruddin."

"Bila saya tanya kepada Tengku Razaleigh kenapa saman itu ditarik balik, dia memberitahu saya, saya tidak akan menang. Katanya lagi, saman tersebut memerlukan perbelanjaan dan parti tidak mempunyai wang untuk membayainya," katanya.

Datin Paduka Hajah Rahmah menegaskan lagi: "Tujuan saya bukan semata-mata hendak menang tetapi hendak menunjukkan ada penyelewengan dan ini sekurang-kurangnya berguna untuk renungan pihak berkuasa. Perbuatan Tengku Razaleigh itu menunjukkan dia sendiri tidak yakin dengan parti pimpinannya."

Mengenai kerjasama Semangat 46 dengan PAS beliau berkata: "Angkatan tidak berkesan kerana anggotanya tidak sehaluan dan tidak bekerjasama. Contohnya, Kerajaan Pas Kelantan kini menghadapi masalah ekonomi

tetapi Semangat 46 tidak memberi sebarang bantuan bagi mengatasi masalah tersebut."

"Gagasan dan Angkatan tidak akan berjaya kerana setiap anggota komponennya mempunyai kepentingan politik tersendiri. Matlamat Pas adalah untuk memerintah dan ini telah dicapai di Kelantan. DAP pula hanya mahu menjadi pembangkang dan ia tidak berhasrat memerintah. Matlamat Semangat 46 adalah untuk menghidupkan UMNO. Sayangnya, setelah UMNO dihidupkan, pemimpin-pemimpin Semangat 46 tidak pula kembali ke pangkuhan UMNO."

Datin Paduka Hajah Rahmah menyifatkan perjuangan Semangat 46 sekarang "sebenarnya dendam peribadi Tengku Razaleigh terhadap Dato Seri Dr. Mahathir. Tengku Razaleigh enggan memasuki UMNO semula semata-mata kerana Dato Seri Dr. Mahathir masih ada. Baginya, Dato Seri Dr. Mahathir adalah seteru. Tengku Razaleigh mengambil pendirian yang salah. Ketika Dato Seri Dr. Mahathir terus popular di dalam dan luar negara, Tengku Razaleigh makin tersisih. Lama kelamaan dia akan dilupakan langsung dan karier politiknya berkecici."

Seterusnya beliau melahirkan simpati terhadap lain-lain tokoh yang masih lagi berada di dalam Semangat 46. Katanya: "Saya kasihan kepada rakan-rakan yang masih berada dalam Semangat 46 seperti Datuk Rais Yatim dan Datuk Zainal Abidin Zin kerana menjalani perjuangan yang sia-sia sedangkan mereka boleh menjadi pemimpin yang baik."

Datin Paduka Hajah Rahmah berharap tokoh-tokoh tersebut di atas akan kembali ke pangkal jalan dengan memasuki UMNO dan terus memberikan khidmat kepada rakyat sekalipun tidak memegang jawatan.

Begitulah suara hati Datin Paduka Hajah Rahmah mengenai Semangat 46 yang ditinggalkannya. Begitulah juga suara hati beliau mengenai UMNO yang dianggotainya semula.

Suara-suara kalbu ini seharusnya mendorong lebih ramai ahli Semangat 46 untuk mengucapkan selamat tinggal kepada partinya sekarang dan rujuk semula kepada UMNO.

## MUNGKIR IKRAR

27 September 1994: Marina Yusoff, salah seorang Naib Presiden Semangat 46, buat pertama kalinya membuat kenyataan terbuka bahawa beliau telah kembali ke pangkuhan UMNO sejak "kira-kira empat tahun lalu". Marina meletakkan semua jawatannya dalam Semangat 46 sejak November 1990 dan menganggotai semula UMNO mulai Disember tahun yang sama.

Beliau mengambil keputusan tersebut kerana memprotes sikap pucuk pimpinan partinya yang enggan beramai-ramai menganggotai UMNO sesudah Pilihanraya Umum 1990 yang mana Semangat 46 telah gagal menumbangkan Barisan Nasional (BN).

Menurut **Utusan Malaysia** 28 September 1994, Marina menegaskan bahawa "berdasarkan keputusan asal pucuk pimpinan Semangat 46, mereka akan menyertai UMNO sekiranya gagal dalam Pilihanraya Umum 1990."

Marina juga berkata bahawa "perjuangan kami (Semangat 46) ialah untuk menghidupkan semula UMNO

lama. Kami telah berikrar sesama sendiri bahawa sekiranya kami berjaya dalam Pilihanraya Umum 1990, kami akan ambil masuk semula semua ahli-ahli UMNO Baru ke pangkuan kami. Tetapi, sekiranya kami gagal, kami akan sama-sama menyertai UMNO Baru kerana pada kami, tidak ada pilihan lain untuk menyatupadukan orang UMNO Baru dan lama."

Kenyataan Marina seperti di atas, walaupun pendek, tetapi padat dengan tafsiran dan implikasinya terhadap perjuangan Semangat 46 dan mungkin juga terhadap perjuangan Tengku Razaleigh Hamzah.

**Pertama:** Kenyataan itu membuktikan bahawa di kalangan kepemimpinan Parti Melayu Semangat 46 memang terdapat suatu ikrar bahawa jika parti mereka tewas dalam Pilihanraya Umum 1990, parti itu akan dibubarkan dan keseluruhan pemimpin serta ahli-ahlinya akan kembali ke pangkuan UMNO.

**Kedua:** Kenyataan Marina seperti di atas membuktikan bahawa kepemimpinan tertinggi Semangat 46 kini telah melanggar ikrarnya sendiri. Sebaliknya, mereka meneruskan perjuangan yang menyimpang jauh dari matlamat asalnya, iaitu menghidupkan UMNO lama, dan jika gagal, mereka hendaklah kembali ke pangkuan UMNO yang wujud hari ini.

**Ketiga:** Kenyataan di atas membuktikan bahawa perjuangan Semangat 46 di era pasca Pilihanraya Umum 1990 adalah suatu perjuangan yang kelihatannya hanya untuk menampung minat-minat yang sempit dan peribadi.

**Keempat:** Kenyataan di atas juga membawa mesaj bahawa oleh kerana Semangat 46 kini telah mengingkari ikrarnya sendiri, ia tidak lagi perlu didukung

ataupun disokong oleh orang Melayu yang cintakan perpaduan. Ini bermakna, seluruh pemimpin dan ahli perlu segera mengucapkan selamat tinggal kepada perjuangan Semangat 46 demi bangsa, agama dan tanahair.

Demikianlah tafsiran dan implikasi kenyataan Marina. Beliau kembali ke pangkuhan UMNO kerana cintanya kepada UMNO yang tidak pernah kunjung padam. Beliau kembali kepada UMNO "dengan ikhlas dan kerelaan hati sendiri, tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak sekalipun."

Jika diimbau kembali pendirian serta kenyataan-kenyataan Marina sewaktu berkelana dengan Semangat 46, tidak sesiapa menjangka beliau akan kembali ke pangkuhan UMNO dan menerima kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Marina pernah menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Beliau merupakan serikandi Semangat 46 yang vokal dan lantang. Beliau adalah seorang dari tokoh parti tersebut yang sering mendapat liputan akhbar. Beliau mengakui membantu "kumpulan 11" yang telah mengheret UMNO ke mahkamah sesudah Perhimpunan Agung UMNO 1987.

Dalam Pilihanraya Umum 1990, Marina dikehilangkan oleh Semangat 46 untuk bertanding di kawasan Parlimen Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan. Beliau mendapat 18,309 undi berbanding dengan Mohamed Kamal Hussain dari BN yang memperolehi 25,643, iaitu dengan majoriti 7,334 undi.

Tetapi, memang begitulah hakikatnya. Hanya orang yang ikhlas sahaja mahu kembali ke pangkuhan UMNO setelah berada di luar gelanggang sejak 1988. Syabas Marina!

Mungkin atas alasan yang samalah juga maka ramai lagi tokoh Semangat 46 telah meninggalkan perjuangan parti tersebut. Mereka termasuklah Dato' Harun Idris, Dato' Zainal Abidin Johari, Fahmi Ibrahim, Mazlan Harun, Datin Paduka Hajah Rahmah Osman, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Datuk Wira Ahmad Nordin, Datuk Haji Ibrahim Ali dan Zainal Rampak.

Oleh itu, setiap pemimpin dan ahli Semangat 46 yang masih terus menerus bersama Tengku Razaleigh wajar mengambil iktibar dari keputusan Marina dan sahabat-sahabatnya.

Mereka hendaklah berani "menepuk dada dan bertanyakan diri sendiri" sama ada kehadiran mereka dalam Semangat 46 selaras dengan aspirasi orang Melayu, sama ada perjuangan Semangat 46 serasi dengan citarasa politik orang Melayu, dan sama ada perjuangan Semangat 46 akan membawa sebarang faedah kepada bangsa Melayu.

Mereka juga wajar membuat keputusan sama ada mahu terus berjuang di dalam Semangat 46 dan menyumbang kepada perpecahan Melayu, atau sama ada akan mengucapkan selamat tinggal kepada Semangat 46 demi perpaduan bangsa Melayu.

Kebijaksanaan pasti akan mengatasi emosi dan rasa taksub terhadap tokoh-tokoh yang masih menerajui Semangat 46 yang mendakwa dirinya sebagai "Melayu Jati" tetapi kelihatannya bertindak untuk memusuhi Melayu.

Kebijaksanaan juga yang akan menjadikan golongan yang masih terperangkap di dalam perjuangan Semangat 46 untuk memberitahu pucuk pimpinan mereka bahawa "kemajuan negara" akan hanya "dapat dinikmati oleh semua

rakyat, terutamanya umat Melayu yang menjadi asas keutuhan agama Islam di negara ini" jika politik Malaysia mantap dan perpaduan Melayu berada di peringkat yang paling maksimum.

Lantaran itu, beritahulah kepada Tengku Razaleigh bahawa kata-kata (dengan tulisan tangan seperti yang terkandung di dalam mesej hari rayanya) bahawa "Melayu mestilah menjadi teras pembinaan negara kerana Melayu adalah tuan asal bumi bertuah ini", tidak akan memberi makna langsung sekiranya percakaran, persengketaan dan permusuhan siasah antara Melayu dengan Melayu tidak diberhentikan segera.

Akhir sekali, katakanlah kepada Tengku Razaleigh bahawa melanggar ikrar perjuangan diri sendiri adalah bukti ketiadaan disiplin di dalam perjuangan Semangat 46. Oleh itu, ucapkanlah selamat tinggal kepada Semangat 46 seperti yang telah pun diucapkan oleh Marina serta sahabat-sahabatnya!

## **TENGKU RAZALEIGH DAHULU DAN SEKARANG**

*PADA 25 April 1987, setelah gagal mengalahkan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, "nasibnya dalam Kerajaan terletak di tangan Perdana Menteri dan beliau sedia menerima apa juga keputusannya."*

*Menurut Utusan Malaysia 26 April 1987, Tengku Razaleigh berkata bahawa beliau, "menerima keputusan para perwakilan walaupun menjangka akan menang." Beliau juga menasihati para penyokongnya menerima keputusan "yang telah dibuat selaras dengan lunas-lunas demokrasi."*

*Tengku Razaleigh juga manafikan kononnya beliau dan rakan-rakannya akan menujuhkan sebuah parti baru untuk menentang UMNO. Beliau menyifatkan ramalan itu sebagai karut. Katanya, "saya akan mati sebagai seorang Islam dan sebagai ahli UMNO."*

*Segala kenyataan di atas terbukti telah berubah realitinya. Tengku Razaleigh tidak lagi bersama UMNO. Beliau gagal menghormati keputusan pertandingan di atas. Beliau nampaknya, tidak langsung menasihati Kumpulan 11 supaya tidak mengheret UMNO ke mahkamah.*

*Sekarang, Tengku Razaleigh adalah Presiden Semangat 46. Beliau mengepalai segelintir orang Melayu menentang UMNO. Perjuangan ini yang terbukti gagal dalam Pilihanraya Umum 1990, nampaknya diteruskan sehingga Pilihanraya Umum 1995.*

*Bagaimanakah kita mahu mengukur wibawa sebuah perjuangan seperti ini? Bagaimanakah kita mahu mengukur wibawa Tengku Razaleigh yang mendakwa sebagai seorang "Melayu yang paling jati"?*

## **ANGKATAN DIGEGAR**

MOHAMAD Sabu ayam sabung PAS. Dia galak dan garang. Menaji dan menerajang sesiapa jua yang kononnya memusuhi partinya - tanpa mengira masa, tanpa mengira bahasa. Keterlanjurannya amat bersahaja. Keceluparannya amat berselamba. Baru-baru ini beliau mendabik dada bahawa "suaranya yang lunak merdu" akan digunakan untuk membelasah Barisan Nasional (BN) di dalam ceramah pra-Pilihanraya Umum 1995.

Malang memang tidak berbau. Dalam keghairahannya "membelasah" BN dari pentas ke pentas, dari negeri ke negeri - dengan fitnah dan dakyah - tiba-tiba Mohamad Sabu diberkas oleh Pegawai Pencegah Maksiat, Jabatan Agama Islam Kelantan, atas tuduhan berkhalwat dengan isteri orang!

Naib Ketua Pemuda PAS Pusat ini ditangkap di bilik 121 Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan, pada jam 10.15 pagi, 31 Januari 1995. Wanita bukan muhrim yang diberkas bersamanya adalah isteri "sahabatnya" yang merangkap

"wakil peribadinya". Wanita comel loteh itu bernama Norma Abdul Halim. Suaminya dikenali sebagai Bukhari Mohd. Noor.

Maka, sensasilah nama Mohamad Sabu yang juga Ahli Parlimen (PAS) Nilam Puri, Kelantan. Beliau pun jadi watak dalam PAS yang paling "top" dengan sekelip mata, bukan kerana prestasi dan budi bahasanya. Tetapi, kerana kes khalwatnya. Inilah kelebihan sesetengah orang PAS!

Lantaran itu juga, tercetuslah satu paradoks dalam lipatan sejarah hidup Mohamad Sabu. Seperti kata kolumnis Mingguan Malaysia 26 Februari 1995, akibat tuduhan tersebut, Mohamad Sabu pun menjadi "ayam laga yang hilang taji."

Kata akhbar itu lagi, "tukang canang dan kentung (PAS) pasal moral dan akhlak orang lain kena cekup kerana kesalahan moral dan akhlak."

Berikutan itu, lahirlah seribu satu kisah dongeng tentang mengapakah Mohamad Sabu diberkas - dongeng untuk menegakkan benang yang basah, bukannya dongeng yang menafikan dakwaan terhadap yang tertuduh.

PAS pun ghairahlah mempolitikkan kes khalwat Mohamad Sabu yang meletus sehari sebelum bulan Ramadhan 1995. PAS pun menganjurkan "pesta jalanan" ataupun "road show" untuk Mohamad Sabu.

Siri ceramah yang dirangkumkan ke dalam "pesta jalanan" itu pun dijadikan "mahkamah terbuka" ataupun "mahkamah litar". Maka Mohamad Sabu pun membela diri sambil menyebarkan fitnah bahawa kononnya musibah yang menimpa dirinya adalah hasil perancangan UMNO dan BN.

Ketua Dewan Ulamak PAS merangkap Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat, turut diheret membentengi Mohamad Sabu. Beliaulah orang yang paling bertanggungjawab mewujudkan "mahkamah rakyat" berkenaan. Beliaulah yang mengarahkan Mohamad Sabu supaya membawa Norma dan suaminya, Bukhari, untuk siri ceramah menafikan tuduhan khalwat tersebut.

Dorongan Haji Nik Aziz ke arah penubuhan mahkamah berkenaan diakui sendiri oleh Mohamad Sabu sewaktu berceramah di Kawasan Parlimen Nilam Puri pada 1 Februari 1995.

Contohnya, setelah menyatakan bahawa orang pertama yang ditemuinya sesudah peristiwa tersebut adalah suami Norma, Mohamad Sabu pun berkata:

"Orang kedua saya temui ialah pemimpin kita di Kelantan, Tuan Guru Haji Nik Aziz... Beliau memberi satu perangsang yang cukup kuat kepada saya. Dia kata, Mat, kamu jangan berehat walau satu saat. Teruskan ceramah kamu sehingga BN terguling dalam pilihanraya yang akan datang. Bahkan kata Tok Guru, bagaimana, suaminya tu, boleh ceramah tak? Saya kata, boleh kot... Katanya, bawa dia ceramah. Isteri dia sekali. Biar dia kata, siapa nak merangkap siapa sekarang ini!"

Haji Nik Aziz juga merupakan pemimpin PAS pertama yang membuat kenyataan akhbar, kononnya Mohamad Sabu telah ditangkap khalwat atas perancangan pihak-pihak tertentu.

Contohnya, Utusan Malaysia 1 Februari 1995 memetik Haji Nik Aziz sebagai berkata bahawa "kejadian yang membabitkan Mohamad Sabu dan Norma Abdul Halim adalah perangkap pihak-pihak tertentu."

Haji Nik Aziz juga percaya bahawa "perancangan yang tersusun rapi dibuat oleh pihak-pihak tertentu pada saat-saat menjelang pilihanraya kerana (pihak tersebut) tidak senang dengan Mohamad Sabu yang dikenali sebagai pemimpin yang lantang dan sukar dipatahkan oleh pihak lawan."

Memang Haji Nik Aziz tidak menyebut secara khusus, siapakah yang telah memerangkap Mohamad Sabu. Bagaimanapun, segala-galanya menuding kepada UMNO dan BN. Hakikat ini terbukti dari kenyataan-kenyataan Mohamad Sabu.

Bagaimanapun, kenyataan Haji Nik Aziz itu telah menimbulkan tiga implikasi besar.

**Pertama: Kepada PAS, Mohamad Sabu seolah-olah tidak bersalah.**

**Kedua: PAS nampaknya berpendirian bahawa Mohamad Sabu telah dianaiya.**

**Ketiga: Pihak-pihak tertentu yang dimaksudkan pastinya pihak bukan PAS. Mungkinkah UMNO dan Barisan Nasional?**

Tindakan Haji Nik Aziz merestui penubuhan "mahkamah terbuka" dan kenyataan beliau bahawa Mohamad Sabu telah diperangkap oleh "pihak-pihak tertentu" seperti di atas adalah satu tindakan yang paling tidak bertanggung-jawab.

Restu tersebut seolah-olah menafikan kewujudan Mahkamah Syariah yang pada peringkat awalnya dijangka membicarakan kes Mohamad Sabu dan Norma di Kota Bharu 14 Februari 1995.

(Mohamad Sabu dan Norma telah dihadapkan ke Mahkamah Syariah Kota Bahru pada 21 Februari 1995. Kedua-duanya mengaku tidak bersalah dan perbicaraan kes mereka akan diadakan pada 2 dan 3 Mei 1995. Pada 22 Februari 1995, Mohamad Sabu meletakkan semua jawatannya dalam PAS.)

Mengapakah PAS tergamak menjadikan kes Mohamad Sabu sebagai satu lencongan politik untuk memfitnahkan musuhnya - UMNO dan BN? Mengapakah kes yang belum diadili oleh mahkamah itu diperbesar-besarkan di pentas-pentas ceramah politik PAS, khususnya oleh pihak-pihak tertuduh yang tidak partisen, apatah lagi untuk berterus-terang?

Diversion ataupun lencongan politik ini jelas terpancar menerusi ledakan-ledakan hentaman Mohamad Sabu dalam ceramahnya di Nilam Puri baru-baru ini. Mohamad Sabu berkata bahawa pihak yang memerangkap serta menganiaya beliau menerusi tuduhan khalwat tersebut adalah UMNO dan BN.

Katanya, tindakan tersebut bermatlamat menumbangkan beliau serta membinasakan PAS dan APU. Dalam ceramah tersebut, Mohamad Sabu juga menegaskan kononnya UMNO dan BN berusaha menggulingkan beliau kerana beliau berani membuat pendedahan demi pendedahan mengenai UMNO.

Berikut adalah sedutan kenyataan Mohamad Sabu di Nilam Puri seperti yang terkandung dalam tape "sensasi terkini" yang dijual secara meluas sewaktu satu ceramah yang serupa diadakan di Markas Tarbiyyah Pas Pusat, di Kuala Lumpur, 6 Februari 1995 yang lalu:

"Saya telah ditahan dua kali di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri). Mereka nampak nak makan saya dengan ISA tak jadi. Memang dua bulan lepas, bila timbul isu nak buang perkataan Islam, ada desakan dari Ahli-Ahli Parlimen supaya saya ditahan sekali lagi di bawah ISA. Berita bertiup kencang, pemimpin-pemimpin PAS menerima panggilan telefon mengatakan saya telah ditahan di bawah ISA."

"Akhirnya mereka tak jadi tahan, sebab mereka fikir ISA tak boleh makan saya. Oleh itu, mereka cari plot lain bagaimana hendak menjatuhkan saya hamba yang kerdil ini, sebab mereka tahu, di Kelantan atau di luar Kelantan, terutama di Negeri Kedah, kalau saya pergi, sambutan yang diberikan tak kurang dari 10,000 orang datang dengar ceramah. Entinya kalau saya tak dijatuhkan menjelang pilihanraya, mereka takut umur UMNO hampir mampus."

Kenyataan di atas telah diselang-selikan dengan teriakan takbir yang penuh semangat. Begitulah gelagat PAS yang oportunis dan penuh ironi. Kenyataan orang tertuduh di "mahkamah terbuka" itu diambil sebagai hakikat yang sebenar-benarnya. Inilah agaknya yang dikehendaki oleh Haji Nik Aziz "sehingga BN tumbang dalam pilihanraya yang akan datang."

Kenyataan di atas juga membuktikan bahawa "pihak-pihak tertentu" seperti yang dikatakan oleh Haji Nik Aziz dalam kenyataan akhbaranya baru-baru ini adalah UMNO dan BN. Hakikat tersebut jelas diperkatakan oleh Mohamad Sabu selaku Naib Ketua Pemuda PAS Pusat. Jadi, tidak payahlah Haji Nik Aziz bersusah payah menafikan bahawa beliau tidak menuduh UMNO memerangkap Mohamad Sabu.

Parti Melayu Semangat 46 hanya membisu mengenai perkembangan terbaru di dalam PAS, khususnya mengenai kes Mohamad Sabu. Namun begitu, pada 11 Februari 1995, parti tersebut pun memutuskan bahawa ia akan menggunakan satu manifesto berasingan (dari PAS) dalam pilihanraya umum kali ini.

Kenyataan tersebut adalah satu tamparan kepada PAS yang sedang diulit masalah dalaman. Sumber-sumber Semangat 46 dilaporkan oleh Utusan Malaysia 12 Februari 1995 bahawa "kes penangkapan khalwat Naib Ketua Pemuda PAS Pusat, Mohamad Sabu, merupakan tamparan hebat pada kredibiliti parti yang mendakwa Islam itu."

Selanjutnya, akhbar berkenaan melaporkan bahawa "Semangat 46 tidak mahu terseret di dalam kontroversi itu. Walaupun ia merupakan masalah dalaman PAS, tetapi kesannya amat buruk kepada nama baik APU."

Sebab itulah Semangat 46 mengambil keputusan seperti di atas, iaitu menggunakan satu manifesto yang berbeza dari PAS, dalam Pilihanraya Umum 1995 ini.

Ini bererti Semangat 46 sudah mula meninggalkan PAS. Tidak syak lagi bahawa Semangat 46, lambat laun pasti akan mengucapkan selamat tinggal kepada PAS dan juga APU!

Tidak mungkinkah proses Semangat 46 mengucapkan selamat tinggal kepada PAS jadi cepat dan pantas kerana kes khalwat Mohamad Sabu yang menggegarkan perpaduan Angkatan?

## **PAS LANGGAR FATWA**

*PADA Ogos 1963, Dewan Ulamak PAS telah mengeluarkan bahawa "Orang-orang Islam yang berkongsi dengan orang-orang kafir untuk memerintah negara menjadi kafir atau haram ..." dan "Sesiapa yang mengundi di atas parti-parti yang berkongsi itu menjadi haram, jika redha menjadi kafir, tetapi jika tidak redha menjadi haram sahaja ..."*

*"Fatwa ini telah digunakan dengan seluas-luasnya oleh PAS sehingga Pilihanraya Umum 1974 apabila PAS menjadi keluarga BN.*

*Apabila PAS meninggalkan BN menjelang Pilihanraya Umum 1978, sekali lagi "fatwa" tersebut digunakan secara berleluasa tanpa mengambil kira kesan serta implikasinya terhadap kesejahteraan umat Islam di Malaysia.*

*PAS tidak pernah manafikan kewujudan dan penggunaan "fatwa" seperti di atas. Bagaimanapun, menjelang Pilihanraya Umum 1990, "fatwa" tersebut seolah-olah diketepikan oleh PAS.*

*Contohnya, Berita Harian 25 Mei 1990 melaporkan Ketua Dewan Ulamak PAS, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, sebagai berkata bahawa "PAS memerlukan bantuan DAP dalam usahanya memenangi Pilihanraya Umum akan datang (1990). Untuk itu, PAS akan berusaha menjelaskan konsep negara Islam kepada DAP demi mengelakkan sebarang keraguan rakyat bukan Islam mengenai konsep tersebut."*

*Kenyataan ini melanggar "fatwa" PAS seperti di atas. Mengapakah PAS tidak berani berkata tindakan Nik Aziz itu "jika redha menjadi kafir, tetapi jika tidak redha menjadi haram"?*

*Mengapakah Semangat 46 bekerjasama dengan DAP hukumnya halal sementara UMNO bekerjasama dengan pihak bukan Islam dikatakan haram? Mengapakah PAS tidak mengenakan "fatwa" di atas kepada Semangat 46 yang menjadi pelopor Gagasan Rakyat Malaysia?*

## **GAGASAN BERKECAI**

18 Mac 1995: Masyarakat Malaysia sedang dilanda de-mam pilihanraya yang kian memuncak. Tiba-tiba Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan kepada pendukung dan penyokong Semangat 46 di Parit Sulong, Batu Pahat, bahawa partinya "DAP dan PAS akan bergerak secara bersendirian tanpa sebarang ikatan" dalam Pilihanraya Umum 1995 ini.

Biarpun persahabatan ketiga-tiga parti itu "masih baik," Tengku Razaleigh berkata bahawa ketiga-tiganya "akan menggunakan simbol parti masing-masing untuk menghadapi BN bagi memudahkan ahli-ahli parti mengadakan kempen pilihanraya."

Semangat 46, DAP dan PAS juga akan menggunakan manifesto berasingan dan bergerak secara bersendirian. Ini bermaksud bahawa dalam Pilihanraya Umum 1995 ini tiga parti pembangkang ini tidak lagi mempunyai "pakatan pilihanraya" ataupun "electoral pact" untuk menye-laraskan gerakan serta strategi kempennya.

Hakikat ini berbeza dengan kerjasama antara ketiga-tiganya dalam Pilihanraya Umum 1990. Ketika itu, mereka berada di kemuncak persahabatan yang dikatakan sehidup semati. Bak kata pepatah, gunung sama didaki, lurah sama dituruni, hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dicecah.

Sebab itulah kenyataan terbaru oleh Tengku Razaleigh seperti di atas amat memeranjatkan. Kenyataan itu bermakna seolah-olah beliau telah mentalqini cita-cita dirinya sendiri untuk menumbangkan BN buat kali keduanya dalam pilihanraya umum akan datang. Kenyataan tersebut umpama satu ucapan selamat tinggal Presiden Semangat 46 kepada Gagasan yang ditaja dan dipeloporinya selama ini.

Dalam konteks Angkatan, kenyataan Tengku Razaleigh seperti di atas mempunyai implikasi yang lebih luas dan serius. Inilah agaknya penjelasan lanjut kepada kenyataan Semangat 46 pada 11 Februari 1995, bahawa parti itu akan menggunakan manifesto berasingan dari PAS dalam pilihanraya akan datang. Inilah juga kenyataan susulan kepada kenyataan Semangat 46 yang terdahulu bahawa parti tersebut "tidak mahu terseret di dalam kontroversi" Mat Sabu.

Jika demikianlah hakikatnya, bagaimanakah kedudukan Angkatan di Kelantan dalam pilihanraya kali ini? Mungkinkah ikatan perjuangan antara Semangat 46, PAS, Hamim dan Berjasa di Kelantan kali ini semesra semangat persaudaraan siasah pada tahun 1990?

Bagaimanapun, begitulah akhirnya sebuah episod perjuangan yang sia-sia. Gagasan yang dalam Pilihanraya

Umum 1990 dulu mendabik dada bercita-cita menumbangkan BN kononnya untuk menyelamatkan Malaysia, kini nampaknya seolah-olah mengkuburkan dirinya sendiri menjelang Pilihanraya Umum 1995.

Gagasan dilancarkan pada 11 Oktober 1990, iaitu sembilan hari menjelang pilihanraya umum pada tahun tersebut. Pendaftarannya diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 28 April 1992.

Jadi, jika dikira dari hari pelancarannya, Gagasan kini hanya berumur kira-kira empat tahun lima bulan. Jika dikira dari tarikh kelulusan rasminya, Gagasan sekarang hanya berusia dua tahun sebelas bulan. Beginilah malangnya nasib sebuah perjuangan yang kelihatannya berasaskan kepada kepentingan-kepentingan sementara dan peribadi.

Menurut Pendaftar Pertubuhan, Gagasan ataupun Gagasan Rakyat Malaysia, dianggotai oleh lapan parti pambangkang di seluruh negara. Mereka adalah DAP, Semangat 46, IPF (Barisan Kemajuan India), PRM, Hamim, Kimma, Berjasa dan PBS.

Permas yang berpangkalan di Sarawak dan pernah menjalinkan kerjasama dengan Gagasan dalam Pilihanraya Umum 1990, tidak terdaftar sebagai komponen organisasi tersebut. Ia dilaporkan oleh akhbar baru-baru ini sebagai berada dalam keadaan yang tenat.

Menurut rekod Pendaftar Pertubuhan juga, Tengku Razaleigh adalah Presiden Gagasan dan Datuk Zainal Abidin Zin merupakan Setiausaha Agungnya. Bendahari Agungnya adalah Patto Perumal dari DAP. Bekas Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim, Pengurus DAP, Dr. Chen Man Hin, Dr. Sanusi Osman dari PRM, M. G. Pandhit dari IPF

dan Ahmad Ilyas Mohd. Idris adalah Naib-Naib Presiden Gagasan.

Berikutkan kenyataan Tengku Razaleigh seperti di atas, Gagasan kini hanya mempunyai lima anggota komponen sahaja. Berbanding dengan BN yang mempunyai 14 komponennya di seluruh negara.

Kenyataan di atas juga bererti bahawa Patto tidak lagi menjadi Bendahari Agung Gagasan sementara Dr. Chen dan Pandhitam bukan lagi Naib-Naib Presiden pakatan tersebut.

Sebenarnya, Gagasan sudah lama berpecah. Komponen pertama yang meninggalkan Gagasan ialah PBS. Parti tersebut mengumumkan keluar dari pakatan siasah ini pada 2 April 1991. Pastinya tindakan belot PBS terhadap Gagasan adalah ucapan selamat tinggal buat selama-lamanya. Malang sungguh, PBS yang dulu memerintah Sabah kini merupakan sebuah parti pembangkang yang melahirkan banyak serpihan yang telahpun menganggotai BN.

Komponen penting Gagasan, iaitu DAP, telah mengumumkan keluar dari pertubuhan itu secara rasmi pada 25 Januari 1995. Tengku Razaleigh tidak membuat sebarang kenyataan mengenai tindakan DAP ini. Biarpun begitu, inilah agaknya erti sebuah persahabatan yang dibina di atas asas-asas yang rapuh dan sementara.

IPF dan Pandhitam pula mengumumkan keluar dari Gagasan pada pertengahan Februari 1995 kerana "tidak yakin dengan kebolehan Gagasan membela nasib masyarakat India terutama mereka yang berpendapatan rendah."

Dalam satu rapat raksasa di Stadium Negara, Kuala Lumpur, pada 19 Mac 1995, Pandhitam berikrar bekerja ke-

ras untuk BN dalam Pilihanraya Umum 1995 ini. IPF juga telah memohon menyertai BN. Tindakan ini adalah ucapan selamat tinggal kaum India kepada Gagasan.

Gagasan kini hanya mempunyai lima komponen. Semangat 46 sahaja yang kelihatan aktif dan bermulya. Empat lagi komponennya, iaitu PRM, Hamim, Kimma dan Berjasa nampaknya sepi dan membisu. Malang sungguh Tengku Razaleigh. Kelihatannya beliau dan Semangat 46 keseorangan diri di dalam Gagasan.

Jadi, apakah nasib malang ini akan berpanjangan sehingga Pilihanraya Umum 1995? Apakah kehancuran Gagasan ini mencerminkan kemasuhanan pakatan berkenaan di dalam pilihanraya umum tersebut?

Dan, apakah pilihan yang terbuka kepada penyokong-penyokong Semangat 46 dan Gagasan? Bukankah sudah tiba ketikanya untuk mereka bertindak tepat dan bijaksana. Mereka wajar insaf bahawa untuk terus menggabungkan diri dengan Semangat 46 dan Gagasan adalah perbuatan yang sia-sia.

Mereka juga wajar menasihati Tengku Razaleigh supaya Parti Semangat 46 dan Gagasan dibubarkan buat selama-lamanya. Apalah erti "bercita-cita besar untuk bertanding di lebih banyak kawasan Parlimen dan DUN kalau dibandingkan dengan PAS dan DAP" jika Tengku Razaleigh sendiri telah mengakui bahawa partinya "tidak mempunyai calon-calon yang mencukupi untuk bertanding"?

Apalah gunanya mendabik dada kononnya Semangat 46 "mampu mengejutkan dunia" jika segala perkembangan semasa mengenai Semangat 46 dan Gagasan nampaknya menuju ke arah kehancuran.

Sedarlah. Seperti yang dirumuskan oleh Utusan Malaysia, 20 Mac 1995, keadaan yang melanda Semangat 46 ini "membuktikan bahawa parti itu tidak mempunyai ahli-ahli yang berwibawa lagi." Jika demikian, apakah pilihan yang ada kepada penyokong Semangat 46, melainkan kembali ke pangkuan UMNO.

Bijaksanalah untuk bertindak segera apatah lagi bila Tengku Razaleigh sendiri telah "menyalahkan sikap ahli-ahlinya pada masa ini" sebagai punca kepada keporak-perandaan yang melanda Semangat 46 sekarang.

Percayalah, angan-angan Tengku Razaleigh untuk "membolot 19 atau 20 lagi kerusi Parlimen untuk memperkuuhkan kekuatan parti" adalah kosong semata-mata. Jangan jadi Mat Jenin, burung terbang dipipiskan lada!

## **SELAMAT TINGGAL**

PADA 24 Februari 1995, Haji Fadzil Noor selaku Presiden PAS, telah mengulangi hasrat partinya mahu bermuzakarah dengan UMNO kononnya "bagi mencari titik tolak terhadap apa yang didakwa sebagai usaha menegakkan perjuangan Islam melalui parti masing-masing."

Banyak pihak mengkagumi niat tersebut. Banyak juga pihak yang meraguinya. Mereka yakin, usaha bermuzakarah dengan UMNO itu cuma satu lencongan politik yang dilandasi motif negatif. Ia mahu dijadikan pemangkin perjuangan PAS yang sedang gawat dan terkapai-kapai.

Mengapakah PAS mahu bermuzakarah dengan UMNO? Mengapakah cadangan tersebut dibuat sesudah Semangat 46 nampaknya seolah-olah telah mengucapkan selamat tinggal kepada PAS, dan setelah DAP pula mengucapkan sayonara kepada Semangat 46 serta Gagasan?

Mengapakah PAS mahu bermuzakarah dengan UMNO setelah ketahanan politiknya kelihatan rapuh? Bukankah selama ini PAS sentiasa mendabik dada baha-

wasanya dialah jaguh Islam di Malaysia, dialah paling Islamik di negara ini, dialah sahaja penyeru segala kemakrufan dan penentang segala kemungkaran? Adakah hakikat ini benar? Atau cuma propaganda kosong - indah khabar dari rupa!

Lantaran itu, keputusan Presiden UMNO, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, untuk menolak pelawaan bermuzakarah itu adalah bijaksana. Memang benar bahawa usaha tersebut hanya bertujuan "mengalih pandangan rakyat daripada isu yang mereka (PAS) tidak mahu kita bincang."

Dan isu yang mahu dimatikan oleh PAS ialah "sensasi terkini" mengenai Mohamad Sabu, Ahli Parlimen (PAS) Kawasan Parlimen Nilam Puri. PAS mahu mengalihkan pandangan serta polemik umum mengenai isu tersebut kepada sesuatu yang pada lahiriahnya mungkin kelihatan tulus, ikhlas dan murni - bermuzakarah dengan UMNO.

Tiada faedahnya UMNO bermuzakarah dengan PAS. Sekarang ini, parti tersebut adalah punca segala masalah kepada DAP dalam Gagasan, dialah beban kepada Semangat 46 dalam Angkatan, dialah kepalsuan, dialah kepura-puraan, dialah kontradiksi, dialah ironi dan dialah paradoks yang berpanjangan kepada dirinya sendiri. Hakikat ini benar. Semuanya jelas dan berasas.

PAS mesti menerima hakikat bahawa pada 25 Januari 1955, DAP telah mengucapkan selamat tinggal kepada Gagasan dan Semangat 46. Tindakan tersebut mentalkini percubaan kedua Tengku Razaleigh Hamzah untuk menumbangkan BN di dalam Pilihanraya Umum 1995 ini.

PAS wajar insaf bahawa Semangat 46 amat kecewa dengan tindakan itu kerana DAPlah satu-satunya parti

yang terkuat di dalam Gagasan. Sebab itulah tindakan DAP disifatkannya sebagai satu "pengkhianatan terhadap perjuangan bersama."

Kekecewaan ini jelas dan nyata. Apatah lagi bila Tengku Razaleigh sendiri pernah menyatakan bahawa "tanpa DAP, Angkatan tidak akan menang dalam pilihanraya umum."

Namun begitu, PAS hendaklah sedar bahawa biar setinggi mana sekalipun harapan Semangat 46 terhadap DAP dan biar separah mana sekalipun kekecewaan Semangat 46 terhadap DAP, DAP tetap keluar dari Gagasan.

DAP terpaksa keluar dari Gagasan yang diluluskan pendaftarannya pada 28 April 1991, semata-mata untuk menyelamatkan lehernya sendiri. Ia mesti berbuat demikian untuk "menangkis dakwaan bahawa ia bekerjasama dengan PAS."

Jadi, sahlah bahawa kerana PAS, DAP rela bercerai dari Semangat 46 dan Gagasan. Kerana PAS, DAP sanggup melakukan "pengkhianatan" terhadap Semangat 46 dan Gagasan. Sahlah bahawa PAS adalah punca masalah kepada DAP dalam Gagasan!

PAS juga mesti menerima hakikat bahawa pada 11 Februari 1995, Semangat 46 pula mengumumkan bahawa ia akan menggunakan satu manifesto pilihanraya umum yang berbeza dengan lain-lain komponen Angkatan, termasuk PAS.

Sedarkah PAS akan implikasi kenyataan tersebut? Ini bererti bahawa Angkatan yang diluluskan pendaftarannya pada 5 Jun 1990, adalah satu angkatan yang sementara, terumbang-ambing dan terpontang-panting, biarpun Pilihanraya Umum 1995 sudah tiba di ambang tempohnya.

Sekali lagi, PAS adalah punca keterumbang-ambinan ini. Segala-galanya akibat PAS. Sumber-sumber Semangat 46 menegaskan bahawa partinya mahu bertindak sendirian dalam Pilihanraya Umum 1995 kerana "tidak mahu terseret di dalam kontroversi PAS."

Dan, sekali lagi, kontroversi yang paling nyata berlaku di dalam PAS sekarang adalah "sensasi terkini Mat Sabu". Semangat 46 yang pernah mendakwa mahu sehidup dan semati dengan PAS dalam menggalakkan yang makruf dan menentang yang mungkar, tidak mahu terbabit langsung dengan kes tersebut.

Jelaslah bahawa Semangat 46 mengucapkan selamat tinggal kepada Angkatan semata-mata kerana PAS. Sahlah bahawa PAS adalah beban yang terlalu berat untuk dipikul.

Begitulah perihalnya. Dua pakatan pembangkang yang mendakwa dalam Pilihanraya Umum 1990 mahu "selamatkan Malaysia", hari ini berada dalam suatu keadaan yang tidak langsung boleh menyelamatkan diri masing-masing. Segala-galanya berpunca dari PAS.

Kenapakah PAS menjadi punca perpisahan dan perpecahan di dalam Gagasan dan Angkatan? Inikah bala dari Tuhan ke atas pihak yang tidak jujur dan gemar menyelewengkan fakta dari kebenaran?

Segala-galanya disebabkan oleh PAS kerana parti tersebut adalah sebuah organisasi yang bergerak atas kontradiksi, paradoks dan ironi yang kononnya dihalalkan oleh perkataan "Islam" yang terdapat di dalam nama parti itu sendiri.

Oleh kerana di dalam nama PAS terdapat perkataan "Islam", maka ia mendakwa dirinya sahajalah yang Islamik di negara ini biarpun UMNO pun berjuang untuk "menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara."

Oleh kerana hakikat di atas jugalah PAS pun secara yakin menuduh bahawa sesiapa yang menyokong partinya adalah penyokong Islam dan mereka yang tidak menyokong partinya adalah puak yang menolak Islam.

Selama manakah PAS mesti diberi hak eksklusif untuk memperdayakan masyarakat umum tentang adanya perkataan "Islam" di dalam nama partinya? Tidak sedarkan bahawa PAS sekarang ini hidup dalam kontradiksi atau percanggahan?

PAS gunakan perkataan "Islam" di dalam nama partinya, tetapi banyak tindakan PAS yang tidak Islamik. Biarpun satu dari matlamat perjuangannya adalah "mempertahankan kesucian Islam", parti ini sekarang bermarahajalela menaburkan fitnah dan cacian tanpa mengira tempat dan masa. Inikah caranya mempertahankan kesucian Islam?

PAS menuduh parti lain, khususnya UMNO, tidak Islamik. Tetapi, UMNOlah yang aktif bergerak ke arah perpaduan, sedangkan PAS pula menggalakkan perpecahan. Islamikkah jalan perjuangan PAS yang sebegini?

Pada bulan Ogos 1963 Dewan Ullamak PAS telah mengeluarkan satu fatwa kononnya "orang-orang Islam yang berkongsi kuasa dengan orang-orang kafir untuk memerintah negara menjadi kafir atau haram."

Satu lagi fatwa yang dikeluarkan pada tarikh dan tahun yang sama mengatakan kononnya "sesiapa yang mengundi di atas parti-parti yang berkongsi itu menjadi haram, jika redha menjadi kafir, tetapi jika tidak redha menjadi haram sahaja."

Kenyataan politik yang didakwa sebagai fatwa seperti di atas mempunyai ironi dan kontradiksinya, mempunyai keanehan dan percanggahannya. Di sinilah terbukti bahawa PAS bukan parti Islam, tetapi parti yang bertopengkan Islam.

Kontradiksi atau percanggahan yang timbul dari fatwa di atas amat jelas menerusi kenyataan Haji Nik Aziz Nik Mat selaku Ketua Dewan Ulamak PAS pada 20 Julai 1990 seperti berikut:

**"PAS memerlukan DAP (bukan Islam) dalam usahanya memenangi pilihanraya umum akan datang (1990)... Ini penting kerana kita (PAS) juga mahukan sokongan dan undi bukan Islam dalam usaha memenangi pilihanraya umum akan datang."**

Kenyataan di atas membayangkan kesungguhan Haji Nik Aziz untuk mengheret PAS berkongsi kuasa dengan DAP. Ia menunjukkan keredhaan beliau untuk mendorong partinya berkongsi kuasa dengan bukan Islam.

Terang-terang kenyataan di atas mencanggahi fatwa PAS bahawa "orang-orang Islam yang berkongsi dengan orang-orang kafir itu menjadi haram, jika redha menjadi kafir, tetapi jika tidak redha menjadi haram sahaja."

Kontradiksi atau percanggahan di atas ini pula menimbulkan pelbagai pertanyaan. Antaranya, mengapakah PAS melanggar fatwanya sendiri? Jika apa yang ditegas-

kan oleh Haji Nik Aziz bukan pelanggaran fatwa, adakah PAS mempunyai fatwa yang berasingan untuk dirinya sendiri?

Maksudnya, jika pihak bukan PAS secara redha berkongsi kuasa dengan bukan Islam, hukumnya kafir. Tetapi jika PAS secara redha berkongsi kuasa dengan bukan Islam, hukumnya tidak kafir. Jika inilah hakikatnya, salahkah jika dikatakan bahawa fatwa sedemikian adalah "double standard"?

Fatwa di atas juga menimbulkan pertanyaan bawa jika UMNO yang berkongsi kuasa dengan bukan Islam dikatakan sebagai kafir, apakah PAS pernah menjadi kafir sewaktu ia berada di dalam BN dalam tahun-tahun 70-an? Jika PAS tidak pernah menjadi kafir sewaktu berada di dalam BN, mengapakah PAS mempunyai keistimewaan sedemikian?

Pada waktu yang sama, jika perkongsian kuasa dengan bukan Islam adalah kafir, apakah status dan hukumnya Semangat 46 yang terang-terang menubuhkan Gagasan bersama-sama DAP dan berbagai lagi parti bukan Islam? Beranikah PAS mengkafirkhan Semangat 46?

Jika tidak, mengapa? Jika PAS memfatwakan bawa Semangat 46 juga adalah kafir, kenapakah PAS sanggup bersama-sama parti tersebut mewujudkan Angkatan yang kini berkuasa di Serambi Mekah?

Mengapakah PAS berani melanggar fatwa yang dikeluarkan oleh Dewan Ulamak PAS pada Ogos 1963? Lebih menakjubkan lagi, mengapakah Ketua Dewan Ulamak PAS sekarang, iaitu Haji Nik Aziz sendiri, melanggar fatwa yang dikeluarkan oleh Dewan Ulamak?

Amat menghairankan. Timbalan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang seolah-olah merestui kenyataan Haji Nik Aziz seperti di atas biarpun ia mencanggahi fatwa klasik ataupun amanat Haji Hadi yang antara lainnya menegaskan seperti berikut:

**"Kita menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO. Kita menentang Barisan Nasional bukan kerana nama Barisan Nasional. Kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh kerana itulah kita menentang mereka. Oleh kerana itu-lah kita berjuang melawan mereka."**

Haji Abdul Hadi juga mengatakan bahawa "kita tidak payah masuk Yahudi, kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Hindu, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku."

Jadi, berapa ramai agaknya para penyokong dan pemimpin PAS menyedari hakikat percanggahan seperti yang dicetuskan oleh Haji Nik Aziz seperti di atas? Siapakah agaknya yang berani mencari penjelasan dari Haji Nik Aziz ataupun Presiden PAS, Haji Fadzil Noor atau Haji Abdul Hadi?

Ataupun, apakah kontradiksi, ironi dan paradoks seperti di atas mahu terus dibiarkan dan tenus dihalalkan berlaku di dalam PAS? Sampai bila PAS mesti mendiamkan diri? Tidak wajarkah perkara ini ditangani segera?

Jika PAS tidak mahu bertindak ke atas percanggahan di atas, sahlah PAS memang sebuah parti yang menggunakan Islam demi kepentingan politik. Sahlah juga

bahawa fatwa-fatwa lain yang dikeluarkannya selama ini adalah kenyataan politik semata-mata.

Satu fatwa yang paling merosakkan perpaduan Islam ialah "**sembahyang berimamkan orang Barisan Nasional tidak sah, sembelihan orang Barisan Nasional tidak boleh dimakan dan nikah yang dilakukan oleh Jurunikh Kerajaan tidak sah, kalau bersetubuh hukumnya zina dan kalau dapat anak, anak itu haram.**"

Fatwa tersebut ditegaskan oleh seorang pemimpin PAS, Haji Mustafa Abu Bakar, di Kampung Keruak, Ulu Besut, Terengganu pada November 1979. Benarkah kenyataan di atas?

Sebenarnya, segala kontradiksi dan ironi itu dipandang remeh oleh PAS kerana fatwa-fatwa yang tersebut di atas bukannya Islamik. Sebaliknya, fatwa-fatwa tersebut adalah politikal. Inilah buktinya PAS bertopengkan Islam demi kepentingan politiknya!

Banyak lagi kontradiksi, ironi dan paradoks yang wujud di dalam PAS. Contohnya, PAS sentiasa mendakwa partinya paling Islamik, tetapi Kerajaan PAS di Kelantan membenarkan Majlis Perbandaran Kota Bharu meluluskan lesen-lesen arak.

Menurut Harakah 19 Julai 1993, pemerintahan PAS Kelantan telah meluluskan 66 lesen arak di Kota Bharu - 36 lesen lama dan 30 lesen baru. Salah satu lesen tersebut adalah di Perdana Resort, anak syarikat Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Haji Nik Aziz!

Demikianlah di antara contoh-contoh kontradiksi, ironi dan paradoks dalam perjuangan PAS. Mereka membuktikan bahawa walaupun PAS mendakwa dirinya Islam, ia tetap tidak bertindak Islamik.

Sebab itu, PAS mesti sedar bahawa ia bukan parti Islam. Ia cuma sebuah parti yang menggunakan perkataan Islam demi kepentingan politik. Hakikat ini berbeza dengan UMNO sebagai parti yang menggunakan politik demi kepentingan Islam.

PAS mesti insaf bahawa “**kemasukan perkataan Islam dalam nama partinya telah mengelirukan orang Melayu di Malaysia dan juga orang-orang Islam lain serta orang bukan Islam. Tanpa usul periksa mereka menerima bahawa PAS adalah parti yang berasaskan dan berjuang untuk agama Islam.**”

Insaflah perbuatan sebegini salah. Jangan sampai lebih ramai lagi orang Islam yang disesatkan bahawa “**PAS itu Islam dan Islam itu PAS**” sehingga mereka menjadi golongan yang fanatik dan sanggup berbuat apa sahaja demi PAS, waimah membunuh sekalipun!

Hakikat di atas hendaklah diterima. Jika tidak, PAS akan terus ditakuti oleh DAP, PAS akan terus diketepikan oleh Semangat 46 dan PAS akan terus menjadi bahan perbalahan dan perpecahan Melayu dan Islam di negara ini.

Berdasarkan segala-galanya, tiada untungnya UMNO bermuzakarah dengan PAS. Biarkanlah penolakan pelawaan itu terus mencetuskan emosi melulu yang terus meluap-luap dan percanggahan yang terus berpanjangan di dalam PAS. Tanpa emosi dan percanggahan PAS tidak boleh wujud.

PAS mesti sedar bahawa dia bukannya UMNO. Parti itu mesti insaf bahawa dalam konteks abad ke-21, semua perjuangannya akan hanya merugikan. UMNO sahajalah pembela bangsa, agama dan tanahair yang sebenar-benamya.

Lantaran itu, memang wajarlah DAP mengucapkan selamat tinggal kepada PAS. Wajar jugalah jika Semangat 46 pun mula mengambil pendirian "menceraikan" perjuangannya dari PAS!

## **BUKTI SEMANGAT 46 BERDOLAK DALIK**

*PADA 29 Mei 1988, Watan memetik kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah bahawa beliau dan kumpulannya akan berusaha sehingga UMNO lama berjaya dipulihkan untuk membuktikan kehendak rakyat mengatasi kepentingan kumpulan tertentu di dalam UMNO Baru.*

*Watan juga memetik Tengku Razaleigh sebagai berkata bahawa " dia tidak dapat menerima pemimpin UMNO Baru yang ada sekarang kerana tidak yakin mereka boleh berjuang untuk kepentingan parti dan negara."*

*Kenyataan di atas telah disangkal sendiri oleh Tengku Razaleigh lebih kurang setahun sesudah itu. Contohnya, Harakah 6 Oktober 1989 telah memetik Tengku Razaleigh sebagai berkata bahawa "Perjuangan menegakkan UMNO lama bukanlah merupakan perjuangan parti itu (Semangat 46) yang utama lagi.*

*Sebaliknya, Harakah memetik kenyataan Tengku Razaleigh bahawa, "apa yang lebih penting, adalah menegakkan kebenaran bagi menghapuskan kemungkaran politik dan ekonomi yang berleluasa sekarang."*

*Menurut Harakah, Tengku Razaleigh berkata, "apa ertiinya berjaya menghidupkan UMNO lama, tetapi pada waktu yang sama kemungkaran politik dan ekonomi tetap berterusan. Perjuangan untuk menghidupkan UMNO lama bukanlah perkara pokok."*

*Apakah erti kenyataan yang bercanggah seperti di atas? Tidakkah ini bererti suatu kedolak-dalikan dan suatu matlamat perjuangan yang tidak konsisten?*

## **DIARI RAZALEIGH**

TENGKU Razaleigh Hamzah memang seorang pejuang. Beliau mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. Beliau juga memiliki sumbu fizikal dan material yang tidak terhad. Sebab itulah beliau memahatkan cita-cita menjadi pemimpin tertinggi negara. Tetapi sayang. Beliau gagal. Beliau kecundang kerana tutur kata, perilaku serta keputusannya yang sering kelihatan tidak konsisten, terbukti berdolak-dalik dan seolah-olah bercanggah pada setiap masa.

Kedolak-dalikan inilah penyakit utama Tengku Razaleigh, khususnya sejak beliau gagal menewaskan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden UMNO dalam tahun 1987. Penyakit tersebut, sama ada disedari atau sebaliknya, telah menjelaskan arah dan matlamat perjuangan Semangat 46, Angkatan dan juga Gagasan. Ini menyebabkan pertubuhan-pertubuhan politik terbabit seolah-olah tidak berwibawa, tanpa kredibiliti dan sekaligus tidak berjaya menumbangkan BN dalam Pilihanraya Umum 1990.

Apa yang tidak konsisten dengan Tengku Razaleigh perlu dihalusi sehalus-halusnya. Ini penting untuk meyakinkan pendukung serta penyokong Semangat 46 bahawa perjuangan partinya adalah sia-sia dan pasti tidak akan mendapat sokongan besar dari rakyat jelata dalam mana-mana pilihanraya umum di negara ini.

Berikut adalah di antara urutan tarikh dan peristiwa di mana Tengku Razaleigh membuat kenyataan akhbar mengenai perjuangannya sejak beliau berusaha keras untuk menyingkirkan Dato Seri Dr. Mahathir menerusi proses pemilihan UMNO tahun 1987.

25 April 1987: Sehari sesudah Tengku Razaleigh gagal menumpaskan Dato Seri Dr. Mahathir untuk jawatan Presiden UMNO, Utusan Malaysia telah melaporkan Tengku Razaleigh sebagai berkata bahawa nasibnya terletak di tangan Perdana Menteri dan beliau sedia menerima apa sahaja keputusannya. Tetapi, beberapa hari kemudiannya, Tengku Razaleigh meletakkan jawatannya sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Laporan yang sama juga menyebut penafian Tengku Razaleigh yang diura-urakan berhasrat menubuhkan sebuah parti politik baru untuk menentang UMNO. Katanya, ura-ura tersebut cuma satu ramalan liar. Jadi, satu perkara yang tidak konsisten di sini ialah, mengapakah Tengku Razaleigh sekarang menjadi Presiden Semangat 46, sebuah parti politik serpihan UMNO yang telah bermatian-matian menentang UMNO dan BN dalam Pilihanraya Umum 1990?

Pada 25 April 1987: juga Tengku Razaleigh memberitahu Utusan Malaysia bahawa beliau menerima keputusan pemilihan UMNO yang disifatkannya telah dija-

lankan secara demokratik. Jika begitulah pendapat beliau, kenapakah orang-orang beliau, iaitu anggota Kumpulan 11, telah pun mengheret UMNO ke mahkamah hinggakan UMNO dikenakan hukuman "bunuh" pada 4 Februari 1988? Inikah manifestasi kepada kenyataan Tengku Razaleigh bahawa proses pemilihan Presiden UMNO pada tahun 1987 itu telah dilaksanakan secara "demokratik"?

8 Februari 1988: Berikutkan kematian UMNO, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, telah mendaftarkan UMNO Malaysia. Tengku Razaleigh menafikan penglibatannya dalam parti tersebut. Tetapi, beliaulah yang mengadakan satu sidang akhbar pada 15 Februari 1988, dan menghebahkan bahawa pendaftaran UMNO Malaysia telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan. Mengapakah Tengku Razaleigh jarang-jarang sekali mahu berterus-terang menge�ai penglibatan beliau menentang UMNO sejak beliau te-was pada 24 April 1997?

Sesudah UMNO mati, kumpulan Tengku Razaleigh mengatakan bahawa "UMNO tidak wujud lagi". Tetapi, sesudah UMNO yang wujud sekarang diluluskan pendaftarannya, kumpulan Tengku Razaleigh pula berkeras mengatakan bahawa UMNO yang mati akan dihidupkan semula. Apakah hakikat seperti ini tidak disifatkan sebagai tidak konsisten atau berdolak-dalik?

Sewaktu Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman "mati" ke atas UMNO, kumpulan 11 yang membayangi pergerakan Tengku Razaleigh tidak membuat sebarang rayuan ke Mahkamah Agung. Tetapi, mengapakah sesudah UMNO yang wujud hari ini lulus pendaftarannya, kumpulan Tengku Razaleigh pula yang membuat rayuan ke

Mahkamah Agung dengan alasan "kita tidak mahu UMNO diisyiharkan tidak sah." Tidakkah perbuatan ini memeningkan kepala? Tidakkah ini berupa satu kedolak-dalikan?

Apabila UMNO yang kini berterusan menjadi tunjang BN mula bergerak aktif, Tengku Razaleigh mengatakan bahawa pertubuhan itu bukannya UMNO yang asal. Maka, beliau pun menjelajah negara, kononnya untuk mengutip sokongan bagi menghidupkan UMNO yang asal. Jenuh orang Melayu diperkotak-katikkan oleh gelagat seperti ini!

24 April 1988: Mingguan Kota melaporkan Tengku Razaleigh yang ketika itu bergerak dalam kumpulan Bebas 46, sebagai berkata bahawa "apa yang saya lakukan ialah untuk menghidupkan semula UMNO asal. Saya tidak akan memihak kepada musuh dan saya tidak akan menghasut rakyat untuk menentang Kerajaan (BN) yang wujud sekarang."

Tetapi, apa yang sudah terjadi beberapa bulan sesudah itu? Mengapakah Tengku Razaleigh mula berjinak-jinak dan berbaik-baik dengan "musuh" UMNO, iaitu PAS, serta berikrar kononnya akan menjadikan Islam sebagai 'addin. Inikah kata-kata dan perilaku seorang pemimpin yang konsisten?

Sewaktu ura-ura penubuhan Semangat 46 heboh dibincangkan oleh masyarakat umum di negara ini, Tengku Razaleigh telah menafikan pembabitannya dengan parti tersebut. Bagaimanapun, menjelang Pilihanraya Kecil Tambatan, di Johor Bahru, beliaulah yang lantang berkempen untuk calon Semangat 46. Pada ketika itu Tengku Razaleigh telah menganggotai parti tersebut. Beginilah

gelagat seorang tokoh yang sentiasa tidak konsisten!

Beberapa bulan berikutnya, Tengku Razaleigh pun dihebahkan oleh akhbar sebagai Presiden Semangat 46. Cara yang tidak konsisten atau sentiasa berdolak-dalik seperti ini masih terus menerus mewarnai Tengku Razaleigh hingga ke hari ini.

6 Oktober 1988: Harakah yang merupakan lidah rasmi PAS, melaporkan Tengku Razaleigh sebagai berkata bahawa perjuangan menghidupkan UMNO asal bukannya matlamat utama Semangat 46. Sebaliknya, parti itu akan menegakkan kebenaran dan memerangi kemungkar. Mengapakah mudah benar matlamat utama Semangat 46 diubah oleh Tengku Razaleigh? Adakah parti tersebut milik ahlinya ataupun milik pemimpinnya?

Setelah berbaik-baik dengan PAS, Tengku Razaleigh telah dilaporkan oleh berbagai akhbar sebagai berkata bahawa Semangat 46 akan berjuang mewujudkan sebuah negara Malaysia yang benar-benar adil, demokratik dan makmur. Pada ketika itu Semangat 46 telah menjalin hubungan politik dengan DAP. Tengku Razaleigh pun menegaskan bahawa DAP bukan anti-Melayu. Adakah kenyataan itu benar? Bukankah pada 24 April 1988, beliau telah mengatakan bahawa beliau "tidak akan memihak kepada musuh"? Bukankah DAP itu musuh UMNO?

2 Jun 1989: Watan pula melaporkan Tengku Razaleigh sebagai berkata bahawa Semangat 46 bercita-cita untuk mengambil alih teraju pemerintahan negara ini dari BN. Sekali lagi, kenyataan ini juga membuktikan bahawa Tengku Razaleigh sentiasa berdolak-dalik mengenai matlamat perjuangan Semangat 46. Bagaimanakah parti yang sede-

mikian rupa mahu mengendalikan Malaysia di abad ke-21 kelak?

Bagaimanapun, dengan kedolak-dalikan dan kenyataan-kenyataan yang tidak konsisten inilah Tengku Razaleigh telah menggerakkan perjuangan Semangat 46 menuju Pilihanraya Umum 1990, dan sekarang ini menuju Pilihanraya Umum 1995. Mahukah majoriti rakyat Malaysia yang bijak dan rasional menyandarkan nasib serta harapan kepada sebuah pertubuhan politik sedemikian bentuknya?

Menjelang Pilihanraya Umum 1990, Semangat 46 menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah, iaitu satu gabungan kerjasama antara Semangat 46 dengan PAS, Berjasa dan Hamim. Tetapi, oleh kerana Semangat 46 memang kaya dengan percanggahan dan inkonsistensi, ia juga mewujudkan satu lagi pakatan politik bernama Gagasan Rakyat Malaysia.

Namun begitu, apa yang dikatakan sebagai Angkatan sebenarnya bukanlah gabungan Semangat 46 dengan PAS, Berjasa dan Hamim. Menurut Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, Angkatan seperti yang didakwa oleh Semangat 46 tidak wujud. Yang wujud cumalah Angkatan yang dianggotai oleh individu sebagai "ahli terus-menerus" dan ahli bergabung yang terdiri dari "sebuah pertubuhan politik yang bersetuju bekerjasama" dengannya.

Di dalam Perlembagaan Angkatan yang diluluskan pendaftarannya pada 5 Jun 1990 hingga ke hari ini, tidak tercatat langsung nama-nama Semangat 46, PAS, Berjasa dan Hamim sebagai anggota bergabung Angkatan. Yang wujud cuma peruntukan ahli gabungan secara umum. Jadi,

kalaularah benar Semangat 46, PAS, Hamim dan Berjasa merupakan keluarga Angkatan, tali kekeluargaan itu nam-paknya longgar dan umum sepanjang masa.

Namun begitu, Gagasan yang diluluskan pendaf-tarannya pada 28 April 1991, tidak mempunyai peruntukan untuk ahli biasa atau persendirian. Ia cuma mempunyai peruntukan ahli gabungan dari parti-parti politik "yang berpegang dan percaya kepada matlamat perjuangan" Gagasan. Dengan jelas tercatat di dalam Perlembagaan Gagasan bahawa ahli gabungannya adalah Semangat 46, DAP, PRM, AMIPF, MSP, Hamim dan KIMMA. PAS, PBS serta Berjasa tidak tersenarai sebagai ahli.

Banyak betul anggota Gagasan. Adakah ini bukti kekuatan ataupun cuma satu cara mendapatkan kekuatan psikologi semata-mata? Jika jumlah keluarga Gagasan itu bukti kekuatan, mengapakah tidak pernah kedengaran suara-suara AMIPF pimpinan G. Pandhit? Benarkah parti itu su-dah keluar dari Gagasan? Di mana pula suara MSP, Hamim dan KIMMA?

Inilah hasil perjuangan yang tidak konsisten. Ke-wujudan Angkatan dan Gagasan terbukti sudah menimbul-kan masalah yang berpanjangan. Jadi, apa gunanya Teng-ku Razaleigh mewujudkan dua rangkaian kerjasama de-nngan Semangat 46 sendiri sebagai paksinya? Mengapakah demikian? Mengapakah tidak hanya satu pertubuhan se-peri BN?

Jawapannya amat mudah. Kedua-dua pakatan sia-sah tersebut dilahirkan untuk menampung minat-minat yang bercanggah, khususnya minat PAS yang memang ti-dak serasi dengan DAP dan juga minat DAP yang memang

umpama langit dan bumi bezanya dengan PAS. Jadi, apa faedahnya Semangat 46 menulang-belakangi kedua-dua pakatan tersebut jika usaha itu tidak langsung mampu mencari kompromi, toleransi ataupun permuafakatan yang penting kepada keberkesanan sesebuah perjuangan? Tidak sia-siakah perjuangan seperti ini?

Bagaimanapun, masalah memang telah mula melanda Angkatan sesudah Pilihanraya Umum 1990. Tengku Razaleigh dilengkari kebuntuan. Sebab itulah apabila krisis Parti Semangat 46 dengan PAS meletus di Kelantan pada awal 1991, Tengku Razaleigh cuma mampu memberitahu anak-anak buahnya, bahawa Kerajaan Kelantan adalah milik PAS, bukannya milik bersama Parti Semangat 46 dan PAS sebagai keluarga Angkatan!

Bahana kenyataan serta pendirian yang tidak konsisten juga melanda Tengku Razaleigh apabila PAS dan PBS enggan menyertai Gagasan. Pada ketika itu beliau berasa seolah-olah telah diperangkap oleh kenyataannya sendiri sebelum Pilihanraya Umum 1990 yang mana kata-nya, PAS dan PBS adalah keluarga Gagasan.

Sebagai jalan keluar dari situasi tersebut, Tengku Razaleigh pun menghebahkan buat kesekian kalinya, bahawa tujuan utama Semangat 46 ialah untuk menghidupkan semula UMNO asal. Begitulah hakikatnya. Matlamat menghidupkan semula UMNO nampaknya sentiasa diremeh-temehkan dan sering didolak-dalikkan mengikut wama dan suasana. Ini bermakna, Semangat 46 kelihatannya tidak serius, tidak konsisten dan tidak komited dengan perjuangan menghidupkan semula UMNO asal.

Kesan kedolak-dalikan perjuangan Semangat 46, Angkatan dan Gagasan yang terbaru sekali ialah apabila DAP menarik diri dari Gagasan dan Semangat 46 sendiri mahu menggunakan manifesto berasingan dari PAS dalam Pilihanraya Umum 1995 kelak. Gawat betul implikasinya. Pening kepala penyokong dan pendukung Semangat 46 untuk memikirkannya.

25 Januari 1995: DAP mengumumkan bahawa ia keluar dari Gagasan. Sebab-sebabnya tidak jelas. Tetapi, adalah satu rahsia umum bahawa DAP mahu lari dari tuduhan para penyokongnya bahawa ia bersekongkol dengan PAS. Walaupun DAP tidak bersahabat secara terus menerus dengan PAS, ia mengambil keputusan itu kerana PAS bersahabat dengan Semangat 46 menerusi Angkatan. Ini bermakna DAP menceraikan dirinya dari Semangat 46 dan Gagasan semata-mata kerana Semangat 46 bekerjasama dengan PAS di dalam Angkatan.

Tengku Razaleigh tidak langsung bersuara mengenai perkembangan terbaru yang membabitkan DAP dan Gagasan. Adakah ini kerana beliau amat sedar bahawa kehadiran DAP dalam Gagasan adalah sesuatu yang tidak direstui oleh orang Melayu, atau pun kerana beliau amat insaf bahawa itulah akibat suatu perjuangan yang penuh dolak-dalik dan inkonsistensi? Biar apa pun sebabnya, ini-lah bukti suatu perjuangan yang sia-sia.

11 Februari 1995: Semangat 46 dilaporkan oleh Utusan Malaysia sebagai telah mengambil keputusan untuk menggunakan satu manifesto yang berasingan dari keluarga Gagasan dan Angkatan di dalam Pilihanraya Umum 1995. Ironis sungguh kenyataan ini. Adakah ini bermaksud

bahawa Semangat 46 sudah tidak yakin dengan pakatan siasahnya dengan Gagasan ataupun Angkatan? Mengapa-kah terjadi begini?

Tengku Razaleigh juga membisu mengenai kenyataan di atas. Beliau tidak menafikan atau pun mengesahkan kenyataan itu yang sebenarnya mempunyai implikasi besar terhadap masa depan Gagasan serta Angkatan. Sekali lagi, inilah agaknya kesan buruk yang menimpa Semangat 46 kerana perjuangan yang berdolak-dalik dan sentiasa berubah-ubah sepanjang masa.

Segala-galanya amat menyedihkan. Jika beginilah bentuknya perjuangan Semangat 46, Angkatan serta Gagasan, bilakah agaknya Tengku Razaleigh berjaya menumpaskan BN? Bilakah agaknya beliau boleh menjadi Perdana Menteri? Dan, tidakkah ini bukti bahawa perjuangan Semangat 46, Angkatan dan Gagasan adalah sia-sia belaka?

Bagaimanapun, demikianlah Tengku Razaleigh dan demikian jugalah Semangat 46, Angkatan dan Gagasan pada hari ini. Organisasi pimpinan Tengku Razaleigh ini telah terbukti gagal menumbangkan BN menerusi Pilihanraya Umum 1990. Pastinya mereka akan juga gagal berbuat demikian menerusi Pilihanraya Umum 1995 ini. Sampai bilakah para penyokong dan pendukung Semangat 46 mahu bertahan? Atau, bukankah sekarang ini detik yang paling ideal untuk para penyokong serta pendukung Semangat 46 mengucapkan selamat tinggal dan parti itu ditalqinkan untuk selama-lamanya?

## **TUNJANG WAWASAN**

SEMANGAT 46 telah menaja kelahiran Angkatan dan Gagasan kononnya sebagai alternatif kepada BN. Langkah ini tidak bijak. Ini kerana latar belakang kewujudan Angkatan serta Gagasan adalah berbeza dengan BN. Penubuhan BN pada 1 Jun 1974 adalah satu percaturan politik yang berpan-dangan jauh. Usaha ini telah menghasilkan politik negara yang mantap dan mampan. Ia juga menjadi pemangkin kepada perjuangan memakmur, mensejahtera dan mence-merlangkan Malaysia serta warganegaranya.

Tanpa BN tidak mungkin Malaysia berada di tahap kecemerlangan yang dinikmatinya hari ini. Tanpa BN juga, Malaysia mungkin huru-hara dan pemerintahan demokrasi berparlimen partinya telah menjadi satu sejarah silam.

Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein adalah ar-kitek yang melakarkan struktur permuafakatan siasah ini. Matlamat utamanya adalah memupuk serta mengekalkan kelangsungan bangsa Malaysia yang harmoni lagi bersatu padu. Perjuangan seluruh keluarga komponen BN juga kini

dilandasi cita-cita melahirkan masyarakat Malaysia yang adil dan saksama. Sebab itulah dacing dipilih menjadi simbolnya yang unggul hingga ke hari ini.

Satu pakatan politik antara kaum memang sudah wujud sebelum kelahiran BN. UMNO yang mewakili bangsa Melayu dan MCA yang mewakili kaum Tionghua memang sudah berkerjasama menerusi Perikatan sejak 23 Ogos 1953. MIC yang mewakili kaum India pula menganggotai Perikatan mulai 17 Oktober 1954. Sejak itu ketiga-tiga parti tersebut telah memenangi pilihanraya demi pilihanraya dan berjaya membentuk Kerajaan Perikatan di peringkat pusat dan majoriti negeri-negeri.

Hakikat seperti ini tidak mungkin boleh dinikmati oleh Semangat 46, Angkatan ataupun Gagasan yang lahir dari satu perancangan yang kelam kabut dan penuh emosi. Biar apapun yang cuba dilakukan, Angkatan dan Gagasan mustahil boleh jadi alternatif kepada BN.

Bagaimanapun, Perikatan mengalami satu gelora politik yang amat menggugat berikutan Pilihanraya Umum 1969. Akibatnya, Perlombongan Persekutuan dan Parlimen pun digantung. Walaupun Tunku Abdul Rahman Putra terus menjadi Perdana Menteri dalam keadaan sedemikian, pentadbiran negara pula dipertanggungjawabkan kepada Majlis Gerakan Negara yang diterajui oleh Tun Abdul Razak. Pemerintahan darurat yang lebih dikenali sebagai Mageran ini merupakan gabungan kuasa-kuasa birokrasi, tentera dan polis.

Sempena Perayaan Hari Kebangsaan tahun 1970, Tunku Abdul Rahman mengumumkan persaraannya sebagai Perdana Menteri pada 21 September 1970. Tempatnya

diambil alih oleh Tun Abdul Razak yang digandingi oleh Tun Dr. Ismail Abdul Rahman sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Sempena Hari Kebangsaan 1970 juga Kerajaan Mageran telah memperkenalkan Rukunegara yang terus wujud sebagai satu ideologi nasional dan menjadi asas terpenting kepada ketenteraman awam dan politik hingga kini. Rukunegara digubal supaya seluruh perjanjian fundamental yang dipersetujui oleh berbagai kaum menerusi kemerdekaan perlu terus dipelihara, dihormati dan tidak pula dijadikan pertikaian politik oleh mana-mana pihak sekalipun.

Apabila pemerintahan demokrasi berparlimen dipulihkan semula pada 23 Februari 1971, Perikatan mempunyai 93 kerusi di Parlimen berbanding dengan 51 oleh pembangkang. Semua Kerajaan Negeri, melainkan Kelantan, Pulau Pinang dan Perak, dikuasai oleh Perikatan.

Tun Abdul Razak kurang selesa dengan situasi sedemikian. Maka beliau pun berusaha mencari formula siasah yang positif ke arah mewujudkan Kerajaan Campuran dengan beberapa parti pembangkang yang didapati serasi dengan prinsip perjuangan Perikatan.

Setahun sebelum kepemimpinan Tun Abdul Razak, Perikatan telah mewujudkan Kerajaan Campuran yang pertama, iaitu di antara Perikatan Sarawak dengan SUPP pada 7 Julai 1970. Usaha ini sungguh memerlukan banyak pihak kerana SUPP sebelum itu disifatkan sebagai sebuah parti yang didakwa telah disusupi oleh elemen komunis yang menentang kewujudan Malaysia. Bagaimanapun motif murni pakatan itu adalah untuk mewujudkan sebuah pemerintahan yang mantap demi kemajuan Sarawak seluruhnya.

Kerajaan Campuran yang kedua diwujudkan adalah antara Perikatan dengan Gerakan di Pulau Pinang pada 13 Februari 1972. Mulai 1 Mei 1972, Perikatan mewujudkan Kerajaan Campuran yang ketiga dengan PPP, di Perak.

Perundingan mewujudkan kerjasama antara Perikatan dengan PAS memakan masa yang panjang dan mendapat publisiti meluas di akhbar-akhbar. Usaha mulai 1970 ini berakhir dua tahun kemudian. Akhirnya, Perikatan dan PAS membentuk Kerajaan Campuran di Kelantan pada 1 Januari 1973. Menerusi kerjasama ini juga PAS menjadi rakan Perikatan di peringkat pusat dengan beberapa jawatan Menteri, Timbalan Menteri serta Setiausaha Parliment.

Begitulah liku-liku sejarah penubuhan Kerajaan Campuran yang mendahului penubuhan BN. Kejayaannya telah dimungkinkan oleh pandangan kepemimpinan yang jauh lagi pragmatis. Ia juga hasil keterlibatan atau komitmen yang ikhlas di kalangan pemimpin berbagai kaum untuk melahirkan satu wadah yang paling serasi kepada perjuangan mensejahterakan negara dan rakyat jelata.

Bagaimanapun, faktor pendorong penting kepada kewujudan Kerajaan Campuran ini adalah hasrat mengurangkan politiking dan menyediakan wadah perjuangan yang sesuai untuk pelancaran pembangunan negara secara konsisten, serius lagi menyeluruh.

Semangat yang tercetus menerusi kewujudan Kerajaan Campuran ini menjadi semakin murni, semakin abadi dan semakin akrab. Maka, menjelang Pilihanraya Umum 1974, keseluruhan anggota Perikatan di Semenanjung - UMNO, MCA dan MIC - berserta PBB, USNO, PAS, SUPP, Gerakan dan PPP pun menubuhkan BN.

Pilihanraya Umum 1974 pun dilalui dengan satu semangat perpaduan serta permuafakatan yang baru dan amat jitu. Hasilnya BN memenangi 135 kerusi. Pembangkang hanya memenangi sejumlah 49 kerusi sahaja. Ini membuktikan bahawa formula siasah ilham Tun Abdul Razak adalah bijaksana, berkesan dan bermanfaat.

Walaupun BN tidak pernah lekang dari masalah, ia tetap wujud sebagai sebuah permuafakatan politik yang unggul dan disegani. Ia pernah digugat situasi genting se-waktu keluarnya PAS dari pakatan tersebut pada 16 Disember 1977. Ia terpaksa berhadapan dengan karenah beberapa komponennya dari Sabah seperti USNO dan Berjaya yang sering keluar dan masuk. Ia pernah ditikam dari depan oleh komponennya, iaitu PBS, dalam tahun 1990.

Kini BN berusia 20 tahun. Ia terus-menerus menguasai pemerintahan negara menerusi Pilihanraya Umum 1978, 1982, 1986 dan 1990. Kelangsungannya amat dikagumi oleh beberapa kuasa antarabangsa yang mencari-cari formula kestabilan siasah seperti Afrika Selatan dan beberapa negara di dunia ketiga. Namun begitu, hakikat ini juga menyebabkan BN dicemburui oleh banyak pihak termasuk kuasa-kuasa asing.

Kepada majoriti rakyat Malaysia, kekuasaan BN adalah sinonim dengan perpaduan serta ketahanan nasional yang semakin kukuh, adalah sinonim dengan kemajuan yang kian cemerlang, adalah sinonim dengan kesejahteraan serta kesaksamaan sosial yang semakin abadi.

Hakikat ini adalah *real* kerana segala dasar perjuangan BN, walaupun berpaksikan sejarah serta tamadun Bumiputera, adalah dasar-dasar yang berlandaskan prinsip

kebahagiaan bersama di kalangan rakyat yang berbagai bangsa dan agama.

Dasar-dasar pemerintahan BN ini disendikan pula dengan ciri-ciri positif dalam kepemimpinannya. Selain dari pada kepemimpinan yang ikhlas dan kesetiakawanan yang tulen, BN diterajui oleh pemimpin yang bersih, cekap dan amanah. Elemen-elemen lalai, sambil lewa, cuai, angkuh, pengkhianat, kotor, korup dan skandal tidak mempunyai ruang di dalam BN. Lazimnya, elemen-elemen sedemikian akan ditumpaskan oleh prinsip perjuangan yang murni.

Banyak dasar Kerajaan BN kini diteladani oleh kerajaan asing. Dasar pilihanraya Malaysia kini dicontohi oleh beberapa negara baru yang pernah dikongkong oleh Rusia. Dasar pembangunan ekonominya pula, sama ada Dasar Ekonomi Baru ataupun Dasar Pembangunan Nasional, bukan sahaja dikagumi malah digunakan oleh beberapa Kerajaan negara ketiga. Dasar luarnya pula amat pragmatik sehingga melonjakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani dan berkredibiliti.

Kesemua kisah kejayaan BN ini diklimaksan oleh kelahiran Wawasan 2020 ilham Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ini menjadikan perjuangan BN lebih progresif, futuristik dan selaras dengan persiapan ke arah abad ke-21. Pendeknya, BN kini menunjangi perjuangan menjayakan Wawasan 2020.

Lantaran itu, semua pihak termasuk Semangat 46, Angkatan dan Gagasan wajar berbangga dengan BN. Pakatan siasah inilah yang sedang mencartakan destini rakyat dan negara ke arah kecemerlangan. Pakatan siasah inilah juga yang sedang menyiapkan persada kebahagiaan di abad ke-21 kelak.

BN bukannya Gagasan. Jadi, adakah merupakan satu dosa untuk terus memberikan sepenuh kepercayaan kepada BN? Atau, tidakkah satu pengkhianatan besar untuk tidak menyokong BN sehingga bila-bila?

## **PAS BUKAN ISLAM**

*PADA 8 September 1994, seorang Penghulu Masyarakat Siam/Cina, Khoo Soo Cheng, telah menjadi penceramah utama di majlis Maulidur Rasul anjuran PAS di Bachok, Kelantan. Khoo telah berceramah menyokong Hukum Hudud yang digubal oleh PAS.*

*Peristiwa ini amat aneh. Tetapi, lebih aneh lagi apabila dalam pemerintahan PAS di Kelantan sekarang, sebuah berhala Buddha setinggi 120 kaki dibina di Ju Baka Darat, Tumpat. Berhala tersebut dikatakan telah dibina dengan kebenaran Kerajaan Angkatan.*

*Pada 10 Mac 1995, Haji Nik Aziz Nik Mat selaku Menteri Besar Kelantan dan Ketua Dewan Ulamak PAS, telah hadir dan menyampaikan watikah perlantikan Ketua Masyarakat Buddha di Wat Utlamaram, Kampung Teresek, Mukim Apam, Pasir Mas.*

*Nik Aziz berkata beliau "sengaja hadir pada majlis tersebut bertujuan memperdekatkan masyarakat Melayu Islam di Negeri Kelantan dengan masyarakat Buddha. Ia tidak bercanggah dengan hukum agama."*

*Soalnya di sini, jika PAS boleh berbaik-baik dengan pengikut Buddha, mengapakah PAS mengeluarkan banyak "fatwa" yang memecahbelahkan umat Islam di Malaysia?*

*Contohnya, pada November 1979, seorang pemimpin PAS, Haji Mustaffa bin Haji Abu Bakar telah mengeluarkan "fatwa" di Kampung Keruak, Ulu Besut, Terengganu yang mengatakan "sembahyang berimamkan orang Barisan Nasional tidak sah, sembelihan orang Barisan Nasional tidak boleh dimakan dan nikah yang dilakukan oleh jurunikah Kerajaan tidak sah, kalau bersetubuh hukumnya zina dan kalau dapat anak, anak itu haram."*

*PAS tidak pernah mempersoalkan kesahihan atau menafikan "fatwa" tersebut yang digunakan oleh PAS hingga ke hari ini. Adakah "fatwa" ini Islamik?*

## MALAYSIA DAN SUSUNAN BARU DUNIA ISLAM

NAMANYA yang unggul sedang dipahatkan ke peta diplomatik dunia. Perdana Menterinya seorang negarawan bertaraf internasional yang disegani dan berwawasan besar. Ekonominya yang galak, memecahkan rekod pertumbuhan baru, biar pun iktisad dunia digugat kelembapan. Ia pengeksport chip komputer yang terbesar sekali di dunia. Ia juga pengeluar semi-conductor yang ketiga besarnya di seluruh jagat.

Begitulah intisari tulisan seorang bekas diplomat Barat, M.S.Dobbs-Higginson, mengenai sebuah negara di Asia Tenggara, dalam bukunya mengenai Wilayah Asia Pasifik, rantau yang sedang mencatatkan kisah-kisah kejayaan menuju Abad ke-21.

Negara yang dimaksudkan oleh Higginson dalam bukunya *"Asia Pacific, Its Role In The New World Disorder"* adalah Malaysia. Perdana Menteri yang dimaksudkannya adalah Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Adi Jagat yang kini

menerajui perjuangan negara-negara membangun mene-gakkan keadilan dan kesaksamaan manusia tanpa mengira warna kulit, agama dan taraf ekonominya.

Kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir membawa Malaysia ke mercu kecemerlangan ekonomi juga dikagumi oleh Dr. Usamah al Faqih, Presiden Bank Pembangunan Islam (IDB).

Seorang penulis futuristik Barat, Alvin Toffler, mene-gaskan di satu seminar Kuala Lumpur pada 13 April 1994, bahawa "**Malaysia kini menuju ke era negara Gelombang Ketiga dan menggunakan kesempatan kecang-gihan teknologi negara maju bagi mendapatkan pilihan terbaik bagi kepentingannya.**"

Utusan Malaysia 2 Ogos 1941, memetik Presiden Bank Pembangunan Islam (IDB), Dr. al Faqih sebagai ber-kata bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam berdaya maju dan telah berjaya menonjolkan imej Islam yang tinggi di mata komuniti dunia.

Menurut Dr. al Faqih, Malaysia adalah negara model yang pragmatik mengenai pembangunan sosio-ekonomi, kerjasama ekonomi dan toleransi beragama. Beliau juga mengagumi iltizam Malaysia dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahannya. Usaha tersebut, katanya, amat dipandang tinggi oleh negara luar.

Sebab itulah IDB telah mengiktirafkan Malaysia se-bagi sebuah model negara Islam yang terbaik dan seka-ligus akan membimbing negara-negara Islam yang lain di bidang pembangunan serta kemajuan ekonomi dan pe-ngurusan.

Pengiktirafan tersebut telah mendorong IDB menu-buhkan cawangan serantaunya di Malaysia. Sekaligus, Ma-laysia juga terpilih sebagai satu dari sembilan negara Islam yang paling layak menerima skim percubaan di bawah Pro-jek Bersih IDB-Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC-Net). Skim ini diwujudkan untuk menyelaraskan kerjasama negara-negara ahli IDB berhubung pembangunan melalui perkongsian sumber maklumat, perda-gangan, perindustrian dan pertanian.

Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, juga mengagumi Malaysia. Beberapa dasar serta strategi pem-bangunan negara ini sedang dijadikan model pembangunan Afrika Selatan yang baru sahaja terbebas dari cengkaman arpatheid.

Beberapa negara bekas jajahan takluk Russia di Asia Tengah, termasuk Uzbekistan, turut menjadikan Ma-laysia sebagai model dan rujukan di dalam proses pemba-ngunan fizikal dan insaniahnya. Hubungan diplomatik dan perdagangan Malaysia dengan wilayah berkenaan kini jadi semakin intim.

Sementara itu, kebijaksanaan Dato Seri Dr. Mahathir menangani pergolakan pembangunan iktisad negara juga diakui oleh Prof. Ataul Huq Pramanik, seorang pensyarah ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Pada 19 Disember 1994, Prof. Ataul Huq berkata bahawa dasar dan strategi Malaysia yang menekankan aspek pengagihan pendapatan adalah selaras dengan kehendak pembangunan di dalam Islam.

Katanya, Dasar Ekonomi Baru yang terlaksana sejak tahun 70-an adalah bertujuan mempertingkatkan taraf

hidup rakyat berpendapatan rendah melalui pengagihan keadilan. Usaha memperkenalkan sistem perbankan tanpa faedah dan pelbagai dasar lain yang tertumpu kepada pembangunan manusia, adalah contoh pembangunan yang dituntut Islam yang memenuhi kehendak syariah dan sunnah.

Hakikat ini diperkuatkan oleh Munawir Sjadzali, bekas Menteri Agama Indonesia yang dianugerahkan sebagai tokoh Maal Hijrah 1415H. Utusan Malaysia 13 Jun 1994 memetik beliau sebagai berkata bahawa walaupun beliau bukan anak kelahiran Malaysia, beliau amat mengagumi Kerajaan negara ini yang prihatin dan menghargai sumbangan dan penyertaan rakyat luar dalam meningkatkan status agama Islam.

Begitulah murninya nama Malaysia di arena antarabangsa. Pandangan serta pendapat di atas hanya satu dari aneka tanggapan Barat dan Timur terhadap negara ini. Kedudukan seperti ipi pastinya akan menjadi pemangkin kepada kejayaan lebih besar di hari muka.

Jadi, demikianlah hakikatnya keunggulan Malaysia di dalam susunan baru dunia Islam. Begitulah hakikatnya keunggulan Malaysia dari kacamata beberapa tokoh dunia, baik yang berlatarkan Islam mahupun yang sekular. Begitulah realitinya mengenai Dato Seri Dr. Mahathir sebagai pemimpinnya dan BN sebagai parti pemerintahnya.

Secara tidak langsung, begitulah juga unggulnya UMNO yang menulangbelakangi BN dan begitulah juga unggulnya umat Islam yang merupakan warga majoriti di Malaysia.

Hakikat di atas adalah benar. Ia tidak lahir atas undangan ataupun atas desakan mana-mana pihak di Malaysia. Hakikat itu dihitam-putihkan secara sukarela sebagai suatu pengiktirafan yang luhur.

Lantaran itu, amat ironis sekali jika Malaysia masih terus-menerus mahu diharu-birukan oleh pihak pembangkang di negara ini. Amat ironis lagi ialah bila pembangkang yang kian lantang dan semberono dalam hal ini ialah golongan pembangkang Melayu/Islam.

Golongan ini telah menaburkan berbagai fitnah dan tohmah kepada Kerajaan BN dan kepemimpinannya. Kepemimpinan parti pemerintah sentiasa dikatakan kononnya menindas, diktator dan tidak Islamik. Mereka berasa bebas berperilaku sedemikian kerana mereka berselindung di sebalik prinsip-prinsip demokrasi.

Menurut amalan demokrasi, memanglah seluruh rakyat berhak untuk bersuara, khususnya untuk menyokong atau membangkang. Tetapi, perlukah demokrasi digunakan secara ekstrim dan melulu semata-mata atas nama demokrasi?

Tetapi, demokrasikah namanya jika Malaysia yang sedang menikmati pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan ini sengaja mahu diporak-perandakan siasahnya, semata-mata kerana ada segelintir umat pembangkang yang tidak senang dengan personaliti kepemimpinan Kerajaan BN atas sebab-sebab peribadi?

Demokrasikah namanya negara yang telah bertukar corak dari ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berasaskan perbuatan ini sengaja mahu diharu-birukan politiknya semata-mata kerana perbezaan politik yang sempit dan lokal?

Memanglah majoriti rakyat berpendapat bahawa demokrasi ertinya mereka berhak menentukan kekuasaan negara menerusi proses pilihanraya umum. Mereka berhak memilih kerajaan yang serasi dengan jiwa dan kehendaknya. Tetapi, adakah suatu amalan yang demokratik untuk menafikan keunggulan BN semata-mata kerana perbuatan itu dihalalkan oleh demokrasi?

Apakah ertinya demokrasi jika pengamalannya secara ekstrim dan semberono akan hanya berakhir dengan suatu keadaan ekonomi yang statik, lembab dan mundur? Apakah ertinya demokrasi jika bibit-bibit permusuhan dan perbalahan yang dicetuskan oleh dinamisme demokrasi itu sendiri akan hanya menghala ke arah kehancuran dan anarki?

Oleh itu, amalan demokrasi di Malaysia hendaklah mengambil kira persoalan-soalan di atas. Demokrasi perlu mempunyai had dan sempadan. Demokrasi perlu dilaksanakan dengan panduan akal-budi serta kebijaksanaan. Demokrasi janganlah dijadikan lesen untuk bertindak secara dolak-dalik, secara melulu, secara liar, apatah lagi untuk memenuhi selera peribadi.

Amalan demokrasi di Malaysia mestilah mengambil kira kehendak dan keperluan bangsa, agama dan tanahair. Amalan demokrasi di Malaysia mestilah mengambil kira kewujudan Kerajaan serta politik yang mantap, konsisten dan boleh diramalkan ataupun predictable. Tanpa pra syarat ini, mustahil Malaysia berjaya menempah kecemerlangan di Abad ke-21 kelak.

Demokrasi di Malaysia hendaklah diamalkan untuk mewujudkan satu sistem kehidupan yang secocok dengan

tuntutan umatnya yang rindukan kesaksamaan, kesejahteraan dan kedamaian yang abadi.

Menurut Hilmy Bakar Almascaty dalam bukunya *"Ummah Melayu Kuasa Baru Dunia"*, "satu sistem kehidupan yang fitrah, iaitu sistem kehidupan yang sesuai dengan kehendak hati nurani manusia yang menginginkan terwujudnya keadilan, kebahagian dan kedamaian sejati yang berdasarkan ajaran yang mutlak kebenarannya."

Dalam konteks memilih sesuatu Kerajaan atau dalam konteks sesuatu pilihanraya umum, Dato Seri Dr. Mahathir pernah menegaskan bahawa "yang menentukan kejayaan sistem demokrasi ialah pengamal sistem demokrasi itu sendiri."

Oleh itu, kata beliau, "seluruh pengamal sistem demokrasi perlu sedar bahawa segala peruntukan dalam sistem tersebut wajarlah diamalkan dengan membelaangkan nafsu dan mengutamakan perpaduan." Jika hakikat ini dilupai, "kita akan berhadapan dengan bahaya. Oleh kerana terlupakan maka kita lihat banyak negara demokratik di dunia sekarang yang gagal."

Sebab itulah Dato Seri Dr. Mahathir sentiasa mengingatkan rakyat Malaysia bahawa "**demokrasi cuma akan kekal dan kuat jika pengamalnya memahami peranan mereka, pintar mengawal kepentingan diri untuk menjayakan kepentingan ramai dan sentiasa komited untuk memelihara demokrasi.**"

Oleh itu, Insafilah bahawa amalan demokrasi yang bercelarulah yang telah menjadi punca utama sebilangan negara-negara Islam kini dalam keadaan lemas, lumpuh dan kehilangan martabat. Lihatlah apa yang terjadi di Af-

ghanistan, apa yang terjadi kepada Iraq, apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina dan apa yang terjadi di Somalia. Amalan demokrasi menjadikan umat Islam di negara-negara tersebut kehilangan maruah dan martabat.

Maka, apakah pengiktirafan seperti di atas tidak lagi menyakinkan umat setempat bahawa negara Malaysia dan bangsa Malaysia kini adalah satu negara dan satu negara yang bertaraf dunia? Tidakkah ini bermakna umat Melayu/Islam Malaysia juga sedang menempah martabat bertaraf dunia?

Jika seorang penulis Barat yang terkenal, Alvin Toffler, pernah menegaskan di satu seminar di Kuala Lumpur pada tahun 1994 bahawa umat Melayu/Islam Malaysia adalah merupakan "ujian kepada Islam", perlukah perbalahan siasah sesama Melayu/Islam di negara ini diperhebatkan dan dihalalkan atas alasan demokrasi, walaupun perbalahan itu akan hanya menggagalkan "ujian" ke arah kecemerlangan?

Menurut Toffler, "jika kamu berjaya memajukan negara dan rantau ini, kamu akan membuktikan kepada dunia bahawa Islam adalah agama yang progresif, berbeza dari tanggapan biasa Barat. Pusat perkembangan Islam akan berumah dari Timur Tengah, tempat asal tradisinya, ke rantau ini."

Kenyataan di atas mencabar kebijaksanaan umat Melayu/Islam untuk bertindak secara bijaksana. Pertama, jika mereka "berjaya memajukan negara dan rantau ini" mereka pastinya berjaya "membuktikan bahawa Islam adalah agama yang progresif."

Kedua, jika umat Melayu/Islam "berjaya memajukan negara dan rantau ini" pastinya juga mereka akan berjaya mengubah "pusat perkembangan Islam dari Timur Tengah, tempat asal tradisinya, ke rantau ini", khususnya ke Malaysia.

Sebaik-baiknya, matlamat dan cita-cita murni inilah yang mesti dijadikan matlamat setiap harakah perjuangan Melayu/Islam Malaysia dalam konteks susunan baru dunia Islam dan susunan baru dunia secara umumnya.

Oleh itu, gunakanlah hak-hak demokrasi dalam sesuatu pilihanraya umum secara waras. Sepatah kata Dato Seri Dr. Mahathir, rakyat Malaysia tidak "**kebuluran, tidak terdedah kepada iklim yang terlalu sejuk atau terlalu panas dan lain-lain malapetaka. Pendek kata, kita hidup sempurna jika tidak pun serba mewah.**"

Tetapi, segala-galanya akan makmur dan damai jika umat Malaysia sendiri memilih untuk mengamalkan hak-hak demokrasinya dengan mengambil kira kemurnian nama negara masa kini dalam konteks perjuangan dunia dan perjuangan Islam, juga dalam konteks kepesatan ekonomi negara mutakhir. Segala-galanya akan musnah jika tersilap membuat pilihan.

## **DEMOKRASI MALAYSIA**

**PILIHANRAYA** Umum adalah mercu kepada amalan demokrasi. Menerusi peti undi, pemilih berhak menentukan kekuasaan negara mengikut citarasa peribadinya sendiri. Bagaimanapun, amalan demokrasi ini hendaklah dilakukan secara bijaksana.

Seperti kata Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, demokrasi dibentuk untuk kepentingan manusia dan bukan manusia yang dibentuk untuk kepentingan demokrasi. Oleh itu, pengamal sistem demokrasi mestilah bertindak rasional sebelum menggunakan hak-hak demokrasinya.

Beliau berharap, janganlah hak-hak demokrasi seseorang individu disalahgunakan sehingga mendatangkan keburukan kepada masyarakat umum. Janganlah hak-hak demokrasi digunakan secara liar dan ekstrim sehingga pengamal dan demokrasi itu sendiri akan musnah.

Hak-hak demokrasi yang dilaksanakan tanpa batas dan sempadan akan menimbulkan mudharat kepada bangsa, agama dan tanahair. Sebab itulah demokrasi mestilah diamalkan untuk mewujudkan satu sistem kehidupan yang saksama, sejahtera dan damai, bukannya kehidupan yang haru-biru dan porak-peranda.

Oleh itu, demokrasi hendaklah diamalkan supaya Kerajaan dan politik negara sentiasa mantap, konsisten dan boleh diramalkan (predictable). Tanpa pra syarat ini, mustahil Malaysia berjaya menempah kecemerlangan di abad ke 21.

Berhati-hatilah bila mengamalkan hak demokrasi dalam pilihanraya umum. Janganlah sesuatu yang benar dan hakiki dikesampingkan semata-mata kerana ia dihalalkan oleh sistem demokrasi.

## Bibliografi

### BUKU

- ABDULLAH Khir  
1988                                  *Siapa Bunuh UMNO*
- LAU Albert  
1991                                  *The Malayan Union Controversy  
1942-1948*  
    Oxford University Press.
- ASIAN STRATEGY  
& Leadership Institute  
1995                                  *The Pacific Rim  
in the 21st Century  
Alliances and Collaborations  
in the Asia-Pacific.*  
    Petaling Jaya:  
    Pelanduk Publications.
- DOBBS M.S  
HIGGINSON  
1994                                  *Asia Pacific  
Its Role in the  
New World Disorder.*  
    London: Mandarin.
- HILMY Bakar Almascaty  
1994                                  *Ummah Melayu  
Kuasa Baru Dunia Abad ke-21.*  
    Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Kamarazaman Yacob  
1988                                  *Politik Malaysia - Rumusan*  
    Kuala Lumpur: Media Jaya
- 1988                                  *Mahathir Menuju Diktator?*  
    Kuala Lumpur: Media Jaya
- 1985                                  *Kementerian Dalam Negeri  
Ke arah Memelihara  
Keselamatan Negara*

MAHATHIR Mohamad 1988, 1995	<i>UMNO Tetap UMNO</i> Ibupejabat UMNO Kuala Lumpur.
	<i>PAS Peningkatan Politik</i> <i>Daripada Agama</i> Jawatankuasa Penerangan Ibupejabat UMNO Kuala Lumpur.
MAUZY D.K 1983	<i>Barisan Nasional</i> <i>Coalition Government in Malaysia</i> Kuala Lumpur: Maricans Academic Series
MEANS G.P 1991	<i>Malaysian Politics</i> The Second Generation Oxford University Press.
NSTP Research and Information Services 1990 dan 1994	<i>Elections In Malaysia</i> Kuala Lumpur: The New Straits Times Press Bhd.
PERHUBUNGAN UMNO JOHOR 1988	<i>Kesinambungan Perjuangan</i> <i>Bermartabat</i>
RAZALEIGH Hamzah 1987, 1988	<i>Menentang Kemungkaran</i> <i>Politik Dan Ekonomi</i> Kuala Lumpur.

RUHANIE Haji Ahmad  
1990

*Melayu Lawan Melayu*  
Kuala Lumpur:  
Nusantara Publishing Sdn. Bhd.

YOUNG Kevin  
WILLIEM C. F. Bussink  
PARVEZ Hasan  
Report  
1980

*Malaysia: Growth And Equity  
In A Multiracial Society,  
A World Bank Country Economic*  
Baltimore and London:  
The Johns Hopkins  
University Press

## **MAJALAH & SURATKHABAR**

Backbench, Ogos 1994.

Berita Harian 1968, 1969, 1978 dan dari 1987 hingga 1995.

Dewan Masyarakat Mei 1965, 1988.

Watan dari 1987 hingga 1995.

Harakah dari 1987 hingga 1995.

Mingguan Kota 1987, 1988.

Utusan Malaysia dari 1987 hingga 1995.

Utusan Melayu 1985.

UMNO 20 Tahun, 1966.

20 Tahun Barisan Nasional, 1994.

Perlembagaan Angkatan Perpaduan Ummah

Perlembagaan Barisan Nasional

Perlembagaan DAP

Perlembagaan Gagasan Rakyat Malaysia

Perlembagaan Parti Melayu Semangat 46

Perlembagaan PAS (Pindaan 1993)

Perlembagaan UMNO (Pindaan 1994)

## Indeks

- Abdul Hadi Awang 106,  
Abdullah Nor 70,  
Abdullah Khir 2,  
Abdul Rahman Yaakob 23,  
Abdul Taib Mahmud 23,  
Abdul Razak 27,  
121-123, 125,  
Ahmad Abdul Hamid 75,  
Ahmad Ilyas Mohd Idris 96,  
Al Faqih 130,  
Angkatan 22, 24, 26, 28-30,  
33, 44, 55-59, 73, 76-77, 91,  
94, 100-102, 111, 116-122, 126,  
Anwar Ibrahim 74,  
Ataul Huq Pramanik 131,  
Azmi Ali 70,  
  
Baharum M. Zain 45,  
Berjasa 23, 95, 97, 116-117  
Berjaya 22, 49,  
BN 21-22, 24-28, 34, 35, 40-41,  
44, 46, 49-52, 58, 61-64, 70-71,  
79, 81, 85, 89-90, 94-97,  
111-112, 114-115, 117,  
120-122, 124-127, 132-134  
Bukhari Mohd. Noor 86-87,  
  
Chen Man Hin 95-96,  
Chian Heng Kai 37,  
  
DAP 22, 33-41, 56-57, 64,  
73, 76-77, 93, 95-97, 99-101,  
104, 108-109, 117, 119  
Dobbs 129,  
  
Fadzil Noor 99, 106,  
Fahmi Ibrahim 82,  
  
Gagasan 22-24, 26, 28-30,  
33, 49-52, 55-59, 73, 76-77,  
94-97, 99-102, 105, 111,  
117-120, 121-122, 126-127  
Gerakan 124,  
G. Pandithan 23,  
95-96, 117,  
  
Hamim 24, 95, 97, 116-117,  
Harris Salleh 22,  
Harun Idris 82,  
Higginson 129,  
Hickling 39-41,  
Hussein Onn 11,  
Hilmy Bakar Almascaty 135,  
  
Ibrahim Ali 55, 67,  
69-71, 82,  
IPF 23, 95-97, 117,  
Ismail Abdul Rahman 123,  
  
Joseph Pairin Kitingan 22,  
49-52, 58,  
  
Kamarazaman Yacob 2,  
Kassim Ahmad 47,

- Khaw Kai Boh 38,  
Kimma 95, 97, 117,  
Lim Guan Eng 34, 36,  
Lim Kit Siang 34, 51, 52, 57,  
Mahathir Mohamad 2, 4-7,  
11, 13, 15, 21, 25, 53, 62, 65,  
69, 77, 81, 100-112, 126,  
129-132, 135, 137,  
Marina Yusof 55, 79-83,  
Mazlan Harun 82,  
MCA 27, 38-39, 122, 124  
Megat Junid Megat Ayob 116,  
MIC 23, 27, 38, 122, 124  
Mohd. Asri Muda 24,  
Mohamad Sabu 85-91,  
94, 100,  
Mohamed Suffian 39,  
MSP 117,  
Muhamad Kamal Hussein 81,  
Muhammad Muhd. Taib 74,  
Munawir Sjadjzali 132,  
Mustafa Abu Bakar 107,  
Nelson Mandela 131,  
Nordin Salleh 47, 56, 70,  
Norma Abdul Halim 86-89,  
Nik Aziz Nik Mat 45-47,  
87-88, 90, 104-107,  
Onn Jaafar 15, 16,  
PAP 22,  
PAS 20-24, 28, 44-47, 56-59,  
62, 64, 70, 73, 76, 85-91, 93,  
94, 99-109,  
Patto Perumal 95,  
PBB 23, 124,  
PBS 22-23, 46, 47, 49-53,  
57-59, 64, 95-96, 117, 125,  
Perikatan 27-28,  
Permas 23,  
PMJ 8-14,  
PPP 28, 124,  
PRM 24, 95, 97, 117  
Radzi Sheikh Ahmad 55,  
61-66, 82,  
Rahmah Osman 73-78, 82,  
Rakibah Abdul Manap 75,  
Rais Yatim 77, 95,  
Sanusi Osman 95,  
Semangat 46 1-2, 6-10,  
12-21, 22, 26, 29-31, 33-35,  
38-41, 44-47, 50, 53, 55-63,  
66-71, 73-83, 93-98, 99-102, 105,  
108-109, 111-120, 121-122, 126,  
Suhaimi Kamarudin 76,  
SUPP 28, 123-124  
S. Samy Vellu 23,

- UMNO 1-11, 13-20, 22, 24, 26-27, 30-31, 38, 40-41, 53, 55-56, 59, 61-66, 69-71, 73-75, 77-81, 86, 88-90, 98-100, 103, 105-106, 108, 111-115, 118, 133  
USNO 52-53, 124-125.
- Tan Siew Sin 38.  
Tengku Razaleigh Hamzah 2-7, 9, 11, 13-15, 19-23, 26, 31, 33, 46, 47, 49-52, 55-58, 61, 67, 69, 73, 75-77, 80-83, 93-122.  
Ting Chek Ming 35.
- Toffler Alvin 130, 136.  
Tunku Abdul Rahman 63, 64, 113,  
Wan Mohd. Najib Wan Mohamad 47, 56,  
Wira Ahmad Nordin 55, 82,  
Yaakub Mohamad 44,  
Zaharah Sulaiman 36.  
Zainal Abidin Johari 82.  
Zainal Abidin Zin 77, 95,  
Zainal Rampak 82,

*NAMA Malaysia yang unggul sedang dipahatkan ke peta diplomatik dunia. Perdana Menterinya, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, diiktiraf sebagai negarawan bertaraf internasional yang disegani dan berwawasan besar. Ekonominya memecahkan rekod pertumbuhan baru, biarpun iktisad dunia digugat kelembapan. Malaysia adalah pengeksport chip komputer yang terbesar dan pengeluar semi konduktor yang ketiga besarnya di seluruh jagat.*

*Segala kisah kejayaan di atas adalah hasil perjuangan Barisan Nasional yang sentiasa diberi mandat oleh rakyat jelata menerusi setiap pilihanraya umum di negara ini. Segala-galanya menjadi realiti kerana rakyat Malaysia bijaksana mengamalkan hak demokrasinya.*

*Lantaran itu amat aneh sekali jika Malaysia dan pemerintahannya masih terus-menerus mahu diharu-birukan oleh pihak pembangkang di negara ini. Amat sedih sekali bila pembangkang yang kian lantang dan semberono dalam hal ini ialah golongan pembangkang Melayu/Islam. Mereka bertindak demikian kerana selaras dengan amalan demokrasi.*

*Tetapi, perlukah demokrasi digunakan secara ekstrim dan melulu semata-mata atas nama demokrasi? Demokrasikah namanya jika siasah negara mahu diporak-perandakan semata-mata kerana ada segelintir umat pembangkang yang tidak senang dengan personaliti kepemimpinan Kerajaan BN atas sebab-sebab peribadi?*

*Oleh itu, berhati-hatilah di dalam membuat pilihan dalam sesuatu pilihanraya umum yang menentukan pemerintahan negara. Demokrasi di Malaysia mestilah mengambil kira kehendak keperluan bangsa, agama dan tanahair, disamping mengambil kira kewujudan Kerajaan serta politik yang mantap, konsisten dan boleh diramalkan atau predictable. Tanpa pra syarat ini, mustahil Malaysia menempah kecemerlangan di abad ke-21 kelak.*

ISBN 983-9785-04-4



9 789839 785043

Titan Klasik Sdn Bhd